



Islam Dalam Ketamadunan *Kelarutan*

Editor

Mohd Fadli Ghani

ISLAM DALAM KETAMADUNAN KELANTAN

Editor
MOHD FADLI GHANI

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU
DATO' BENTARA SETIA
2018

ISLAM DALAM KETAMADUNAN KELANTAN

Cetakan Pertama : Safar 1440H/ Oktober 2018
©Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

Hak Cipta Terpelihara: Tidak dibenarkan sesiapa jua mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA

Tingkat Bawah, Blok Dewan Negeri, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-747 0919

Faks : 09-747 1045

Laman Web Rasmi: <http://www.iptg.my>

Email: iptgkelantan@yahoo.com

Cetakan oleh:

HUMAIS PRODUCTION (KT0349842-V)

Kg. Tunjong, Hadapan JPN, Jalan Kuala Krai,

16150, Kota Bharu Kelantan.

+60137726897

ISBN 978-967-12552-5-4

KATA PENERBIT



Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya bagi Allah SWT. Berkat rahmat dan kurniaNya dapat buku *Islam Dalam Ketamadunan Kelantan* ini diterbitkan. Buku ini merupakan kesinambungan daripada Seminar Islam Dalam Ketamadunan Kelantan anjuran Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) sebelum ini.

Kelantan merupakan sebuah negeri yang sinonim dengan agama Islam. Rakyatnya dikenal kuat beragama semenjak abad ke-12 serta kerajaannya komited melaksanakan syariat dan menggalakkan perkembangan dakwah & pendidikan Islam khususnya sejak abad ke-18. Justeru buku ini merakamkan perkembangan tersebut melalui lapan tajuk penting khususnya ulama dan pentadbiran kerajaan negeri.

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) selaku penerbit merakamkan jutaan terima kasih kepada para penulis yang sudi berkongsi hasil kajian masing-masing; Dr. Farid Mat Zin, Mohd Fadli Ghani, Dr. Wan Nik Wan Yussof, Prof. Madya Dr. Shukeri Mohamad, Syahir Sulaiman, Dr. Aslati, M. Ag, Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi, YB Datuk Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali & Zulhimi Abd Rahman.

Semoga penerbitan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan dikira sebagai amal kebaikan dan ibadah disisi Allah SWT.

Dato' Dr. Johari Bin Mat
Pengarah
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)
Safar 1440/ Oktober 2018

KANDUNGAN

ALUAN PENERBIT	... <i>iii</i>
KANDUNGAN	... <i>iv</i>
PENULIS	... <i>v</i>
BAB 1 Peranan Ulama Dalam Pembangunan Tamadun Kelantan Sebelum Merdeka	... 01
Farid Mat Zin	
BAB 2 Islam dan Perubahan Politik Di Kelantan	... 15
Mohd Fadli Ghani	
BAB 3 Membangun Bersama Islam: Pembinaan Tamadun Kelantan	... 41
Wan Nik Wan Yussof	
BAB 4 Amalan Siyasah Syar'iyyah Dalam Pentadbiran Kerajaan Kelantan	... 69
Shukeri Mohamad	
BAB 5 Ekonomi Berasaskan Syariat : Model Kelantan	... 101
Syahir Sulaiman	
BAB 6 Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat: Analisis Terhadap Peranan Sebagai Ulama Dalam Pelaksanaan Syariat Islam Di Kelantan	... 121
Aslati, M. Ag & Mohd Fadli Ghani	
BAB 7 Sumbangan Almarhum Tuan Guru Nik Aziz Terhadap Pembangunan Kelantan	... 145
Mohd Syakir Mohd Rosdi	
BAB 8 Tamadun Baru Melayu Malaysia Berdasarkan Budaya Politik Matang dan Sejahtera di Kelantan	... 175
Mohd Khairuddin Aman Razali & Zulhimi Abd Rahman	
RUJUKAN	... 196

PENULIS

Dr. Farid Mat Zain merupakan seorang Pensyarah Kanan, Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau ialah Ulama Nusantara, Sejarah dan Tamadun Islam di Malaysia dan Gerakan Islah.

Mohd Fadli Ghani merupakan seorang penyelidik politik dan sejarah. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perbandingan Mazhab dan Hukum, UIN SUSKA, Riau; Sarjana Pengajian Peradaban, Universiti Malaya dan Sarjana Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dr. Wan Nik Wan Yussof merupakan Pengarah Pusat Kajian Strategik (PKS), Kerajaan Negeri Kelantan. Bidang kepakaran beliau ialah penyelidikan lapangan, politik, pentadbiran dan latihan jentera pilihan raya. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan.

Dr. Shukeri Mohamad merupakan seorang Professor Madya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah Perhubungan Antarabangsa Islam, Pemikiran Politik Islam, Kepimpinan Islam dan Siasah Syar`iyah.

Syahir Sulaiman merupakan Setiausaha Politik Presiden Parti Islam SeMalaysia (PAS). Berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana Pengajian Pembangunan, Universiti Malaya (UM).

Dr. Aslati, M. Ag merupakan seorang Pensyarah Fakulti Dakwah dan Komunikasi, UIN Sultan Syarif Kasim (UIN Suska), Riau. Bidang kepakaran beliau ialah Hadis. Berkelulusan PhD dari UIN Suska, Riau.

Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi merupakan seorang Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM). Bidang kepakaran beliau ialah Ekonomi Politik Islam, Ekonomi Politik Pembangunan Berteraskan Islam, Pembangunan Insaniah, Tahaluf Siyasi dalam Ekonomi Politik Islam dan Strategi Negosiasi Dalam Islam.

YB Datuk Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali merupakan Ahli Parlimen Kuala Nerus, Terengganu. Berkelulusan Ph.D Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pernah berkhidmat sebagai Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Zulhimi Abd Rahman merupakan Timbalan Pengurus Besar Akademik, Sekolah Integrasi Tahfiz Ilmuwan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Mujamma Sheikh Ahmad Kaftaro, Damsyik, Syria dan Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

BAB 1

PERANAN ULAMA DALAM PEMBANGUNAN TAMADUN KELANTAN SEBELUM MERDEKA

Farid Mat Zin

Pendahuluan

Perkembangan Islam yang baik dalam kalangan masyarakat menjadi tarikan penting kedatangan masyarakat luar ke Kelantan, selain daripada negeri ini mempunyai tarikan budaya masyarakatnya yang tersendiri. Kedatangan masyarakat luar bukan sahaja dari kalangan masyarakat awam malah dari kalangan sarjana dan penyelidik terkenal. Mereka mengkaji kehidupan beragama dalam kalangan masyarakat juga nilai sosial yang dilakukan. Abdullah Munshi melakukan pelayaran ke Kota Bharu Kelantan pada 1838. Pentadbir British, Sir Hugh Charles Clifford melakukan perjalanan ke Kelantan pada 1895, dan tidak kurang juga pendeta Melayu terkenal, Zaaba melawat Kelantan melalui keretapi pada 1928. Tujuan lawatan mereka adalah pelbagai namun melalui pengembaraan tersebut mereka melaporkan Kelantan sebagai sebuah negeri yang mempunyai perkembangan Islam yang baik.

Kajian mengenai Kelantan termasuk isu kontemporari banyak dibincangkan, namun kajian mengenai ulama dilihat masih kurang khususnya apabila dibanding dengan kajian mengenai Islam di Kelantan pada zaman-zaman awal. Masyarakat Kelantan perlu

harga kajian yang dilakukan oleh Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah dan Haji Ismail Che Daud yang menulis biografi ulama Kelantan. Melalui mereka sejarah ulama Kelantan dikenali. Selain mereka, Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Muhammad Yunan, Abdul Razak Mahmud dan Abdullah al-Qari. Penulisan dan hasil kajian mereka ini dijadikan landasan dalam penulisan makalah ini.

Pembentukan Ulama Kelantan

Persoalan mengenai bila dan bagaimana terbentuk ulama Kelantan masih tidak banyak dibincang dan diberi perhatian oleh para pengkaji. Muhammad Yunan dalam buku *Riwayat Hidup Ulama Kelantan* menyenaraikan seramai 60 orang tokoh ulama Kelantan yang semuanya hidup pada abad kedua puluh dan meninggal sebelum merdeka. Hanya seorang yang dicatat ulama yang hidup dan meninggal dunia pada akhir abad ke-18 iaitu Tok Pulai Chondong (Muhammad Yunan, 1989). Adalah terlalu lewat jika kita mahu mengatakan bahawa hanya pada abad ke-18 baru muncul ulama di Kelantan. Ini kerana Kelantan merupakan sebuah negeri yang mempunyai perkembangan Islam yang pesat sejak awal lagi berbanding negeri-negeri di Tanah Melayu (Abdul Razak, 2010:1). Sudah pasti sudah wujud atau muncul ulama berwibawa sebelum abad ke-18 lagi namun catatan mengenainya masih belum ditemui.

Catatan Abdul Halim Nasir boleh dijadikan bukti bahawa telah wujud beberapa orang tokoh agama di Kelantan sebelum abad ke-18. Dalam buku beliau iaitu *Panduan ke Tempat Bersejarah Kelantan* mencatatkan bahawa terdapat beberapa makam tokoh agama terawal ditemui di Kelantan dan ia masih boleh dilihat sehingga hari ini. Sebuah daripadanya ialah makam yang terletak di Kg Tanjung Chat, kira-kira lima kilometer ke utara bandar Kota Bharu, dikenali oleh masyarakat kampung sebagai Makam Raja Imam. Beliau

berasal dari Tanah Jawa. Tarikh kewujudan beliau tidak dicatat tetapi beliau dikatakan salah seorang yang mendirikan masjid tua Kampung Laut (Abdul Halim, 1979:137). Seorang lagi yang dicatat oleh Abdul Halim ialah Radin Panji bin Radin Sundang. Beliau seorang pengembang agama Islam yang berasal dari Tanah Jawa. Dikatakan beliau lahir di Solo (Surakarta) dan semasa dewasa beliau pergi menuntut ilmu di Makkah. Sekembali dari Makkah beliau balik ke Tanah Jawa. Oleh kerana pergolakan di Tanah Jawa pada ketika itu beliau berpatah balik dan berhijrah ke Kelantan, iaitu kira-kira zaman pemerintahan Long Yunus (kira-kira dalam tahun 1766). Di Kelantan Radin Panji giat menjalankan dakwah dan mengajar agama Islam kepada masyarakat. Beliau juga dikatakan salah seorang yang mendirikan Masjid Kampung Laut (Abdul Halim, 1979:130).

Sebagai catatan, Masjid Kampung Laut merupakan salah sebuah masjid tertua di Kelantan dan juga di rantau Nusantara. Tarikh sebenar pembinaan masjid ini masih tidak disepakati namun beberapa pengkaji mengatakan ia dibina pada abad ke-15 Masihi. Bagi kebanyakan penduduk Kelantan, mereka mengenali masjid ini sebagai masjid 300 tahun (Nik Mohamad, 2001:98). Ramai yang mengaitkan masjid ini sezaman dengan Masjid Demak di Tanah Jawa, justeru ramai mengatakan ia dibina oleh sekumpulan ulama yang dikenali dengan Wali Songo. Salleh (2003) cuba mengaitkan masjid dengan asal usul Kampung Laut. Beliau menyatakan walaupun tiada data yang jelas mengenai asal usul Kampung Laut dan bila ia didiami oleh penduduknya tetapi ramai yang mengakui bahawa Kampung Laut merupakan kampung yang tertua di negeri Kelantan iaitu sezaman dengan Kampung Banggol, Kampung Penambang dan lain-lain, dimana kewujudannya lebih awal dari era Long Yunus menjadi Yang Dipertuan Kelantan pada 1763 hingga 1798 (Salleh, 2003:6)

Abdul Halim Ahmad (1998, 2-3) berpendapat bahawa orang yang paling awal mengembangkan Islam dengan membuka pusat pengajian Islam terawal ialah Shaykh Haji Abdul Halim. Beliau merupakan anak angkat kepada Long Yunus (1762-1794) iaitu seorang kanak-kanak yang dihadiah oleh saudagar Cina yang bermiaga di Kelantan waktu itu. Long Yunus menghantar anaknya ini ke Makkah untuk mempelajari agama Islam. Tidak disebut berapa lama beliau berada di sana tetapi sekembali dari Makkah beliau bertanggungjawab menyampaikan Islam di istana dan di surau-surau untuk anak raja, anak pembesar dan orang ramai. Disebut pengajaran pada peringkat ini sangat sukar, ini kerana tiada kitab bercetak disediakan kepada para pelajar. Justeru, Shaykh Abdul Halim memberikan pengajaran secara lisan sahaja dengan menterjemah kitab Bahasa Arab ke Bahasa Melayu. Sultan mendirikan surau di sebelah istana untuk memudahkan Shaykh Abdul Halim menyampaikan pengajaran. Beliau dilantik sebagai penasihat kepada Sultan Muhammad I. Dengan pengajaran yang diberikan oleh Shaykh Abdul Halim menyebabkan timbul kesedaran Islam di kalangan masyarakat. Surau-surau untuk mengajar agama Islam diwujudkan di kampung-kampung sekitar dan berdekatan dengan istana sultan. Atas nasihat beliau, sultan mengarahkan supaya rumah wakaf didirikan di Makkah, Jeddah dan Madinah. Shaykh Abdul Halim mempunyai dua orang anak iaitu Haji Yusuf dan Haji Yaakob dan kedua-dua anak diberikan didikan agama secukupnya. Kedua anak beliau ini mewarisi tugas pengajaran kepada masyarakat apabila Shaykh Abdul Halim meninggal dunia dan melalui kedua mereka, lahir generasi ulama pada masa kemudian.

Perlu dicatat juga bahawa Kelantan sebelum abad ke-18 berada dalam keadaan politik yang tidak stabil. Hal ini sedikit sebanyak merencangkan perkembangan ilmu dan mengganggu proses

melahirkankan golongan ulama. Sebelum terbentuk sebagai sebuah kerajaan yang diperintah secara rasmi oleh Sultan Muhammad I, iaitu putera Raja Long Yunus pada 1801, Kelantan adalah merupakan sebahagian daripada Patani Besar dan termasuk juga dalam dinasti ini ialah Terengganu. Pada tempoh ini sering berlaku perperangan sesama saudara sendiri, juga kerajaan-kerajaan di sekitarnya. Beberapa kerajaan yang terdapat di sekitar ialah kerajaan Legeh, Ligor dan Ayutthaya. Abdullah Muhammad mencatatkan (1981:21) "Untuk menyatukan tenaga bangsa melawan kekuasaan Ayutthaya, Sultan Mansur Shah Kelantan, putera sultan Iskandar Shah menghasut raja Patani supaya memberontak terhadap Ayutthaya dan menggabungkan negeri Kelantan ke dalam Patani sebagai bayaran sejak kira-kira 1502. Turut juga dalam penggabungan ini kemudiannya ialah negeri Terengganu".

Penggabungan Patani Besar tidak bertahan lama. Beberapa dekad selepas itu negeri-negeri yang bergabung telah berpisah dan membebaskan diri serta bersaing antara satu sama lain. Episod penggabungan dan perpisahan antara Kelantan dan Patani dan juga Terengganu menjadi catatan sejarah penting dan mengambil masa yang lama. Pada 1554 Raja Kelantan bernama Raja Mansur, cicit kepada Sultan Mansur Shah mengisyiharkan pembebasan Kelantan dari Patani. Pada 1619 iaitu pada masa pemerintahan Sultan Abdul Kadir (1616-1632), baginda telah menggabungkan semula Kelantan ke dalam Patani atas desakan Raja Biru. Selepas Sultan Abdul Kadir meninggal dunia pada 1632, tempat baginda yang sepatutnya diganti oleh Raja Sakti I, putera baginda, telah dirampas oleh bapa saudaranya, Raja Abdullah. Selepas mengambil alih kuasa, baginda segera mengambil tindakan dengan membebaskan Kelantan dari Patani (Abdul Razak, 2002: 11-12)

Jika diambil kira catatan Muhammad Yunan, Tok Pulai Chondong dikategori sebagai ulama terawal muncul di Kelantan. Dalam banyak tulisan, Tok Pulai Chondong lah yang mula mendapat perhatian dan penulisan yang lengkap mengenai sejarah kemunculan ulama di Kelantan. Beliau lahir pada 1792M (1207H). Beliau berguru dengan ramai ulama semasa belajar di Makkah dan antara mereka ialah Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Shaykh Muhammmad Adaham. Rakan-rakan yang bersama-sama beliau semasa belajar di Makkah ialah Haji Wan Hasan bin Ishak al-Fatani, Shaykh Abdul Malik bin Isa (cicit Tok Pulau Manis) dan Haji Wan Musa al-Fatani. Tok Pulai Chondong juga berhubungan baik dengan pihak istana dan dikatakan permaisuri Sultan Muhammad Kedua adalah muridnya (Yunan, 1989: 2-3)

Sumbangan penting Tok Pulai Chondong ialah mengasaskan pusat pengajian yang terkenal iaitu Pondok Pulai Chondong. Pondok ini diasaskan pada tahun 1820 merupakan pondok terawal di Kelantan yang ditiru sepenuhnya daripada sistem pengajian pondok di Patani yang juga tempat beliau belajar sebelum ke Makkah. Beliau juga menjadi pelopor kepada pembangunan Kampung Pulai Chondong apabila beliau membuka penempatan baru yang tidak jauh dari Kampung Bukit, iaitu Kampung Bilal Talib. Murid beliau datang dari pelbagai tempat termasuk Patani, Kampar, Terengganu, Sumatera dan negeri-negeri lain.

Ulama seangkatan dengan Tok Pulai Chondong ialah Haji Abdul Malik Sungai Pinang, Tumpat Kelantan. Lahir pada 1813 dan wafat pada 1928. Kemudian Wan Ali Kutan lahir pada 1837 dan wafat pada 1912. Ulama terawal ini dikatakan belajar dengan Shaykh Daud al-Fatani iaitu ulama Melayu yang melahirkan ramai murid di kalangan masyarakat Melayu. Melalui kedua tokoh ini lahir ramai ulama Kelantan yang terkenal selepas itu.

Nik Abdul Aziz (1977:175) yang mengkaji sejarah ulama Kelantan menyenarai beberapa orang ulama Kelantan yang hidup pada abad ke-19. Mereka ialah Sayyid Bahrin, Tuan Padang, Haji Nik Ismail, Haji Awang, Tok Kunuk, Haji Ahmad bin Haji Muhammad Zain. Tidak banyak maklumat mengenai ulama ini ditulis dan dipaparkan kepada masyarakat namun mereka lah yang menjadi perintis kepada kelahiran ulama Kelantan pada masa kemudian. Seperti Sayyid Bahrin, dikatakan berasal dari Hadramat telah datang ke Kelantan dan menetap di sebuah rumah di tepi sungai belakang Masjid Besar Muhammadi. Beliau tiba di Kelantan kira-kira pada zaman Sultan Ahmad (1880-1889) dan dikatakan alim dalam bidang fiqh. Tuan Padang atau nama sebenar ialah Haji Yaakob bin Haji Abdul Halim dikatakan sezaman dengan Sayyid Bahrin tinggal di kawasan Bulatan Padang Medan, Kota Bharu. Beliau dikatakan alim dalam tasawuf, usuluddin dan fiqh.

Tuan Tabal antara tokoh ulama Kelantan terawal. Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan dikatakan ada hubungan keluarga dengan tokoh ini dan banyak membuat kajian terhadap tokoh ini. Nama sebenar Tuan Tabal ialah Hj Abd. Samad bin Muhammad Salleh al-Kelantani. Beliau dilahirkan di Tabal sebuah kawasan yang asalnya berada di sebelah Malaysia namun terlepas kepada Thailand selepas perjanjian Bangkok 1909. Beliau mendapat pendidikan awal di Patani sebelum melanjut pengajian ke Makkah. Disamping mengajar, beliau turut menterjemah kitab-kitab daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. Uniknya Tuan Tabal kerana sewaktu belajar di Makkah beliau mampu menghasilkan beberapa buah kitab melalui gabungan pelbagai hasil karya seperti Imam al-Ghazali, Sayyidi al-Shayk Abd al-Wahhab al-Sha'rani, Imam Nawawi dan lain-lain lagi dan disadur ke dalam bahasa Melayu. Antara karya yang beliau pernah hasilkan ialah Kitab Minhatul Qarib. Dalam mengukuhkan hujah dalam penulisannya,

beliau akan menggunakan segala pendapat ulama. Kitab-kitab yang beliau hasilkan pernah dicetak di Makkah. Beliau juga telah mengasaskan Pondok Kubang Pasu, berdekatan Kota Bharu pada 1850M. Tuan Tabal menjalani hidup sebagai seorang sufi di Makkah. Beliau dikatakan berminat dengan fahaman Wahdat al-Wujud.

Sezaman dengan Tuan Tabal ialah Tok Kunuk atau nama sebenarnya ialah Haji Nik Zainal Abidin merupakan seorang yang alim dalam ilmu al-Quran dan ilmu fiqh. Ulama lain dalam tempoh ini ialah Haji Nik Ismail, Haji Awang dan Haji Ahmad bin Haji Muhammad Zain.

Membentuk Serambi Makkah

Pada masa Sultan Muhammad I, Kelantan keluar dari kemelut politik dan membentuk kuasa sendiri. Sultan Muhammad I memindahkan pusat pentadbiran dari Kampung Galoh yang didiami oleh Long Yunus ke Kampung Padang Lundang. Pada masa Sultan Muhammad II sebuah kota baru dibina yang kemudian bandar ini dikenali dengan Kota Bharu yang memulakan pembinaannya pada tahun 1844 (Nik Mohamed, 1984:93). Pada masa Sultan Muhammad I, Kelantan masih tidak aman sepenuhnya. Sering berlaku pemberontakan untuk menentang pemerintah yang ada. Namun menjelang Sultan Muhammad II (Long Senik Mulut Merah) yang memerintah Kelantan pada 1839 hingga 1886, keadaan Kelantan mulai stabil. Beliau melakukan beberapa perubahan pentadbiran bagi mengelak Bandar Kota Bharu diceroboh atau berlaku pemberontakan. Hanapi (1989) dalam kajiannya menyebut, Sultan Muhammad II dalam usahanya mengukuhkan kerajaan berpusat telah menyusun semula struktur kelas negeri itu dengan mengenepikan kerabat diraja dalam jentera pentadbiran negeri. Kerabat diraja yang dirasa boleh menentang baginda telah dibuang negeri dan jawatan-jawatan pentadbiran

negeri tidak dibolot seluruhnya oleh kerabat diraja sebagaimana zaman sultan sebelumnya. Untuk mengisi jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri, Sultan Muhammad II mengambil golongan dari kalangan Nik dan Wan untuk membantu baginda. Nik dikatakan berketurunan pelarian Raja Bugis, sementara Wan berasal daripada keturunan dinasti Kumar yang memerintah Kelantan sebelum dinasti Long Yunus. Selain itu pihak Siam juga menghantar empat orang utusan untuk membantu sultan dalam pentadbiran (Hanapi, 1989: 57-58; Nik Mohamed, 90). Dengan struktur pentadbiran baru ini menyebabkan Kelantan menjadi aman dan dapat mengelak daripada pemberontakan seperti berlaku sebelumnya. Negeri bertambah maju sementara masyarakat bertambah makmur dengan pertanian menjadi sumber pendapatan utama. Yang menjadi lonjakan kepada perkembangan Islam di Kelantan pada masa ini ialah apabila masjid dibina. Sebuah masjid dikenali dengan Masjid al-Muhammadi dibina bersebelahan dengan istana sultan.

Kelantan terkenal dengan jolokan "Serambi Makkah" adalah sesuatu yang istimewa berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Dikatakan gelaran Serambi Mekah diberikan sejak pertengahan kedua abad ke-19. Ramai ulama datang seperti Shaykh Said Linggi, Sidi Azhari dari Makkah dan Tok Khurasan dari Afghanistan. Dengan adanya ulama yang terkenal ini ia mendapat tarikan pelajar luar untuk datang ke Kelantan, seperti Selatan Thai, Patani, Kemboja, Vietnam dan kepulauan Indonesia untuk datang belajar. Kelantan menjadi pusat pengajian dan mendalami ilmu agama sebelum mereka melanjutkan pengajian ke Masjid al-Haram, Makkah dan negara Timur Tengah yang lain. Di sebutkan di sekitar bandar Kota Bharu berlangsung pengajian ilmu yang pelbagai khususnya tasawuf, fiqh, tauhid dan nahu. Di atas didikan dan dorongan ulama untuk menyambung pengajian di Masjid al-Haram,

maka ramai pemuda Islam telah pergi ke sana dan kembali semula ke tanah air masing-masing menghidupkan tradisi ilmu khususnya pada awal abad ke-20 (Nik Abdul Aziz, 1983: 3)

Menjelang abad ke-20 lahir ulama Kelantan yang lebih ramai. Antara mereka ialah Haji Daud, Haji Musa, Haji Nik Wan Ahmad, Haji Nik Wan Abdullah. Mereka ini merupakan ulama Kelantan lebih awal sedikit daripada Tok Kenali. Kemudian diikuti ulama sezaman dengan Tok Kenali iaitu Haji Wan Hasan Kemboja, Haji Wan Ahmad Kemboja, Haji Taib, Haji Nik Man, Haji Abdullah Tahir, Haji Yaakob bin Haji Ahmad (1893-1956), Haji Asaad bin Haji Daud, Maulana Ishaq, Haji Mat Manan, Haji Idris (m.1927), Haji Wan Ishaq, Haji Said dan Haji Yaakob Legor. Ramai mereka ini merupakan graduan daripada pengajian di Masjid Muhammadi juga Madrasah Muhammadi dan berguru dengan Tok Kenali. Mereka memain peranan dalam pentadbiran agama di Kelantan sebagai khatib dan ada juga mufti (Nik Abdul Aziz, 1977: 176-178).

Kota Bharu menjadi pusat perkembangan Islam. Kegiatan dakwah berkembang bukan sahaja di Kelantan malah menjalar ke pelosok rantau nusantara. Selepas tamat pengajian mereka kembali ke kampung halaman masing-masing dan membuka pusat pengajian di kampung halaman mereka. Haji Yaakob Legor merupakan graduan pengajian Kota Bharu. Beliau kembali ke kampung halaman di Ligor atau Nakhon Sri Tammarat dan membuka pondok pengajian di sana. Pondok dibangunkan dikenali dengan Pondok Bantan. Masyarakat Islam di Ligor merupakan kelompok minoriti yang mempunyai tidak lebih dari 10%. Dengan adanya pengajian yang dibina menyebabkan Islam berkembang dan perlaksanaan Islam dalam kalangan masyarakat semakin bertambah kukuh.

Ulama Kelantan menjalankan dakwah dan khidmat bakti di luar Kelantan sama ada di Kemboja, Brunei dan Kalimantan. Haji Wan Hasan Kemboja (1871-1934) ulama yang berasal dari Kelantan, seorang yang alim dalam fiqh dan tasawuf. Beliau mengembangkan Islam ke Kemboja dan melaluinya ramai orang Kemboja datang ke Kelantan untuk menuntut ilmu pengetahuan. Adik Wan Hasan iaitu Haji Wan Ahmad berdakwah dan meninggal di Kemboja. Dikebumikan di Kampung Putri berdekatan dengan masjid besar Phnom Penh.

Pada tahun 1916 Masihi terbentuk Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Suatu inisiatif dan impak secara langsung dari peranan ulama Kelantan pada masa itu. Sebuah rumah kediaman kepunyaan Dato' Menteri (taraf Menteri Besar sekarang) Kelantan iaitu Datuk Che Hassan bin Mohd. Salleh telah dibeli kerajaan dijadikan bangunan Majlis Agama. Tingkat bawah bangunan Majlis ini dijadikan tempat belajar murid-murid Madrasah Muhammadiyah Melayu (lelaki) yang dibuka secara rasmi pada 5 Ogos 1917. Pada 1932 murid bertambah menyebabkan kelas menjadi sesak. Pada masa ini juga dibuka kelas pengajian untuk murid-murid perempuan. Pada tahun 1956 sebuah bangunan baru Madrasah Muhammadiyah dibina di jalan Merbau, Kota Bharu (Abdul Razak, 2002: 95-96).

Lahir generasi ulama kemudian yang meneruskan kesinambungan Islam di Kelantan. Antara mereka yang lahir seperti Datuk Haji Muhammad Nasir, Datuk Haji Muhammad Nor Ibrahim, Datuk Haji Ismail Yusuf, Dato' Yusuf Zaki Yacob, Ustaz Haji Muhammad Noor bin Haji Yusuf, Ustaz Haji Hasan bin Haji Idris, Tuan Guru Haji Husain Rahimi, Tuan Guru Nik Muhammad Adeeb (1918-1964), Haji Yaakub Gajah Mati (1805-1957) (Alias, 2000)

Bukan sahaja ilmu agama, malah melalui keperibadian yang hebat telah melahirkan tokoh ilmuan yang terlibat dalam kesenian dan perniagaan. Anak-anak Tuan Guru Haji Yaakub Gajah Mati menjadi orang yang berjaya dalam perniagaan. Mereka seperti Dato' Haji Husain Haji Yaakub, Haji Hasan Haji Yaakub dan Yusuf Zaki Yaakub. Lahir percetakan Aman Press dan terbitnya beberapa majalah yang terkenal seperti Majalah Hikmah yang diterbitkan di Kota Bharu pada 1920. Majalah Dian, Majalah Santaiwa dan Majalah Pengasuh.

Kesimpulan

Ulama memainkan peranan penting dan menjadi teras dalam pembinaan tamadun Kelantan. Dengan adanya golongan ulama, terlahir pelbagai kemajuan dalam pelbagai bidang ketamadunan dalam masyarakat dan negara. Namun sebelum muncul golongan ulama, proses dan persekitaran ilmu yang membentuk golongan ulama itu lebih penting dan ia memakan masa tidak sedikit. Pihak pemerintah memain peranan penting dalam menyubur pembentukan ilmu pengetahuan. Dalam konteks Kelantan seperti yang dibincangkan di atas kehendak pemerintah dan kesungguhan masyarakat telah melahirkan persekitaran ilmu yang paling tinggi hingga ia terkenal dengan jolokan "Serambi Makkah". Bukan sahaja Islam berkembang dengan pesat di Kelantan malah ulama Kelantan kelihatan berkhidmat di mana sahaja rantau nusantara seperti di Brunei, Kalimantan dan Kemboja. Melalui ulama, bukan sahaja mampu melahirkan seorang tokoh dalam bidang agama, tetapi juga melahirkan generasi yang berjaya dalam perniagaan dan kesenian di Kelantan.

Rujukan

- Abdullah al-Qari Bin Haji Salleh. 2002. *Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Abdullah bin Muhammad (Nakula). 1981. *Keturunan Raja-raja Kelantan dan Peristiwa Bersejarah*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Halim Ahmad. 1998. Pendidikan Islam di Kelantan. Dalam *Warisan Kelantan I*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Halim Nasir. 1979. *Panduan ke Tempat-tempat Bersejarah Kelantan*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium.
- Abdul Razak Mahmud. 2010. *MAIK Perananya dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan di Kelantan Sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Mahmud. 2002. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ahmad Fathi al-Fathani. 2001. *Ulama Besar Dari Fathani*. Bangi: Penerbit UKM.
- Alias Haji Mohd Noor. 2000. Tokoh-tokoh Ulama Kelantan Darul Naim. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Hanapi Dollah. 1989. *Formasi Sosial Melayu Pra Kapitalis: Negeri Kelantan Pada Abad ke-19*. UKM Bangi: Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu.
- Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan. 1977. *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*. Kota Bharu: Pakatan Keluarga Tuan Tabal.

Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (pnyl.). 1983. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Nik Mohamaed bin Nik Mohd. Salleh. 1984. Bandar Kota Bharu Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya. *Warisan Kelantan III*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Nik Mohamaed bin Nik Mohd. Salleh. 2001. Perkembangan Pendidikan atau pengajian Islam di Negeri Kelantan. *Warisan Kelantan IV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Salleh Mohd. Akib. 2003. *Masjid Tua Kampung Laut*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

BAB 2

ISLAM DAN PERUBAHAN POLITIK DI KELANTAN

Mohd Fadli Ghani

PENGENALAN

Perubahan adalah satu elemen penting bagi masyarakat yang dinamik. Salah satu perubahan yang penting ialah perubahan politik yang selalunya difaktori oleh pelbagai punca. Agama adalah salah satu daripadanya. Dalam konteks politik Kelantan sejak berzaman, agama Islam menjadi agen perubah yang sangat memberi kesan dalam perkembangan politiknya. Sifat Islam sebagai sebuah agama yang progresif dan dinamis telah menyebabkan orang-orang Kelantan turut mengalami pergerakan budaya dan politik yang dinamis juga. Sejak abad ke-12, Islam telah mula berpengaruh, bahkan berkuasa di Kelantan, yang kemudiannya melalui tahap-tahap feudal hampir lapan abad, sebelum demokrasi diamalkan pasca penjajahan Barat. Sepanjang tempoh ini, sama ada dalam naungan feudal atau demokrasi, Islam telah memainkan peranan besar dalam mencaturkan perubahan politik di Kelantan sehingga ia menjadi begitu dominan pada hari ini. Setelah politik feudal sudah tidak lagi berpengaruh, parti-parti politik yang bertapak di Kelantan untuk menawarkan perubahan-perubahan dalam pendekatan demokrasi, tidak dapat melepaskan diri mereka daripada Islam, bahkan parti yang tidak Islamik segera mengalami kemunduran dan tidak mendapat sambutan di Kelantan.

Kertas ini cuba melihat secara umum bagaimanakah perkembangan dan perubahan politik di Kelantan untuk satu tempoh yang panjang, dan apakah pula faktor Islam sebagai agama mempunyai peranan positif terhadap setiap tahap perubahan ini. Para pengkaji sejarah dan politik Malaysia selalunya memahami perkembangan politik negara ini dalam pendekatan kelas atau kaum. Di Kelantan kelas tidak begitu ketara pengaruhnya walaupun terdapat golongan aristokrat Melayu yang berpengaruh pada zaman feudal, tetapi ternyata biasa-biasa sahaja mereka ditolak oleh rakyat, mungkin kerana pengalaman politik Kelantan yang sentiasa berkrisis sejak abad ke-16 sehingga kelompok feudal belum tentu terhormat, kecuali pada saat mereka berkuasa. Politik kaum juga tidak begitu relevan di Kelantan, negeri yang lebih 95 peratus rakyatnya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Keragaman yang kecil terhadap budaya, agama dan bahasa selain Melayu, telah terasosiasi ke dalam budaya Melayu, jika agamanya terkecuali. Cara hidup, budaya dan bahasa orang bukan Melayu telah di-Melayukan di Kelantan, sehingga petunjuk kaum menjadi tidak terlalu ketara dalam memahami politik Kelantan. Maka kertas ini, cuba mengungkapkan agama sebagai satu pendekatan untuk memahami perubahan politik Kelantan.

PERUBAHAN POLITIK

Perubahan politik (*political change*) adalah satu proses politik yang biasa berlaku kerana berubahnya sikap dan pemikiran masyarakat yang didorong oleh faktor-faktor tertentu. Perubahan adalah kesan dari kemajuan di mana sesuatu masyarakat maju ke hadapan dari keadaan asalnya. Perubahan politik adalah kemajuan dalam pelbagai kegiatan politik dan negara menuju kepada keadaan yang lebih baik dari sebelumnya. Perubahan politik pastinya akan melibatkan perubahan atau mengubah dasar dari satu dasar sedia ada kepada dasar yang dapat memberikan kebaikan atau menjadikan sesuatu

bangsa lebih baik. Atas asas ini, Surbakti (1992), mengatakan perubahan politik akan ditolak oleh dua faktor utama iaitu konflik kepentingan dan gagasan-gagasan baru, yang kedua-duanya merupakan pembaharuan corak pemerintahan dan dasar dalam memperbaiki bangsa dan negara.

Konflik kepentingan pada asasnya adalah suatu pertentangan yang berupaya menimbulkan perubahan dengan menggugat kewujudan sistem sedia ada dan akhirnya mendorong kepada perubahan radikal dan struktural di mana dasar-dasar dan corak pemerintahan juga akan berubah. Ia berbeza dengan ketegangan yang terhasil dalam konflik-konflik kecil yang mungkin boleh juga membawa perubahan, tapi pada skala moderat yang tidak menggugat struktur sedia ada. Sedangkan gagasan atau nilai-nilai baru adalah cetusan-cetusan yang terhasil kerana kelemahan sistem lama atau ketidakupayaan dasar sedia ada dalam memberikan kebaikan kepada rakyat. Ia adalah pemboleh ubah yang bebas dalam menjelaskan perbezaan-perbezaan yang wujud dalam sistem nilai dan kemudiannya menghasilkan perubahan. Faktor lain yang turut memberi kesan kepada perubahan politik ialah dasar-dasar pemerintah yang disusun secara sengaja, terancang dan terorganisasi untuk mengubah sikap dan pemikiran rakyat. Maka, di sini perubahan politik adalah hasil interaksi kepentingan yang dikawal secara ketat, bahkan ditentukan oleh kedudukan sosial atau keadaan kelompok elit yang terlibat.

Dalam konteks ini, menurut Surbakti (1992: 243), terdapat tiga bentuk perubahan politik yang berlaku, iaitu i) perubahan sistem – perubahan radikal yang turut melibatkan seluruh akar, di mana kegiatan kolektif rakyat menjadi lebih keras dalam menggantikan sistem sedia ada kepada sistem yang lebih baik; ii) perubahan dalam sistem – di mana sistem nilai, struktur kekuasaan dan strategi

pembentukan dasar tidak berubah, tetapi golongan reformis berusaha membuat pemberian dalam sistem sedia ada; dan iii) perubahan yang berlaku akibat dasar-dasar kerajaan terhadap persekitaran masyarakat dan infrastruktur pembangunan. Dahrendorf (1959) sebaliknya membezakan perubahan politik dan sosial yang berlaku secara radikal yang disebut oleh Surbakti (1992) dengan perubahan tiba-tiba (sudden), di mana perubahan tiba-tiba atau revolusioner yang ditimbulkan dengan konflik kekerasan belum tentu menghasilkan perubahan struktural yang radikal, tetapi perubahan yang ditimbulkan oleh konflik yang sangat tegang cenderung bersifat radikal. Ia adalah konflik kelas di mana semakin tegang konflik kelas, semakin radikal perubahan yang berlaku, dan semakin bersifat kekerasan sesuatu konflik kelas, semakin tiba-tiba perubahan berlaku.

ISLAM DI KELANTAN

Sebelum menerima Islam, Kelantan termasuk dalam wilayah Melayu yang pernah beragama Hindu dan Buddha. Sedangkan berdasarkan rekod arkeologi yang ditemui di Gua Cha pada 1954, Kelantan telah mempunyai tamadun semenjak zaman *hoabinhians* (10,000 tahun) dan *neolitik* (4,000 tahun), sebelum ia dikaitkan dengan sejarah Empayar Funan, Champa, Langkasuka, Sriwijaya dan Majapahit sejak abad pertama hingga abad ke-13 Masehi. Pada abad kelima, perkataan Hindu "Rattamrittika" atau "Tanah Merah" dikatakan dirujuk kepada Kelantan, sedangkan orang China menyebutnya sebagai "Chih-Tu." Dalam catatan China, menyatakan di pantai timur semenanjung terdapat negeri "Ho-lo-tan" pada abad kelima, diikuti oleh "Tan-tan" pada abad ketujuh. Mulai abad ke-10, muncul perkataan "Chi-lan-tan" dan "Ki-lan-tan." Sedangkan, pada dinar emas yang bertarikh 577H (1181M), tercatat perkataan "Kelantan" dalam tulisan Arab. Dalam sejarah Patani, Langkasuka dikatakan mula

menerima agama Majusi (Zoaraster) sejak abad kedua, setelah sebelumnya beragama Hindu. Kemudian Buddha pula berkembang sejak abad kelima, sebelum berlaku kebangkitan Hindu pada abad ke-10 dan perkembangan agama Islam di Nusantara telah bermula sejak abad kesembilan.

Perkembangan Islam di Nusantara dikaitkan dengan kedatangan pendakwah dan pedagang Arab ke China (Canton) pada zaman Khalifah Othman al-Affan (664-656M) di mana mereka melalui laut Nusantara untuk ke China pada tahun 651. Pada abad kesembilan berlaku penghijrahan orang Islam di Canton ke Nusantara, sebelum terbentuknya kerajaan Islam di Perlak pada tahun 840M apabila Sultan Alaiddin Sayyid Maulana Abdul Aziz Shah membangunkan kerajaan Islam pertama di Nusantara, sedangkan catatan Marco Polo pada 1292 menyebutkan bahawa Islam telah menjadi sistem perundangan dalam Kerajaan Pasai. Ibnu Batutah yang melawat Pasai pada 1345M, mencatatkan pendudukan Perlak dan Pasai adalah bermazhab Syafie. Pada saat yang serentak dengan keberadaan Perlak (840-1292) dan Pasai (1267-1521), di Kelantan turut berdiri kerajaan Islam di mana dinar emas telah menjadi bukti artifak yang bertarikh 1181M tentang wujudnya kerajaan Islam di Kelantan dengan gelaran "al-Mutawakkil ala Allah," manakala catatan Ibnu Batutah yang mengunjungi Klu Kelai (Kuala Kerai) pada 1297 mengatakan Kelantan diperintah oleh seorang raja perempuan bernama Urduja yang beragama Islam.

Sejarah Kelantan mencatatkan Raja Bharubasha yang memerintah mulai 1339 adalah raja pertama memakai gelaran sultan sebagai Sultan Mahmud Shah yang berkerajaan di Bukit Panau. Baginda adalah putera Raja Sang Tawal, Raja Langkasuka yang ditewaskan oleh Siam pada 1295. Keluarga diraja ini dikatakan memeluk Islam lebih awal, kerana ayahanda Raja Sang Tawal (Raja

Abdullah), Raja Sakranta yang memerintah Jawaka (1253-1276) telah memakai nama Islam, Raja Zainuddin. Setelah zaman Sultan Mahmud Shah (1339-1362), raja-raja Kelantan memakai gelaran sultan dari Dinasti Raja Suran (1339-1632), Dinasti Jembal (1632-1763) hingga Dinasti Long Yunus (1763-sekarang). Dalam kata lain, Kelantan telah menjadi sebuah kerajaan Islam semenjak abad ke-12 hingga sekarang, di mana Islam telah memainkan peranan penting dalam perkembangan sejarahnya politiknya, apabila gerakan dakwah turut melibatkan istana secara langsung, sekali gus mewarnai setiap kali berlakunya perubahan politik di Kelantan, termasuk peralihan dinasti pada zaman feudal dan juga perubahan kerajaan pada era demokrasi.

Di sebalik perkembangan Islam yang berlaku bersama perubahan politik tersebut, ternyata ia melalui beberapa tahap, dengan tahap yang pertama berlakunya peng-Islaman pemerintah yang mengalih politik Kelantan dari politik Hindu-Buddha kepada politik Islam. Pada tahap ini orang Melayu belum beragama Islam sepenuhnya, bahkan Raja Zainuddin yang memerintah sejak 1253 masih mengekalkan nama Hindunya, Raja Sakranta. Perlaksanaan syariat juga hampir tidak berlaku kecuali penggunaan mata wang Islam – dinar – yang wujud sekitar 1181M, dan penggunaan nama ibu negaranya – Kota Jeddah – yang berkait dengan tanah suci Mekah. Pada abad ke-15, kerajaan Islam Kelantan mula membina hubungan diplomatik dengan China pada 1412 sebelum bernaung di bawah Melaka mulai 1499. Pada tahap ini, Kelantan tidak dicatat mempunyai hubungan dengan Khilafah Islam yang berpusat di Kaherah kerana Khilafah Abbasiyah telah mengalami kemerosotan yang teruk sebelum beralih ke tangan Khilafah Othmaniyah pada 1517. Bagi Melaka sendiri, Sultan Rom (Othmaniyah) lebih dihormati berbanding Abbasiyah yang pusat di Kaherah (1262-1517) selepas kejatuhan Baghdad pada 1258. Kelantan juga dicatat mempunyai

hubungan dengan Kesultanan Delhi Dinasti Tughluq setelah Sultan Mohamad Tughluq menghantar Syed Hussein Jamadil Kubra sebagai pendakwah di Kelantan pada 1349.

Perebutan takhta dalam Dinasti Raja Suran pada awal abad ke-17, telah menyebabkan keluarga besar Syed Hussein Jamadil Kubra yang sangat berjasa dalam gerakan dakwah di Kelantan, Patani, Champa dan Jawa telah melakukan perubahan politik tahap ketiga di mana Raja Sakti telah mengasaskan Dinasti Jembal sebelum menggabungkan Kelantan dan Patani sebagai sebuah kuasa politik pada 1650M. Penggabungan wilayah ini telah membolehkan Kelantan turut mempunyai pengaruh politik ke atas Champa dan membolehkan kerajaan Islam terbentuk di Indo China. Salah satu keluarga politik-agama yang masyhur muncul ketika ini ialah Faqih Ali atau Andek Ali yang tiba di Patani pada 1637, kemudiannya menjadi induk kepada Dinasti Jembal dan Dinasti Long Yunus. Satu ciri penting kerajaan Kelantan pada tahap ini ialah berkembangnya pusat pendidikan Islam – sistem pondok – di Patani dengan munculnya Pondok Kampung Sena, Pondok Teluk Manok dan Pondok Pauh Bok bermula akhir abad ke-16, yang kemudiannya menjadikan Patani sebagai pusat keilmuan Islam terbesar pada saat itu, termasuk munculnya tokoh ulama tersebar, Sheikh Daud al-Fathani (1769-1847). Abad Ke-17 dan 18 adalah kemuncak perkembangan ilmu Islam yang berpusat di Patani, sebelum ia beralih ke Kelantan serentak dengan serangan Siam ke atas Patani pada 1820-an, yang ditandai oleh kemunculan Pondok Tok Pulai Chondong pada 1820M.

Kelemahan Kerajaan Jembal ekoran tercetusnya kezaliman pada zaman Sultan Abdul Rahim (1671-1676) dan perebutan kuasa selepas kemangkatan Long Sulaiman pada 1739 telah menyebabkan dinasti ini runtuh dan diganti oleh Dinasti Long Yunus pada 1763.

Salah satu faktor penting kebangkitan Dinasti Long Yunus adalah komitmen sultan-sultan mereka dalam melaksanakan syariat di Kelantan. Pada zaman ini muncul sultan-sultan yang sangat berjasa yang telah mencorakkan pentadbiran agama yang lebih tersusun dengan perlantikan Qadhi Besar dan Mufti Kelantan, penubuhan mahkamah balai berasaskan syariat, perlaksanaan undang-undang syariat termasuk undang-undang jenayah serta perkembangan pendidikan agama yang sangat pesat. Namun konflik politik dan perebutan kuasa sejak rampasan kuasa oleh Long Jenal (1835-1837) telah mengundang campur tangan Siam dalam politik Kelantan. Apabila Siam melantik pegawai Inggeris sebagai Penasihat Siam di Kelantan pada 1904, bukan sahaja kedudukan Sultan Mohamad IV tergugat, tetapi perlaksanaan syariat juga turut terjejas. Selepas Perjanjian Bangkok 1909, Kelantan terpaksa pula menerima Penasihat British mulai 1911. Kemunculan tokoh-tokoh agama seperti Tok Kenali, Dato' Perdana Nik Mahmud, Dato' Laksamana dan pahlawan Tok Janggut menjadi warna penting perubahan politik Kelantan pra Perang Dunia Kedua.

Perubahan besar yang berlaku pada abad ke-20 ialah berkembangnya pemikiran baru politik Islam akibat penjajahan Barat dan kejatuhan Khilafah Othmانيyah pada 1924. Peranan Tok Kenali dan kawan-kawannya menerusi penubuhan MAIK pada 1915, Sekolah MAIK (1917), Pengasoh (1918) dan Jamiyatul 'Asriyah (1915) telah menjadi faktor penting perkembangan inteligensia di Kelantan. Sebagai mana kemunculan Sekolah MAIK yang menyebabkan tumbuhnya madrasah-madrasah yang melengkapi sistem pendidikan pondok telah melahirkan tokoh-tokoh seperti Abdul Kadir Adabi dan As'ad Shukri Haji Muda, begitulah penerbitan Pengasoh melahirkan pula percetakan-percetakan seperti Matbaah Miriyah, al-Kamaliah Press dan Matbaah Maarif, di samping terbitnya majalah seperti Kencana, Putera dan ar-Riwayah. Jamiyatul 'Asriyah pula

membuahkan Jabhah ad-Diiniyah al-Islamiyah Kelantan, selain Putera Klab, Setiawan Belia Kelantan, Kelab Suara Muda dan Dewan Bahasa Melayu. Perkembangan ini kemudian melahirkan gerakan politik kepartian pada akhir 1930-an dengan munculnya Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada 1937 dan Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (1940), sebelum parti-parti politik menjadi cergas selepas Perang Dunia Kedua dengan munculnya Persatuan Melayu Kelantan (PMK), Umno, Hizbul Muslimin, PAS, Parti Rakyat dan lain-lain menjelang kemerdekaan.

Ringkasnya, faktor agama atau lebih khusus lagi, Islam, adalah elemen yang sangat penting dalam membahaskan apa pun jua aspek tentang Kelantan. Kehadiran Islam secara efektif sejak abad ke-12 telah mengubah Kelantan menjadi sebuah 'kubu' Islam yang teguh di rantau ini. Perkembangan politik dan perubahan-perubahannya sangat dimotori oleh peranan Islam, kemudian mengubah sistem undang-undang kepada pemberlakuan syariat dari penggunaan mata wang dinar hingga penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah. Kemudian dakwah memacu perkembangan Islam tanpa menumpahkan darah, tetapi berkembang melalui jalur pendidikan di mana para ulamak bukan sahaja berpengaruh di istana, tetapi mencengkam pemikiran rakyat berteraskan al-Quran dan Sunnah. Pondok-pondok dan sekolah agama menjadi institusi yang sangat penting dalam mengembangkan Islam, sedangkan kejayaan ulama melakukan inovasi pergerakan menerusi organisasi dan media massa telah mengubah pemikiran politik masyarakat, yang kemudiannya diterjemahkan dalam sistem demokrasi yang diamalkan pasca merdeka, di mana mereka memilih Islam sebagai dasar perjuangan. Kajian Kassler (1978) yang mendapati faktor agama telah memberi keuntungan politik kepada PAS pada 1959 membuktikan sikap dan perubahan politik di Kelantan sangat dipengaruhi oleh agama.

PENGARUH ISLAM DALAM POLITIK KELANTAN

Peranan penting yang dimainkan oleh Islam sejarah Kelantan telah memberikan kesan besar kepada perkembangan politik Kelantan. Setelah menjadi pusat kerajaan yang baru bagi Raja Langkasuka pada abad ke-14, Kelantan mula menjadi pusat kebangkitan Islam apabila gerakan dakwah besar-besaran ke atas rakyat Kelantan dilakukan oleh Syed Hussein Jamadil Kubra berpusat di Istana Kelantan. Syed Hussein Jamadil Kubra, seorang ulama-pendakwah berketurunan Arab dari India dikatakan datang ke Kelantan pada 1349. Beliau telah bertindak mengahwini dua puteri Sultan Kelantan iaitu Puteri Selindung Bulan (puteri Sultan Baki Shah) dan Puteri Linang Cahaya (adinda Sultan Mahmud Shah), selain Puteri Ramawati (puteri Sultan Zainal Abidin Champa) dan seorang puteri Sultan Johor. Perkahwinan ini telah membolehkan beliau menggunakan pengaruh istana dalam mengembangkan dakwah di Kelantan, Patani dan Champa pada abad ke-14. Disebutkan pada abad ke-14 ini, Sultan Mahmud Shah yang bersemenda dengan Sultan Malik az-Zahir Pasai telah menggabungkan tiga kerajaan Islam Nusantara iaitu Langkasuka yang berpusat di Kelantan, Samudera-Pasai di Aceh dan Champa di Indo China untuk membentuk Persekutuan Empayar Chermin (sebelumnya disebut sebagai Majapahit Darat).

Kemunculan Empayar Chermin pada abad ke-14 ini sangat penting dalam perkembangan dakwah Islam di Nusantara sebelum zaman Melaka. Bahkan dengan faktor Islam, berlakunya penyatuhan tiga kerajaan Islam ini, sekali gus menyaingi Empayar Majapahit Hindu (1293-1498) yang berpusat di Jawa Timur. Majapahit Islam yang dipimpin oleh Kelantan kekal sehingga zaman Sultan Iskandar di mana ia berakhir dengan jatuhnya Kelantan ke tangan Melaka pada 1499, serentak dengan jatuhnya Majapahit Hindu di tangan Raden Fatah dari Kerajaan Islam Demak. Para pengkaji sejarah turut

mengaitkan keturunan Syed Hussein Jamadil Kubra dengan tokoh-tokoh politik-dakwah Nusantara seperti Maulana Malik Ibrahim (pelopor Wali Songo – pendakwah di Jawa), Syed Nurul Alam (Sultan Qunbul – pemimpin Patani yang melahirkan keturunan ulama dan raja di Kelantan, Patani dan Champa), Syarif Mohamad Kebungsuan (pengasas kerajaan Islam Mindanao) dan Sultan Berkat (pengasas Kesultanan Brunei). Perluasan pengaruh politik raja-raja Melayu Islam di Nusantara menggantikan raja-raja Hindu adalah antara perubahan politik terbesar yang berlaku di Nusantara pada abad ke-14 di mana Islam menjadi terasnya, dengan beberapa data sejarah yang menunjukkan perubahan ini berpusat di Kelantan. Bahkan, dalam mempertahankan hujah ini, beberapa ahli sejarah mengaitkan hubungan antara Masjid Kampung Laut dengan Masjid Agung Demak dalam proses dakwah dan perubahan politik Nusantara.

Pasca kejatuhan Melaka pada 1511M, sekali lagi Islam muncul sebagai pengaruh yang kuat dalam politik Kelantan di mana ketika ini terbentuk kerajaan Patani Besar yang Kelantan termasuk di dalamnya, dengan diperintah oleh Raja-raja Perempuan Patani (1584-1649). Zaman Raja-raja Perempuan ini dianggap puncak kegemilangan kerajaan Patani sejak Sultan Ismail Shah (Phya Tu Nakpa) memeluk Islam pada 1457. Pada zaman Raja-raja Perempuan ini, Patani (termasuk Kelantan) ditadbir oleh Dato' Maharajalela (seperti Menteri Besar) dari keturunan Sultan Qunbul, termasuk Fakih Ali atau Andek Ali yang terkenal itu. Keturunan mereka terkenal kerana melahirkan para ulama dan pentadbir yang cekap, bahkan kemudian membentuk dinasti raja-raja di Patani, Kelantan dan Champa pada abad ke-17. Peranan tokoh-tokoh pembesar seperti Dato' Orang Kaya Pandak Wan Ismail, Dato' Ratna Diraja Wan Yusof dan Dato' Bendahara Wan Su merupakan simbol penglibatan dan pengaruh tokoh-tokoh agama dalam politik Kelantan dan Patani pada abad ke-16 dan 17, di samping kemunculan ulama-ulama

pondok yang menjadikan Patani sebagai pusat pengembangan Islam bermula di Kampung Sena, Teluk Manok dan Pauh Bok. Pada 1650, Raja Sakti yang memerintah Kelantan dalam Dinasti Jembal telah berjaya menguasai Patani sehingga meletakkan Patani pula di bawah Kelantan menjelang abad ke-18.

Kemerosotan Patani akibat serangan berterusan oleh Siam dan kelumpuhan Champa kerana diserang oleh orang Vietnam dari Hanoi pada 1684 telah menyebabkan fungsi Kelantan sebagai pusat politik-dakwah pada abad ke-18 dan 19 semakin meningkat, terutama sejak bermulanya Dinasti Long Yunus pada 1763. Pada permulaan Dinasti Long Yunus, Kelantan telah terkenal kerana memiliki raja-raja yang sangat komited dengan Islam dan perlaksanaan syariat, selain kejayaan Kelantan mengambil alih peranan Patani sebagai pusat keilmuan Islam. Istana Kelantan diketahui sangat rapat dengan para ulama sehingga beberapa tokoh telah dilantik ke jawatan qadhi, mufti dan penasihat sultan yang akhirnya menyebabkan pengaruh Islam semakin dominan dalam kerajaan sehingga akhir abad ke-19. Sultan-sultan seperti Sultan Mohamad I, Sultan Mohamad II, Sultan Ahmad dan Sultan Mansor sangat terkenal kerana komitmen mereka dengan agama. Walaupun dalam abad ini, warna politik Kelantan dicorakkan oleh konflik perebutan kuasa dan campur tangan Siam, tetapi elemen agama, perlaksanaan syariah, peranan ulama dalam pentadbiran dan kemunculan pusat-pusat pengajian Islam di Kota Bharu tetap menjadi menjadi ciri terpenting Kelantan pada abad ke-19. Perkembangan ilmu yang berlaku di Kelantan pada akhir abad ke-19 ini kemudiannya berhasil melahirkan tokoh-tokoh besar yang berpengaruh dalam agama dan politik Kelantan pada awal abad ke-20 seperti Tok Kenali, Dato' Perdana Nik Mahmud dan Dato' Laksamana.

Faktor Tok Kenali, Dato' Perdana Nik Mahmud dan Dato' Laksamana Muhammmad Mohd Said dalam perkembangan perubahan politik Kelantan pada permulaan abad ke-20 telah menggerakkan kebangkitan politik baru Kelantan kemudiannya. Ketiga-tiga tokoh agama yang mendapat sentuhan ilmu daripada Sheikh Wan Ahmad al-Fathani di Mekah ini telah muncul dalam pentadbiran Kelantan ketika pengaruh Inggeris mulai berkembang. Dalam Perjanjian Inggeris-Siam 1902, British telah diberi hak untuk melantik pegawainya sebagai Penasihat Siam di Kelantan mulai 1904. Kemudian Perjanjian Bangkok 1909 telah memaksa Sultan Mohamad IV untuk menerima Penasihat British mulai 1911. Perkembangan ini bukan sahaja telah melemahkan kuasa sultan, tetapi turut menggugat kedudukan undang-undang syariat, sistem kehakiman Islam, merombak sistem pentadbiran tradisional dan membawa kepada campur tangan barat dalam pentadbiran. Ketiga-tiga tokoh ini mengambil pendekatan mengembangkan pengaruh Islam dalam politik melalui penubuhan MAIK dan institusi-institusi di bawahnya sehingga Islam dapat bangkit semula melalui kesedaran politik masyarakat, bukan lagi politik yang ditaja oleh istana. Institusi pendidikan, media massa dan organisasi politik telah memainkan peranan besar dalam mereformasikan pergerakan politik di Kelantan sehingga tertubuhnya parti-parti politik di Kelantan menjelang Perang Dunia Kedua.

Satu aspek yang penting dalam memahami politik Kelantan ialah perbezaannya dengan negeri-negeri Melayu berja yang lain. Banyak pengkaji melihat faktor kebangkitan reformis di Singapura dan Pulau Pinang adalah didorong oleh keterbukaan sistem non-feudal di bawah penjajahan British, sedangkan di negeri-negeri Melayu yang lain ketertutupan politik feudal mengekang kesedaran Islam. Hal sebaliknya berlaku di Kelantan di mana sistem feudal yang diwarisi semenjak zaman Hindu-Buddha terus bertahan kukuh, tetapi

proses reformasi pemikiran rakyat berlaku dengan pesat sehingga lahir institusi-institusi yang memacunya dengan sebahagian besarnya ditaja sendiri oleh pemerintah. Kedudukan tokoh-tokoh reformis dalam pentadbiran kerajaan telah membolehkan proses pembaharuan pemikiran ini bermula dari dalam organisasi kerajaan. MAIK, Sekolah MAIK dan Pengasoh bersama-sama tokoh-tokohnya meletakkan Kelantan sebagai satu-satunya negeri feudal yang menjadi sarang reformis di Tanah Melayu ketika itu, sedangkan gerakan reformis yang lain banyak tertumpu di Singapura dan Pulau Pinang, selain beberapa wilayah tertentu Indonesia.

Selain perubahan politik reformis yang berkembang ini, kemasukan British selepas 1911 ternyata berkait secara langsung juga dengan Perang Dunia Pertama. Penglibatan British dan agen Jerman dalam politik Kelantan bukan sahaja menyebabkan nama Agha Khan terkait sama, bahkan Kelantan, khususnya Pasir Mas didaruratkan selepas Dahagi Singapura 1915, lebai-lebai dan haji di Kota Bharu diarahkan mendoakan kemenangan King di London, sedangkan para ulama mengutip derma di Kota Bharu untuk membantu mangsa Perang Tripoli 1911. Long Kundur yang menjadi Raja Kelantan semenjak kemangkatan ayahandanya, Sultan Mansor pada 1899 terpaksa mengikut kehendak British supaya baginda diiktiraf sebagai Sultan Mohamad IV pada 1911. Saat ini muncul pula Haji Hassan Munas, seorang ulama pahlawan lulusan Mekah yang lebih terkenal dengan gelaran Tok Janggut. Beliau bertindak radikal untuk mengubah politik Kelantan dengan mengusir pegawai British di Pasir Puteh yang membawa kepada berlakunya Musuh Tok Janggut dalam bulan April 1915. Atas nama agama – mempertahankan Khilafah Othmaniyyah, menyekat pencerobohan Baitul Maqdis dan mempertahankan kedaulatan Kelantan yang tercalar sejak 1904, Tok Janggut melancarkan jihad walaupun dicop sebagai ‘penderhaka’ oleh British. Yang banyak bertindak adalah

British, sedangkan Sultan Mohamad IV, Dato' Perdana Nik Mahmud, Dato' Laksamana, bahkan Tok Kenali juga tidak menonjol dalam bertindak balas ke atas Tok Janggut.

Politik feudal yang mencorakkan politik orang Melayu sejak berzaman telah mengalami perubahan-perubahan semenjak Islam mula diterima sebagai agama raja dan rakyat Kelantan pada abad ke-12. Peranan agama dalam mengubah Kelantan menjadi sebuah kerajaan Islam jelas terpapar dalam peranan tokoh-tokoh ulama seperti Syed Hussein Jamadil Kubra, kemudian penglibatan ulama dalam pentadbiran kerajaan, termasuk fungsi mereka dalam mendakwah rakyat melalui pendidikan dan juga perlaksanaan syariat. Perubahan dinasti pemerintah beberapa kali tidak memberi kesan besar terhadap dasar Islam yang semakin berkembang, sehinggalah berlakunya campur tangan Siam dan British dalam pentadbiran kerajaan, khususnya mulai abad ke-20. Ketika British berusaha melucutkan Islam daripada Kerajaan Kelantan, para ulama telah bertindak menyuburkan budaya inteligensia di kalangan rakyat sehingga berlaku kesedaran dan kebangkitan pada dekad kedua 1900. Selain pemberontakan Tok Janggut yang menunjukkan rakyat Kelantan menyertai perubahan politik dunia melalui Perang Dunia Pertama, kebangkitan reformis di Kelantan sangat menarik untuk diteliti kerana ia menyongsang tradisi negeri lain. Suasana feudal di Kelantan tidak menghalang gerakan kesedaran, bahkan kesedaran reformis ini ditaja sendiri oleh pentadbir utama negeri tanpa mendapat halangan daripada Istana. Pernah juga Istana sendiri yang menganjurkan perdebatan isu jilatan anjing pada 1937 yang menggambarkan keterbukaan politik agama di Kelantan.

PERUBAHAN POLITIK PASCA PERANG DUNIA KEDUA: PERANAN ISLAM

Berkembang daripada perubahan politik yang berlaku ketika permulaan kemasukan pengaruh British di Kelantan, corak pergerakan politik rakyat juga telah berubah daripada ‘istana centric’ kepada ‘rakyat centric.’ Penglibatan aktif rakyat dalam politik yang didorong oleh agama telah melahirkan parti-parti politik yang sifatnya ke-Islaman walaupun berbau kebangsaan. Daripada Jamiyatul ‘Asriyah ia berkembang membentuk badan-badan separa politik seperti Putera Klab, Setiawan Belia dan Kelab Suara Muda, manakala pergerakan agama yang lebih tersusun mulai muncul dengan penubuhan Jabhah ad-Diiniyah al-Islamiyah pada 1934. Bahkan, pada dekad ini, telah muncul perdebatan dan perbincangan tentang konsep pergerakan politik Islam. Melalui Setiawan Belia yang dipimpin oleh Abdul Kadir Adabi dan As’ad Shukri Haji Muda, telah diperbahaskan tentang keperluan menubuhkan persatuan ulama peringkat nasional, sedang Maulana Abdullah Nuh, seorang ulama muda lepasan India mula menggagaskan konsep ‘parti Islam’ berdasarkan pengalaman gerakan ulama di India. Beliau turut membahaskan persoalan “sultah Islam” dan “siasat Madinah” dalam konteks politik Malaya ketika itu, yang menyebabkan bukunya, “Semangat Perajurit-perajurit Muslimin” (1946) diharamkan oleh penjajah British. Menjelang Perang Dunia Kedua pada 1940, lepasan sekolah-sekolah agama termasuk para ulama lepasan Timur Tengah telah menubuhkan Persatuan Persetiaan Melayu Kelantan (PPMK) sebagai parti politik lokal yang pertama di Kelantan.

Dengan asas kesedaran politik yang sudah kukuh ini, selepas Perang Dunia Kedua menyaksikan politik Kelantan yang ‘berbau’ agama kurang menerima kemasukan pengaruh sekular kebangsaan, sehingga Umno sendiri sukar bertapak di Kelantan.

Pergerakan politik anti Malayan Union di Kelantan digerakkan sendiri oleh PPMK yang ketika itu membariskan tokoh-tokoh agama sebagai pemimpin politik seperti Haji Muhammad Ahmad, Haji Ishak Lotfi Omar, Haji Mohd Daud Salleh, Cikgu Daud Jamil, Ustaz Wan Sulaiman Ibrahim, Sheikh Fadhlullah as-Suhaimi dan Datuk Mohd Asri Haji Muda. Pada 17 Disember 1945 mereka mengemukakan memorandum bantahan kepada Sultan Ibrahim berkait kedatangan Sir Harold MacMichael ke Kelantan. Siri-siri bantahan ini membawa PPMK menyertai Kongres Kebangsaan Melayu di Kuala Lumpur bersama Persatuan Melayu Kelantan (PMK) yang menyebabkan tertubuhnya Umno. Namun begitu, Umno tetap tidak dapat bergerak cergas di Kelantan, sehingga menurut Mohd Zaid Salleh (1985), Umno terpaksa melalui tempoh "membeku diri" beberapa ketika pada awal 1950-an. Yang lebih menonjol dalam politik Kelantan ialah pergerakan agama yang diketuai oleh para ulamanya. Oleh kerana para ulama lebih aktif dalam PPMK, berbanding dengan PMK yang dianggotai oleh lulusan sekolah Inggeris, maka PPMK lebih menonjol di Kelantan bersama Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Dr Burhanuddin al-Helmy, dengan Angkatan Pemuda Insaf (API) sebagai sayap pemudanya.

Selain Mohd Asri dan abangnya, As'ad Shukri Haji Muda yang aktif dalam PKMM, API dan PUTERA, beberapa tokoh agama seperti Maulana Abdullah Noh dan Ustaz Abdul Rabb at-Tamimi juga cergas dalam API. Rancangan Dr Burhanuddin al-Helmy untuk menubuhkan badan politik agama pada 1947 telah membawa kepada tertubuhnya Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA) di Gunung Semanggol dalam bulan Mac 1947. Di Kelantan, cawangan MATA segera ditubuhkan dengan bekas Yang Dipertua Jabhah ad-Diiniyah al-Islamiyah, Tuan Guru Haji Mokhtar Ahmad yang ketika itu adalah Qadhi Kuala Kerai dilantik mengetuai MATA Kelantan. Kematian mengejut Maulana Abdullah Noh pada 15 September 1947

telah menyebabkan peranan beliau tenggelam, tetapi Ustaz Abdul Rabb at-Tamimi telah dilantik mengetuai Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR), sayap pendidikan MATA, manakala kepemimpinan Mohd Asri muncul setelah MATA menu buhkan parti Islam, Hizbul Muslimin pada awal 1948. Walaupun Maulana Abdullah Noh mati lebih awal, tetapi para pengikutnya berjaya menu buhkan Ikatan Suara Pemuda (ISP) pada 1946 yang dianggotai oleh guru-guru Madrasah al-Balaghul Mubin. Walau bagaimanapun, pergerakan politik Islam-kiri ini mendapat tekanan hebat apabila Ordinan Darurat 1948 dikuatkuasakan yang menyebabkan pergerakan politik Islam diharamkan, dan sebahagian besar perkembangan politik kemudiannya didominasikan oleh Umno.

Namun begitu, peluang ini tidak memberikan manfaat yang besar kepada Umno Kelantan kerana kebanyakan ulama Kelantan tidak cenderung kepada Umno. Beberapa tokoh ulama Kelantan seperti Mufti Haji Ahmad Maher, Tuan Guru Haji Hassan Ketereh, Tuan Guru Haji Wan Adam Pasir Pekan, Tuan Guru Haji Awang Noh Beris Besar, Tuan Guru Haji Wan Abdul Kadir Melor dan beberapa ulama lain yang diketahui merupakan ahli Umno, tetapi mereka tidak aktif memimpin Umno ketika itu. Sebaliknya, tokoh seperti Tuan Guru Haji Hassan Ketereh telah bertindak meninggalkan Umno kemudiannya, yang menyebabkan Umno hanya dipimpin oleh tokoh-tokoh aristokrat Melayu yang berpendidikan Inggeris. Umno menghadapi keadaan yang lebih kritikal selepas 1950 apabila para ulama yang menu buhkan PAS pada 23 Ogos 1951 telah berjaya mengalihkan sokongan ulama Kelantan kepada PAS selepas 1953. Serentak dengan itu juga, tokoh-tokoh feudal seperti Dato' Nik Ahmad Kamil telah mengetuai sejumlah pemimpin Umno Kelantan menyertai Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) yang diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar. Pengalaman Umno sepanjang dekad pertama selepas Perang Dunia Kedua menunjukkan bagaimana pergerakan

politik yang tidak berdasarkan agama sangat sukar menembusi pemikiran rakyat Kelantan, walaupun Umno berbangga dipimpin oleh para aristokrat seperti Datuk Nik Ahmad Kamil, Tengku Seri Maharaja Tengku Hamzah Tengku Zainal Abidin, Tengku Ahmad Panglima Raja dan Tengku Indera Petra.

POLITIK DEMOKRASI: BERUBAH DENGAN ISLAM

Umno agak berasas baik di Kelantan kerana kemunculan PAS pada 1953 hanya berlaku lapan tahun sesudah Umno berkembang di negeri ini. Ini membolehkan Umno terlebih dahulu menguasai kerajaan dalam Pilihan Raya Umum Pertama pada 1955, disebabkan oleh pengaruh PAS yang sangat baru dan belum membriak itu. Umno bukanlah sebuah parti yang kuat ketika itu, di mana dalam Pilihan Raya Bandaran Kota Bharu pada 4 Julai 1953, Umno yang telah menguasai Pilihan Raya Bandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952 tidak mampu meletakkan calon di Kota Bharu. Pilihan Raya Bandaran ini hanya melibatkan pertembungan di antara Gabungan Persatuan Pemuda Melayu Kelantan (GPMK) yang bekerjasama dengan Dewan Perniagaan Melayu Kelantan menentang calon MCA dan Bebas, manakala pemimpin API dan PKMM kebanyakannya dikenakan sekatan politik atau ditahan oleh penjajah. PAS sendiri membuka cawangan pertamanya di Kelantan pada 23 Julai 1953, selepas pilihan raya ini berlangsung. Dalam kondisi politik Umno yang sangat lemah, usia PAS yang terlalu baharu ini telah menyebabkan Umno dapat menyapu bersih semua 16 kerusi Majlis Undangan Negeri dan lima kerusi Majlis Undangan Persekutuan pada 1955. Semua pilihan raya sebelum 1955 sebenarnya, boleh dikatakan tidak dipengaruhi oleh faktor agama, tetapi oleh kelemahan parti-parti politik.

Penglibatan para ulama pondok dalam PAS selepas Pilihan Raya Umum 1955, terutamanya setelah Tuan Guru Haji Abdullah

Tahir Bunut Payung dan Tuan Guru Haji Ahmad (Tok Bakok) Kenali menyertai PAS dan PAS dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Keempat pada 23-25 Disember 1955 di Pondok Bunut Payung, telah menyebabkan sikap politik rakyat Kelantan berubah semula. PAS yang mencanangkan gagasan mereka untuk menegakkan negara Islam, melaksanakan syariat dan memajukan agama, dengan disokong oleh para ulama pondok telah berjaya membenamkan Umno dalam Pilihan Raya Umum 1959. PAS turut menampilkan tokoh-tokoh agama seperti Tuan Guru Haji Hassan Lemal, Tuan Guru Haji Daud Meranti, Tuan Guru Haji Haron Sulong, Ustaz Wan Sulaiman Ibrahim, Ustaz Ishak Lotfi, Qadhi Haji Nik Adeeb Nik Mat dan lain-lain sebagai calon untuk menyaingi tokoh-tokoh feudal Umno. Selepas Pilihan Raya Umum 1959, PAS dapat mengekalkan pengaruhnya selama 18 tahun sebagai imbalan terhadap kejayaan PAS menujuhkan YPTIK sebagai universiti Islam di Kelantan, memajukan sekolah agama, meluaskan program dakwah dan lain-lain, termasuk isu kafir-mengkafir yang berbangkit pada 1963 dan tindakan Umno menahan para ulama di bawah ISA. Tetapi kejayaan Umno memanipulasi isu balak dan salah guna kuasa – walaupun tanpa bukti – telah menyebabkan rakyat Kelantan merasakan PAS tidak lagi kuat berpegang dengan agama, sebaliknya melihat Datuk Mohamad Nasir sebagai tokoh jujur yang dianaya dalam krisis politik 1977.

Pergolakan dalaman PAS yang membawa kepada perpecahan parti pada 1977 telah memberi kesan besar terhadap psikologi pengundi. Mereka terkeliru di antara dua parti Islam – PAS dan Barisan Jemaah Islamiyah Malaysia (Berjasa) – yang kedua-duanya didukung oleh ulama dan membawa agenda Islam. Dalam masa yang sama, ketika pemimpin PAS dilihat terpalit dengan isu-isu salah guna kuasa dan perebutan jawatan, para pemimpin Barjasa pula dilihat sebagai golongan teraniaya, jujur dan benar-benar mahu

menegakkan Islam. Ahli-ahli PAS telah keluar parti beramai-ramai, membubarkan cawangan dan menyokong Berjasa. Walaupun ia adalah sebahagian daripada propaganda Umno, dalam suasana politik yang tegang, ditambah dengan politik MAGERAN, PAS hampir tidak mempertahankan dirinya dan kesempatan ini diambil oleh Umno untuk menumbangkan kerajaan PAS. Umno tidak memiliki citra agama, tetapi oleh kerana imej agama PAS telah tercalar dengan teruk, Umno mendapat keuntungan politik dalam krisis ini. Tawaran-tawaran Umno untuk menubuhkan universiti, membuat pembangunan dan seumpamanya bukan faktor besar terhadap perubahan ini, kerana setiap kali pilihan raya sejak 1964, Umno sentiasa mengemukakan tawaran ‘keduniaan’ yang boleh ‘memecahkan liur’ rakyat, tetapi rakyat tetap berpihak kepada PAS. Tetapi apabila PAS dilihat ‘hilang agama’ dek krisis politik yang berlaku antara Datuk Asri dengan Datuk Mohamad Nasir, faktor ini cepat memaksa rakyat membuat pilihan baru.

Tindakan keras Umno ke atas tokoh ulama Kedah, Ustaz Ibrahim Libya yang menjadi kemuncak krisis agama dalam kebangkitan semula Islam sejak 1980 telah memerangkap Umno ke dalam perubahan politik yang berpihak kepada PAS. Isu kafir-mengkafir, tindakan ke atas Tuan Guru Haji Mustafa Abu Bakar, isu Amanat Haji Hadi, masalah solat dua imam dan sembelihan orang Umno yang bergerak serentak dengan usaha Umno memperkenalkan Bank Islam, UIAM, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, adalah merupakan persaingan politik berdasarkan agama antara PAS dan Umno, termasuk di Kelantan selepas 1980. Apabila Umno bertindak membunuh Ustaz Ibrahim Libya pada akhir 1985, diikuti oleh perpecahan dalam Umno pada 1987 yang mana ia telah membawa kepada krisis Umno Kelantan dengan istana, PAS dilihat semula oleh rakyat Kelantan sebagai solusi kepada masalah. Pada saat perpecahan Umno begitu

memberi kesan kepada orang Melayu, PAS mengambil langkah bijak dengan menganjurkan siri-siri seminar dan ijtimak dengan tema “perpaduan ummah.” Kemudian PAS Kelantan mengadakan tahluf siasi dengan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang dianggotai oleh Berjasa, Hamim dan Semangat 46. Dengan imej Pesuruhjaya PAS Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai tokoh ulama yang digelar ‘Tok Guru,’ di samping penglibatan tokoh-tokoh ulama lain, dalam keadaan PAS mewar-warkan konsep kepemimpinan ulama menggantikan kepemimpinan Dato’ Asri yang ditolak oleh rakyat Kelantan pada 1978, PAS telah berhasil menarik simpati rakyat Kelantan sehingga Umno kalah teruk pada 1990.

Setelah mengambil alih kerajaan dari Umno pada 22 Oktober 1990, Tuan Guru Nik Abdul Aziz membawa motto “Membangun Bersama Islam” dan mula menerapkan dasar-dasar pentadbiran serta program kerajaan yang berdasarkan Islam. Sepanjang 23 tahun, begitu banyak sekali pembaharuan telah dibuat dalam pelbagai aspek berdasarkan Islam, kemudian menampilkan kepemimpinan yang telus dan bebas rasuah, ternyata melegakan hati rakyat sehingga secara berterusan langkah-langkah kerajaan Kelantan disokong oleh rakyat. Melihat keadaan ini, Umno beberapa kali cuba membawa imej agama dalam menyaingi pengaruh PAS termasuk mengemukakan tokoh agama dalam pilihan raya seperti Dr Ismail Mat dan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, memaparkan imej zuhud pada pemimpin Umno seperti Datuk Mustafa Mohamad, mengemukakan nama seperti Datuk Asyraf Wajdi Dasuki sebagai bakal MB dan sebagainya untuk melemahkan PAS. Dalam masa yang sama, Umno cuba mengaitkan PAS dengan kesesatan seperti mendakwa “Tuhan samseng,” “janji syurga,” “terlibat dengan keganasan,” “penyalahgunaan sekolah agama rakyat untuk membenci kerajaan” dan lain-lain yang tidak begitu berkesan di hati rakyat Kelantan yang melihat sendiri hakikat kepemimpinan ulama di

bawah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Pasca Tuan Guru Nik Abdul Aziz, muncul parti baru serpihan PAS, Parti Amanah Negara (PAN) yang mendakwa mewarisi perjuangan Tuan Guru Nik Abdul Aziz, menawarkan Islam Rahmatan lil Aalamin dan menampilkkan tokoh alternatif sebagai bakal MB dalam usaha mereka menyaingi kepemimpinan Datuk Ahmad Yakub sebagai Menteri Besar pilihan Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

Sepanjang dekad-dekad demokrasi ini, ternyata politik Kelantan tidak begitu dipengaruhi oleh politik pembangunan dan politik projek. Rakyat Kelantan lebih bersedia melakukan perubahan politik berasas keuntungan yang dicapai mengikut pertimbangan agama. Parti politik yang lebih kuat mendukung agama – sama ada kepemimpinan dan sokongan ulama, dasar dan matlamat perjuangan atau gaya kepemimpinan yang cenderung agama – akan mendapat sokongan rakyat. Parti-parti yang membawa agenda tidak cenderung agama seperti Umno, Parti Negara, Parti Rakyat, Semangat 46, PKR dan lain-lain tidak mampu meraih sokongan rakyat di Kelantan, sedangkan parti-parti serpihan PAS yang masih berbau agama seperti Berjasa, Hamim, Kumpulan Islah, AKIM dan PAN juga tidak mendapat sokongan rakyat jika mereka tidak dapat menawarkan sesuatu yang lebih utuh daripada tawaran PAS yang berteraskan Islam. Sokongan rakyat kepada Berjasa pada 1978 ternyata kerana kekeliruan dalam saat politik yang tegang, sedangkan PAN tidak mempunyai kelebihan yang serupa dalam mencuri sokongan pengikut PAS sekarang ini. Pengalaman Hamim yang dipimpin oleh tokoh sebesar Datuk Asri tetapi tidak berupaya membendung PAS, adalah sukar disaingi oleh tokoh PAN walaupun namanya lebih gah daripada pemimpin Kumpulan Islah dan AKIM. Politik agama yang berkembang di Kelantan ternyata menjadi faktor penting dalam perubahan-perubahan yang berlaku, berbanding boleh ubah lain yang kurang berkesan.

KESIMPULAN

Agama atau Islam dalam konteks Kelantan merupakan agen perubah politik yang sangat berkesan. Dengan latar belakang rakyatnya yang kuat beragama semenjak abad ke-12 dan komitmen kerajaan dalam melaksanakan syariat dan menggalakkan perkembangan dakwah dan pendidikan Islam, khususnya sejak abad ke-18, agama telah membentuk asas yang kukuh bagi rakyat, sekali gus menjadi pemboleh ubah yang penting dalam memahami politik Kelantan. Seperti yang telah disebutkan awalnya, pendekatan kelas dan kaum tidak begitu tegar dalam mengkaji dan memahami perkembangan politik Kelantan, maka pendekatan agama adalah sesuatu yang lebih relevan untuk diperbahaskan. Dalam era demokrasi yang terbuka dengan penglibatan rakyat terbanyak, parti-parti politik yang dapat menawarkan dasar-dasar yang bertepatan dengan Islam, membawa citra Islam, mendukung perjuangan Islam dan memartabatkan ulama dilihat lebih cenderung diterima dan disokong oleh rakyat, berbanding dengan parti-parti yang membawa agenda pembangunan, kemajuan dan projek. Bahkan, parti-parti Islam yang dilihat oleh rakyat tergelincir dari Islam juga akan ditolak oleh rakyat.

Perubahan sikap rakyat yang ditolak faktor Islam telah menyebabkan parti-parti politik bersaing menawarkan Islam dalam pakej masing-masing, termasuk parti sekular yang cuba melipstikkan perjuangan mereka dengan imej Islam. Dalam era 1980-an, ketika kebangkitan Islam begitu dirasakan, parti-parti politik yang tidak membawa agenda Islam akan ditolak. Dan inilah yang dialami oleh Umno walaupun mereka berusaha keras menampilkan imej Islam melalui beberapa dasar yang berbau Islam dan juga penubuhan institusi-institusi Islam, tetapi tidak berupaya untuk membendung pertembungan fikrah yang dibangkitkan oleh PAS seperti isu asobiyyah, mustakbirin vs mustadhafin, undang-undang penjajah,

negara sekular dan seumpamanya, yang akhirnya mengakibatkan kekalahan Umno pada 1990 – walaupun ada faktor lain turut menolaknya. Pada zaman feudal, raja-raja yang dilihat zalim, menindas, meninggalkan agama akan ditolak oleh satu kelompok lain yang lebih kuat nilai keagamaannya sehingga berlaku perubahan politik dalam konteks feudal. Ketika keturunan Raja Suran asyik berebut takhta pada abad ke-16, keturunan Syed Hussein Jamdadil Kubra yang terkenal kerana gerakan dakwah mereka mengambil alih kerajaan dan membentuk Dinasti Jembal. Ketika raja-raja Jembal seperti Sultan Abdul Rahim dikatakan bertindak zalim ke atas rakyat, keluarga Long Yunus yang ketika itu sangat komited melaksanakan syariat tampil menggantikan Dinasti Jembal. Demikian itulah politik Kelantan, perubahan dipacu oleh agama!

RUJUKAN

Abdullah Alwi Hassan (1985), *Administrative of Islamic Law in Kelantan*, DBP, Kuala Lumpur.

Abdullah Mohamad (Nakula) (1981), *Keturunan Raja-raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu.

Abdul Razak Mahmud (2002), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu.

Alias Mohamad (1975), *Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan*, Utusan Publishers, Kuala Lumpur.

Chandra Muzaffar (1987), *Islamic Resurgence in Malaysia*, Fajar Bakti Press, Petaling Jaya.

Dahrendorf (1959), Class and Class Conflict in Industrial Society, Stanford University Press, Standford.

Kessler, Clive (1978), Islam and Malay Politics in a Malay State: Kelantan 1938-1969, Cornell University Press, Ithaca.

Lotfi Ismail (1978), Detik Mula Konfrantasi Nasir-Asri, Penerbit Karangkraf, Petaling Jaya.

Mohd Asri Haji Muda (1993), Memoir Politik Asri: Meniti arus, Penerbit UKM, Bangi.

Mohd Fadli Ghani (2010), edt., Dua Dekad Membangun Bersama Islam, Pusat Kajian Strategik Kelantan, Kota Bharu.

Mohd Zain Salleh (1985), Sejarah Umno Kelantan, Umno Perhubungan Negeri Kelantan, Kota Bharu.

Surbakti, Ramlan (1992), Memahami Ilmu Politik, Gramedia Widya Sarana, Jakarta

BAB 3

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM: PEMBINAAN TAMADUN KELANTAN

Wan Nik Wan Yussof

I

Pengenalan

KELANTAN terkenal dengan penduduknya orang beragama. Buktinya gelaran Serambi Mekah dinukil orang sejak dari dahulu sehingga sekarang. Kelantan juga sinonim dengan gelaran Negeri Tadahan Wahyu. Dikenali juga dengan panggilan Tanah Serendah Sekebum Bunga atau negeri berbudaya. Penduduknya 95 peratus beragama Islam. Jumlah penduduknya sekarang melebihi 1.5 juta orang.

Ini sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *“Demi sesungguhnya adalah bagi penduduk negeri Saba’ satu tanda (yang membuktikan) kemurahan Allah) terdapat di tempat tinggal mereka iaitu: dua kebun (yang luas lagi subur) yang terletak di sebelah kanan dan kiri (kariah mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadanya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang amat Pengampun”* (Al-Quran, Surah Saba’: 15).

Justeru William R. Roff (1974) pula mengiktiraf Kelantan sebagai: *“The Islamic State of Kelantan, in the north-east corner of*

mainland Malaysia bordering southern Thailand, has existed as a locus of power in the peninsular for the least a thousand years" (Negeri Kelantan sebuah negara Islam... telah wujud sebagai pusat kuasa di Semenanjung untuk sekurang-kurangnya seribu tahun).

Prof. Ismail Hussein (1989) mencatat di Kelantan sudah lama tumbuh suatu penghidupan keintelektual dan kesusasteraan yang sama suburnya, yang sedikit diketahui orang hari ini.

Di sebalik kenyataan tersebut, ternyata Kelantan merupakan negeri yang unik, terutama dari segi wajah kuasa rakyat dan kehidupan budaya politiknya. Maksudnya, Negeri Kelantan sejak sebelum merdeka melalui proses sejarah yang pernah dinaungi kuasa Siam (sebelum 1909) dan selepas itu dinaungi (melalui perjanjian Bangkok) oleh penjajah Inggeris sehingga merdeka. Namun menjelang merdeka berlaku pilihan raya Persekutuan 1955 kuasa politik rakyat telah memberi mandat kepada Umno menang di Kelantan. Tetapi pada pilihan raya pertama 1959 (selepas merdeka) berlaku pula perubahan mandat rakyat Kelantan apabila parti PAS dipilih mengetuai kuasa politik negeri. Mandat kuasa kepada parti PAS berlaku sehingga tercetus 'politik darurat' 1977 yang menyaksikan mandat kuasa rakyat beralih kepada Umno tahun 1978. Perubahan mandat kali ketiga itu berlangsung sehingga 1990, dan Umno berdepan dengan kemerosotan populariti kerana pada pilihan raya umum ke-8, 21 Oktober 1990, rakyat sudah beralih sokongan dan menyaksikan parti PAS sekali lagi mendapat mandat mentadbir negeri untuk kali kedua. Mandat kuasa rakyat itu berlangsung kini dan tatkala 21 Oktober 2010 adalah ulang tahun ke-20 pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan di bawah dominasi dasar Membangun Bersama Islam. Suatu tempoh yang menciptakan kejayaan Negeri Kelantan menerajui perubahan dari segi kuasa dan politik rakyat yang berteraskan cara hidup Islam.

II

Berkat Kepimpinan Ulama

Sesungguhnya, berkat usaha gigih dan komitmen tinggi pemimpin PAS dan Tok Guru Nik Abdul Aziz semenjak memimpin PAS Kelantan (mulai 1 Mac 1981 dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan) telah membawa hasil. Rakyat mula memberi perhatian kepada apa yang disampaikan oleh PAS. Sebahagian timbul kesedaran untuk bersama perjuangan Islam yang dibawa PAS. Tok Guru Nik Aziz dan beberapa ulama' serta pemimpin PAS sering diundang menyampaikan kuliah dan ceramah ke segenap Dun dan Parlimen di Kelantan. Sehingga PAS mendapat sokongan padu golongan rakyat semasa pilihan raya umum 1990. PAS mencapai kemenangan mutlak bersama-sama dengan Angkatan Perpaduan Ummah. Mandat daripada kemenangan mutlak itu, menjadi kekuatan bagi parti PAS menerapkan dasar perjuangannya di dalam pentadbiran negeri. Justeru dasar Membangun Bersama Islam dijadikan pakaian rasmi di dalam mentadbir kerajaan negeri. Inti pati kepada dasar pentadbiran ini adalah *amal maaruf nahi mungkar* yang berpaksikan ketakwaan kepada Allah. Oleh itu, rekod kemenangan PAS dan kejayaan memerintah Negeri Kelantan penuh berliku, dan liku-liku itulah yang telah mencorak senario politik rakyat Kelantan sehingga dua dekad ini rakyat kekal memberi mandat kepada PAS.

Membangun Bersama Islam: 1990–2017

Pada 21 Oktober 1990 bermula era Kelantan di bawah Kepimpinan Ulama' dengan dasar yang memandu pentadbiran kerajaan negeri adalah dasar Membangun Bersama Islam.

Seiring dengan manifesto PAS Kelantan (Program PAS Negeri Kelantan 1990)¹ yang bertemakan Membangun Bersama Islam dengan menerima prinsip Islam sebagai Ad-Din, maka ia telah menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai teras pentadbiran dan pembangunan Kelantan tatkala mentadbir negeri. Justeru itu, teras pentadbiran dan pembangunan itu telah diterjemahkan sebagai Dasar Membangun Bersama Islam yang kemudiannya diterima secara rasmi oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Dasar Membangun Bersama Islam itu bermaksud '*maju ke depan dengan cara yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam*' dengan berlandaskan sembilan prinsip: (1) Kekuasaan Perundangan Ilahi, (2) Keadilan Antara Manusia, (3) Keadilan Antara Muslimin, (4) Kekuasaan Adalah Amanah Allah, (5) Musyawarah, (6) Ketaatan Dalam Hal Kebaikan Dan Kebajikan, (7) Tidak Menggunakan Kekuasaan Untuk Kepentingan, (8) Mempunyai Tujuan Yang Jelas Terhadap Negeri/Negara, (9) *Al Amru Bil Maaruf Wa Nahyu 'Anil Mungkar*.²

Sehubungan itu, pentadbiran dan pembangunan Kelantan telah dipacu oleh asas-asas keagamaan terus maju ke hadapan semenjak 1990 hingga kini. Kesannya didapati telah banyak perubahan ketara dicapai, biar pun ada pihak yang mendakwa Negeri Kelantan dalam kemunduran, miskin dan tidak membangun. Namun, mata memandang sedia menjadi saksi bila mana nilai-nilai pembangunan berlaku di setiap pelosok negeri.

¹ Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan .1990. Program PAS Negeri Kelantan 1990: Membangun Bersama Islam. Kota Bharu: 11 Oktober.

² Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan. 1996. *Konsep Membangun Bersama Islam dalam pentadbiran kerajaan negeri*. Kertaskerja yang dibentangkan di Majlis Perhimpunan Unit Dakwah Halaqah dan Penghulu Peringkat Negeri Kelantan pada 24 April 1996 di Kota Darulnaim, Kelantan.

Kini, Kelantan di bawah kepimpinan Menteri Besar yang baru, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob, dasar tersebut telah diperkasakan lagi dengan asas-asas pendekatan yang merakyatkan lagi aspek dasar. Mulai tahun 2014 ia dipopularkan sebagai dasar Merakyat Membangun Bersama Islam.³ Justeru pelan 'merakyatkan' ini adalah suatu perancangan program bersepada untuk memastikan persoalan teras cara hidup warga Kelantan agar bertambah mantap berpandukan prinsip hidup beragama (baca: Islam sebagai Ad-din). Natijahnya ke arah pengukuhan prestasi dasar Membangun Bersama Islam yang berteraskan tiga prinsip utama, iaitu 'Ubudiah, Mas'uliah, Itqan yang perlu diteruskan bagi menggerakkan pentadbiran dan pengurusan Kerajaan Negeri Kelantan. Pelaksanaannya adalah merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia - cara hidup, perbuatan, tingkah laku, kebudayaan dan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Sekaligus ia melibatkan pembinaan tamadun Kelantan yang merangkumi aspek pemikiran, kebudayaan, sosioekonomi dan pendidikan, yakni empat aspek penting dalam pembinaan tamadun (masyarakat) Islam di Kelantan. Keseluruhananya adalah berpandukan premis syariah: "*Dan hendaklah kamu menjalankan pemerintahan dalam kalangan mereka mengikut apa yang diturunkan oleh Allah dan janganlah kamu mengikut kemahuan hawa nafsu mereka*" (Surah al-Maidah ayat 49).

³ Dasar Merakyat Membangun Bersama Islam ini dizahirkan berikutan pelancaran Pelan Strategik Merakyat Dasar Membangun Islam Negeri Kelantan di Dewan KTC Kota Bharu pada 6 Mei 2014 menuju Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan. Pelan strategik itu merupakan kerangka dasar Membangun Bersama Islam yang telah diperkuuhkan dengan misi menuju Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan (dlm. "Strategi baru Kelantan: Membangun Bersama Islam" atas talian: <http://pks.kelantan.gov.my/?p=61>).

Landasan syariah membina tamadun

Kekuatan landasan syariah berbanding pemikiran manusia yang bebas syariah ialah keberkatan dan kemakmuran: *"Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan"* (Surah Al-A'raf ayat 96).

Hal ini dibuktikan melalui kajian realiti kewangan oleh Abd. Rahim Anuar dan Azizah Mohd Yusof dari Universiti Utara Malaysia (2001)⁴ bahawa kesan pelaksanaan Membangun Bersama Islam terhadap hasil Negeri didapati telah memberikan kesan positif kepada hasil Negeri—hasil Negeri meningkat. Menurut hasil kajian tersebut: "Pembolehubah ISLAM di dapati signifikan dalam mempengaruhi HASIL negeri Kelantan dalam jangka panjang. Kenyataan ini disokong oleh nilai statistik tau (τ) yang signifikan pada aras keertian 10 peratus yang bermaksud terdapat keseimbangan dalam jangka panjang bagi model tersebut.

Penemuan itu selari dengan kajian Timothy P. Daniels (2012)⁵ bertajuk, *"Economics and Ethics in Kelantan, Malaysia."* Menurutnya: "This wide-ranging implantation of their pious Islamic ethical schema indicates that religious humanist ethics is stimulating

⁴ Maklumat lanjut kajian oleh ini boleh diikuti dalam artikel "Dasar Membangun Islam dan Pertumbuhan Ekonomi Kelantan" oleh Abd. Rahim Anuar dan Azizah Mohd Yusof (2001) dari Fakulti Ekonomi Universiti Utara Malaysia.

⁵ Timothy P. Daniels. 2012. "Economics and Ethics in Kelantan, Malaysia" dlm. *Hofstra HORIZONS*, Spring 2012, pp. 22-27.

commercial development and a more equitable distribution of resources" (Penghayatan skema etika Islam menunjukkan bahawa etika keagamaan telah merangsang pembangunan komersial dan pengagihan sumber yang lebih saksama). Ini membuktikan praktikaliti dasar pentadbiran dan pembangunan Negeri Kelantan (Membangun Bersama Islam/Merakyat Membangun Bersama Islam) memberi impak positif kepada pembinaan tamadun (kemajuan) masyarakat Kelantan semenjak 1990 hingga kini.

Sehubungan itu, suatu hal yang penting untuk memahami persoialan ini ialah dengan meneliti teori pembinaan tamadun yang diutarakan oleh ahli sains sosial seperti Malik Bennabi, Ibnu Khaldun, Toynbee dan Zanden serta Clifford Geertz. Menurut Bennabi (2009), pembinaan tamadun sejarah negara bangsa amat kuat hubungannya dengan keagamaan. Sebelum pendekatan ini dipopularkan oleh Bennabi,⁶ ia pernah dianjurkan oleh Ibnu Khaldun (1968)⁷ dan Toynbee (1933).⁸ Dua tokoh ini adalah sosok penting yang membentuk pemikiran Bennabi yang meletakkan pada usaha membangun kembali peradaban dan kebudayaan Islam yang sesuai dengan masyarakatnya serta masa depannya. Bagi Bennabi,

⁶ Malik Bennabi. 2009. *Asal-usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad.

⁷ Ibnu Khaldun. 1968. *Ibnu Khaldun tentang masyarakat dan negara*. Jakarta: Bulan Bintang.

⁸ Arnold J. Toynbee (1933) merupakan tokoh falsafah Inggris dalam penulisannya berjudul "A Study of History" sebanyak 12 jilid telah mengemukakan teori ketamadunan dan kebudayaan berdasar penelitiannya—21 kebudayaan yang sempurna dan 9 kebudayaan yang kurang sempurna daripada seluruh dunia. Ia melalui peringkat-peringkat: Genesis of civilization (lahirnya kebudayaan); Growth of civilization (perkembangan kebudayaan); Decline of civilization (keruntuhan kebudayaan)—suatu kebudayaan tidak berlangsung dengan cepat, ia mengambil masa 2000 tahun untuk lahir, berkembang dan runtuh.

pembentukan budaya masyarakat sehingga menghasilkan peradaban, asas yang ditekankan ialah agama. Setiap aktiviti dan budaya yang dilakukan hendaklah berasaskan ataupun mempunyai nilai agama.

Menurut Zanden (1986)⁹ bahawa kita terlahir bukan sebagai manusia, dan baru akan menjadi manusia hanya jika melalui proses interaksi dengan orang lain. Artinya, sosialisasi merupakan suatu cara untuk membuat seseorang menjadi manusia (*human*) atau untuk menjadi makhluk sosial yang sesungguhnya (*social human being*). Berdasarkan analisis Zanden, manusia akan berhubungan antara satu sama lain melalui aturan sosial. Dalam hal ini, agama adalah salah satu aturan tersebut.

Namun demikian, dalam konteks Kelantan yang bermula daripada pelaksanaan dasar pentadbiran Membangun Bersama Islam, maka pembinaannya berpandukan sistem hidup Islam yang sesuai disebut sebagai pembinaan masyarakat dan budaya berpandukan ajaran agama Islam. Ini selari dengan ajaran Islam sebagaimana terkandung di dalam al-Quran iaitu, pembinaan budaya beragama menurut al-Quran adalah berpaksikan kehendak Allah SWT, terutama dalam menentukan hidayah-Nya sebagai faktor penting yang mempengaruhi akhlak seseorang. Sebagai contoh, dakwah Nabi Nuh a.s. terhadap isteri dan anaknya, namun mereka tetap tidak beriman. Begitu juga Rasulullah s.a.w. gagal membujuk bapa saudaranya, Abu Thalib menjadi seorang yang beriman. Ia membuktikan iman itu adalah daripada hidayah milik Allah.

Allah berfirman: "Sesungguhnya engkau (Wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada

⁹ James Wilfrid Vander Zanden. 1986. *Sociology: The Core*. Alfred a Knopf.

sesiapa yang Engkau kasihi (supaya ia menerima Islam) tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakinya, dan dia lah jua yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” (Al-Qasas : 56).

Berpandukan hidayah (*iman*) seseorang akan terpengaruh dengan tingkah laku yang terdapat dalam masyarakatnya. Sebagaimana tingkah laku manusia sebagai anggota masyarakat akan terikat dengan kebudayaan yang wujudnya dalam berbagai-bagi aturan hidup dan berfungsi sebagai mekanisme yang mengawal tingkah laku manusia (Geertz, 1973).¹⁰

Dalam hal ini budaya dertiikan sebagai tamadun, peradaban; kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat). Masyarakat pula ialah sekumpulan orang yang hidup bersama-sama di sesuatu tempat dengan cara-cara dan peraturan tertentu (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Oleh sebab itu, pembinaan masyarakat (*social reconstruction*) suatu usaha pembangunan nilai-nilai hidup bermasyarakat menuju kemajuan.

Dengan kata lain, ia merupakan proses atau tindakan yang dilakukan oleh pemerintah untuk mewujudkan sebuah negara yang berdaulat, maju dan makmur. Antara tindakan yang diambil adalah dengan membangunkan masyarakat dari masyarakat tradisional kepada masyarakat moden, daripada keadaan mundur kepada yang lebih maju. Justeru itu, Kelantan dalam proses pembinaan masyarakat sejahtera untuk Islam boleh dianggap sebagai melalui pembinaan ke arah masyarakat madani (*civil society*) iaitu sebuah masyarakat yang

¹⁰ Clifford Geertz. 1973. *The Interpretation of Cultures: Selected Essays*. New York: Basic Books Inc. Publishers.

maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan berteraskan nilai-nilai hidup beragama (Islam).

Cabaran federalisme

Konsep federalisme membelah kerajaan di Malaysia kepada dua entiti kuasa iaitu kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Pembahagian itu ditentukan berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Apa pun dalam konteks amalan serta kesannya kepada keutuhan Kerajaan Negeri Kelantan, didapati Kerajaan Pusat sedia melaksanakan tindakan-tindakan kontra dengan hukum federalisme yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Paling ketara tindakan itu adalah ketidakpatuhan amalan kewangan dan menafikan kuasa-kuasa Kerajaan Negeri mengurus projek yang disalurkan oleh kementerian di bawah Kerajaan Pusat. Ia menyimpang daripada amalan *good governance* dalam prinsip birokrasi yang demokratik!

Berbandarkan perlembagaan tersebut Kerajaan Negeri diberi kuasa berkaitan hal ehwal agama, tanah di samping pertanian dan perhutanan. Kuasa pusat pula lebih dominan merangkumi hubungan luar, pertahanan, keselamatan, pentadbiran, keadilan, kewangan, perdagangan, perhubungan, pengangkutan dan banyak lagi. Manakala bagi perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam senarai di atas diletak di bawah Senarai Bersama. Kuasanya meliputi kebijakan masyarakat, biasiswa, perlindungan hidupan liar, kebudayaan, sukan, perumahan dan perlembagaan persekutuan.

Bagaimanapun dalam amalan *rule of law* (berperlembagaan) kerajaan pusat melakukan tindakan *over rule*. Contohnya kewujudan Putrajaya di Prang Besar, Selangor tanpa mendapat kelulusan Majlis Raja-Raja dan Dewan Undangan Negeri Selangor. Mohamad Agus

Yusof (1995)¹¹ menyifatkan tindakan tersebut sebagai *quasi-federal*, iaitu tidak menepati kehendak federalisme.

Sebenarnya bukan sekadar kes Prang Besar yang mencerminkan tindakan *over rule* kerajaan Barisan Nasional (BN) terhadap negeri, malah banyak lagi kes lain. Antaranya turut melibatkan hubungan Pusat dengan Kelantan. Contohnya dalam isu perjanjian penyerahan hak cari gali petroleum Kelantan kepada Petronas pada 1975 yang jelas tidak mematuhi Akta Pembangunan Petroleum. Kerajaan Pusat tidak membayar bayaran wang tunai (royalty) hasil cari gali itu kepada kerajaan Kelantan. Berkaitan dengan ini ialah afidavit Tun Abdul Rahman Yakub dalam kes kerajaan Terengganu lawan Petronas dan kerajaan Malaysia pada 2001. Kerajaan Pusat secara terang-terangan melakukan *over rule*. Di samping ada pemimpin Pusat dari Kelantan seolah-olah menafi berkali-kali perairan negeri Kelantan ada menghasilkan minyak (walaupun disahkan oleh Petronas berlaku pengeluaran hasil petroleum, malah telah menukar hak royalty kepada wang ihsan, kononnya atas nasihat Peguam Negara).

III

Kelantan menerajui perubahan

Kerajaan Negeri Kelantan diterajui PAS bersama Angkatan (1990-1995) dilihat komited (istiqomah) menjayakan amalan pentadbiran berteraskan Membangun Bersama Islam. Segala dasar atau polisi kerajaan dipacu berpandukan al-Quran dan al-Hadis serta ijmak-qias ulama'. Justeru pendekatan amalan pentadbiran itu telah melakukan transformasi dan pembinaan keyakinan kepada model pemerintahan

¹¹ Bacaan lanjut, Mohamad Agus Yusof. 1995. *Perkembangan dan perubahan sosio-politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.

Islam yang pernah mencapai kegemilangan pada zaman Madinah dan era khulafa ar-Rasyidin serta Othmaniah.

Model itu dipakai dengan teliti (bagi PAS) sebaik sahaja mentadbir Kelantan dan Tok Guru Nik Abdul Aziz selaku pencetus dan peneraju siasah Kerajaan Negeri telah memindahkan akaun tetap kerajaan negeri dari bank konvensional-riba ke Bank Islam. Amalan kewangan dipraktik mengikut acuan Islam dengan mewujudkan dua akaun kerajaan negeri iaitu halal dan haram (merujuk kepada kaedah Tabung Amanah Serambi Mekah). Kerajaan Negeri mengamalkan dasar tender terbuka (mematuhi prinsip ketelusan). Serta memperkenal sistem pajak gadai Islam Ar-Rahn (mengatasi cengkaman riba terhadap golongan marhaen).¹² Implikasinya kepada sistem kewangan negara telah mendorong kepada pelaksanaan sistem perbankan tanpa faedah (SPTF) atau sistem perbankan Islam (SPI) dan pembukaan kaunter kewangan syariah di bank-bank konvensional serta kerancakan sistem kewangan Islam, termasuk takaful dan gadaian.

Fasa awal mesra Syariah

Hakikatnya survival kepimpinan ulama yang menerajui Kerajaan Negeri Kelantan mulai 1990 banyak mencetuskan isu-isu mesra Syariah semenjak awal, iaitu di dalam menyambung kembali usaha-

¹² Bagi membantu rakyat keluar dari amalan riba, kerajaan negeri pada 1992 memperkenalkan sistem gadaian Islam (Ar Rahn) yang diuruskan melalui anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Ekoran langkah tersebut pajak-pajak gadai konvensional-riba tidak lagi mendapat sambutan sehingga banyak yang terpaksa menutup operasi. Ar-Rahn kemudian diperkembangkan ke seluruh Kelantan dan negeri-negeri lain. Malah sistem pajak gadai Islam itu menjadi perintis kepada pelbagai agensi kewangan di bawah kawalan Kerajaan Pusat turut mengambilnya sebagai projek kewangan Islam.

usaha Islamik yang telah dilakukan ketika mentadbir PAS negeri sebelum 1990 (1959-1978). Selain pemantapan sistem kewangan Islam, antaranya lagi ialah menutup lubang-lubang maksiat dengan memastikan lesen premis tempat-tempat perjudian dan hiburan tidak lagi dibenarkan. Premis menjual arak juga dikawal dan perniagaan salon dan *unisex* turut disusun selaras dengan nisbah penduduk bukan Islam. Dalam pada itu, hak-hak dan kebebasan bagi antara kaum (selain Melayu/Islam) turut diraikan secara adil dan harmoni.

Persembahan hiburan yang melampau juga tidak dibenarkan. Makyong dan menora yang jelas bercanggah dengan Islam kerana mengandungi unsur khurafat (pemujaan mensyirikkan Allah) turut diharamkan.

Menteri Besar juga menekankan polisi berjimat cermat bagi menjaga harta kerajaan. Langkah awal yang diambil iaitu memotong elaun Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, anggota Exco dan Speaker sebanyak 20 peratus yang dimasuk ke dana parti.

Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar serta para Exco juga memotong elaun sebanyak lima peratus yang dimasukkan ke dalam Tabung Serambi Mekah. Amalan memberi cenderamata kepada pemimpin juga dihentikan. Turut dilakukan adalah tidak menggunakan peruntukan majlis hari raya dan imbuhan kerana tidak menduduki rumah kerajaan. Ia telah menjimat wang Kerajaan Negeri, malah turut memulang balik secara tidak langsung kepada rakyat menerusi akaun kerajaan (Akaun Amanah Kebajikan Darulnaim/Tabung Amanah Serambi Mekah). Selama 20 tahun ia berlaku dan sudah lebih puluhan juta, ia dipulangkan balik kepada akaun Kerajaan Negeri. Sehingga kini belum ada mana-mana Kerajaan Negeri diterajui Umno sanggup berbuat demikian!

Mesra kaum Hawa

Kerajaan Negeri juga memberi cuti bersalin kepada kakitangan wanita daripada 42 hari kepada 60 hari. Kerja lima hari seminggu mulai dikuatkuasa pada 1 Januari 1996 serta memendekkan waktu pejabat bulan Ramadhan dengan cara tidak ada waktu rehat tengah hari.

Kesemuanya adalah gambaran berhemat di sisi kepemimpinan, cermat dalam berbelanja dan bermanfaat untuk rakyat dalam konteks semasa dan masa depan. Ia suatu gambaran kekuatan model pentadbiran Islamik selama dua dekad menerajui perubahan di Negeri Kelantan.

Kerajaan Negeri juga terus berusaha memperkasakan kedudukan serta penghormatan terhadap kaum wanita (khususnya kaitangan awam) dengan menambahkan cuti bersalin daripada 42 hari kepada 60 hari. Seterusnya mulai tahun 2011 cuti bersalin akan ditambah kepada 90 hari. Cuti bersalin boleh diambil lebih awal sekiranya mereka tidak mampu melaksanakan tugas di pejabat.

Selain itu kakitangan wanita yang kematian suami juga dicadang diberi cuti *iddah*. Ini dilakukan selaras dengan tuntutan Islam di mana wanita kematian suami mempunyai *iddah* selama empat bulan 10 hari. Ketika *iddah* tersebut mereka tidak digalakkan berada di tempat-tempat awam, bagi mengelakkan sebarang fitnah berlaku.

Kerajaan Negeri juga memberi kemudahan cuti kepada suami untuk menjaga isteri ketika bersalin. Kemudahan itu dapat dimanfaat bagi menjaga anak-anak memandangkan isteri perlu

berpantang, dan tidak dapat melakukan tugas-tugas yang agak berat.

Bekerja dengan rehat

Kerja lima hari seminggu mula dikuatkuasa pada 1 Januari 1996. Kelantan merupakan negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan hari bekerja lima hari seminggu. Amalan pentadbiran ini adalah rasional dan selari dengan psikologi pekerja serta mendapat pengiktirafan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang kemudiannya ditiru oleh Kerajaan Pusat meskipun pada awalnya ditentang hebat. Sehingga mendapat kritikan pemimpin Kerajaan Pusat kononnya dengan cuti dua hari boleh mengurangkan prestasi jentera kerajaan. Namun tidak lama kemudian cuti tersebut turut dipraktikkan sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat. Signifikannya, amalan cuti dua hari seminggu turut membawa kebaikan kepada keakraban kekeluargaan. Ini kerana melalui cuti dua hari seminggu telah membolehkan kakitangan awam mempunyai masa lebih lama bersama keluarga. Ia turut menggalakkan industri pelancongan domestik dan terbukti jumlah bas dan jadual penerbangan antara Kota Bharu-Kuala Lumpur begitu kerap dan mengatasi mobiliti domestik penduduk Terengganu dan Kedah.

Sementara pihak Tok Guru Nik Abdul Aziz selaku Menteri Besar Kelantan ketika itu telah menjadikan hari Jumaat sebagai hari untuk menuntut ilmu agama dan Sabtu pula bersama keluarga. Sekali gus menggerakan pemikiran rakyat kepada kehidupan berilmu dan kerukunan hidup berumah tangga. Meskipun, aspek ini terlalu subjektif untuk diukur, tetapi ruang ilmu dan kekeluargaan itu sudah menjadi dasar dan program Kerajaan Negeri Kelantan.

Walaupun begitu, pihak Kerajaan Pusat cuba mengelak daripada dikatakan meniru apa yang dilakukan Kerajaan Kelantan, malah pelaksanaan cuti Sabtu pada awalnya diperaktikkan pada cuti hari Sabtu minggu pertama dan minggu ketiga sahaja. Pelaksanaan kaedah itu mengelirukan dan akhirnya Kerajaan Pusat menerima hakikat, apa yang Kerajaan Kelantan buat adalah mewakili kehendak majoriti. Lalu pelaksanaan cuti hari Sabtu sepenuhnya mengikut apa yang dilakukan di Kelantan telah diterima.

Hub pendidikan Islam

Sepanjang 27 tahun memartabat Islam dalam mentadbir Kelantan terus menyerlah dengan perubahan bersifat transformasi dan paling ketara ditumpukan kepada aspek pembangunan berimbang antara tuntutan rohani dan jasmani. Ini selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam. Tumpuan pembangunan rohani adalah kepada aspek pendidikan.

Kerajaan negeri melalui Yayasan Islam Kelantan menuju Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat di Pulai Chondong. Maahad tersebut berjaya melahirkan ramai pelajar cemerlang sehingga kini memiliki kerjaya dalam bidang profesional termasuk pensyarah, peguam dan pegawai tadbir.

Profesional lulusan maahad tahfiz tersebut berbeza berbanding dengan sekolah-sekolah lain kerana mereka mampu menjadi imam solat dan menyampaikan dakwah. Di dalam dada mereka ada 6,666 ayat suci al Quran.

Sehingga kini Maahad Tahfiz Al Quran diperkembangkan ke beberapa jajahan lain termasuk Pasir Mas dan Bachok. Malah

menjadi misi Tok Guru Nik Abdul Aziz untuk memastikan setiap jajahan memiliki sekolah tahfiz al-Quran.

Maahad Tahfiz Sains pula mula diperkenalkan dengan penubuhan Maahad Tahfiz Sains Al- Bustanul Ariffin di Kampung Berangan, Tumpat. Selepas itu dibina Maahad Tahfiz Sains yang lebih besar dengan kemudahan asrama yang lebih selesa di Tanah Merah dan diikuti pula di Kok Lanas dan Bachok. Apa yang penting ialah produk maahad tahfiz sains telah berjaya melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang sains dan teknologi yang berkemampuan menghafal ayat-ayat al Quran.

Sebelum itu YIK membuka kelas aliran sains tulen di Maahad Muhammadi Lelaki dan Maahad Muhammadi Perempuan serta terkini Maahad Sains Tok Guru. Pelajar-pelajar lulusan sains tulen kedua-dua sekolah terbabit kini berjaya dalam bidang sains dan teknologi. Ramai di kalangan mereka sekarang menjadi doktor, jurutera dan ahli sains.

Kecemerlangan akademik kedua-dua sekolah terbabit menyebabkan setiap tahun permohonan pelajar baru sentiasa bertambah. Ia turut mendapat sambutan (permohonan) daripada ibu bapa dari luar Kelantan untuk menghantar anak-anak belajar di kedua-dua maahad tersebut. Kesan transformasi pendidikan Islamik yang lebih dikenali dengan pendidikan sepadu itu turut mengundang Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan pengajaran mata pelajaran agama disepadukan dengan mata pelajaran sains dan iktisas di sekolah-sekolah menengah. Lalu tumbuhlah sekolah-sekolah yang dikenali sebagai sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), iaitu sekolah berasrama yang menyeimbangkan kurikulum agama dan akademik biasa di bawah kawalan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru itu, pihak Kerajaan

Negeri menerusi YIK terus memperluaskan pendekatan sepadu pengajaran sains tulen dan agama ke sekolah-sekolah YIK di setiap jajahan.¹³

Kerajaan Negeri juga menghidupkan kembali kegemilangan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri sebagai sekolah tinggi yang dimatikan kerajaan Barisan Nasional (BN) ketika memerintah Kelantan pada 1978. Kerajaan BN ketika itu menyerapkan YPTIK kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sebagai kampus cawangan di Nilam Puri. Sekolah tinggi dalam bidang agama itu dikenali sebagai Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah ditubuhkan 1994 dan pelaksanaannya merupakan suatu tunai janji manifesto PAS pada pilihan raya umum 1990. Penubuhannya adalah atas hasrat menjadi pusat pengajian tinggi agama peringkat diploma dalam bidang usuluddin, dakwah dan syariah serta ke arah melahirkan pelapis kepimpinan masyarakat yang berdakwah dalam masyarakat.

Maahad tersebut yang terletak di Nilam Puri mendapat pengiktirafan Universiti Al-Azhar, Mesir dan universiti ternama di Asia Barat. Maahad Dakwah berkembang pesat dan menjadi perintis kepada penubuhan institut pendidikan tinggi Islam. Selepas itu (tahun 1999), Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Maahad ad Dakwah Wal Imamah telah diserap ke dalam KIAS. Kini KIAS telah berjaya sebagai institusi pendidikan awam Kerajaan Negeri yang mendapat pengiktirafan Lembaga Akreditasi yang mencapai taraf pendidikan global. Statusnya sedang mencerah nama melalui kursus-kursus yang

¹³ YIK mempunyai 18 sekolah maahad kerajaan, 45 sekolah agama bantuan (SMU Arab), 20 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), lima maahad tahliz dan masing-masing satu pusat pengajian pondok dan Kolej Tahliz Sains Nurul Aman serta dua lagi Tadika Islam di seluruh negeri (Habsah Ismail. 2014. Maahad Sains Tok Guru siap 2016. *Sinar Harian*. 7 Februari).

ditawarkan, di samping turut mengadakan program ijazah berkembar dengan beberapa universiti di Timur Tengah dan Indonesia serta universiti tempatan.

Perkembangan pendidikan Islam terus semarak dengan pembinaan Kolej Yayasan Islam Kelantan di Kok Lanas bagi menempatkan pelajar-pelajar tingkatan enam. Kolej khusus disediakan bagi membolehkan pelajar-pelajar lepasan SPM yang berminat melanjutkan pelajaran ke universiti di Timur Tengah menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan STPM. Hal ini meletakkan pendidikan Islam Kelantan sebagai rujukan kepada negeri-negeri lain, terutama dari segi sukatan pengajiannya serta keberkesanannya. Sehingga kini, kurikulum YIK dipakai di beberapa sekolah agama di Johor, Selangor dan Sarawak. Malah YIK turut mengeksport kepakarannya sampai ke Kampuchea bagi mendidik masyarakat Melayu Cham di sana. Kelangsungan daripada kecemerlangan YIK yang popular dengan peperiksaan sijil rendah agama (SRU), sijil menengah agama (SMU) dan sijil tinggi agama (STU) telah memberi ilham kepada Kerajaan Pusat melaksanakan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan terpakai di seluruh negara dan kelayakannya adalah setanding Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (SPTM).

Pembangunan dan kesejahteraan

Suatu perkara penting yang mencorakkan senario baru politik negara pasca 1990 adalah terjelmaanya kuasa politik Islam yang dibawa oleh PAS tatkala berkuasa di Kelantan. Hal itu telah mencetuskan suatu keyakinan baru umat Islam betapa dasar-dasar Islam yang selalu diceramahkan di corong radio, TV dan tertera di dada akhbar sudah mencapai realiti. Justeru, kunci kepada senario baru itu adalah komitmen Tok Guru Nik Aziz memakai kandungan dasar perjuangan

Islam yang terkandung di dalam Perlembagaan PAS sebagai prinsip pentadbiran yang wajar dipraktikkan. Antara kandungan itu ialah Fasal 5, Perlembagaan PAS menyebut untuk memperjuangkan sebuah masyarakat dan pemerintahan di dalam negara ini yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan juga mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara. Seterusnya diperjelaskan lagi oleh Fasal 6, iaitu dinyatakan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk merealisasikan tujuan Fasal 5 itu, antaranya dengan menyeru umat manusia kepada Syariat Allah dan Sunnah Rasul-Nya sama ada melalui lisan, tulisan dan amalan. Kini dua dekad PAS mentadbir Kelantan memakai prinsip kuasa politik berteraskan dasar-dasar Islam. Ia telah dan sedang dibuktikan dalam aspek pentadbiran Negeri.

Pentadbiran Islam

Dasar pentadbiran Kerajaan Negeri berpandukan moto Membangun Bersama Islam yang merupakan tema manifesto PAS bagi pilihan raya umum 1990. Teras membangun Bersama Islam ialah berpaksikan kepada tiga teras utama iaitu '*ubudiah, mas'uliah* dan *itqan* (UMI). Kunci kepada kejayaan pentadbiran di bawah dasar Membangun Bersama Islam kerana memberi penumpuan kepada nilai-nilai takwa yang mencapai keberkatan.

'Ubudiah berkait soal iman atau aqidah iaitu merujuk tanggungjawab manusia sebagai hamba Allah SWT. Penekanan terhadap seseorang penjawat awam ditekan dari aspek sifat diri, tujuan hidup dan aktiviti harian yang dilakukan hendaklah selaras dengan kehendak agama (beriman dan bertakwa). Begitu juga dalam tugas sehari-hari hendaklah menepati matlamat yang ditetapkan kerajaan.

Mas'uliah menekankan soal amal tanggungjawab (akauntabiliti) yang selaras dengan tuntutan syariat. Penegasan tanggungjawab itu ialah tugas harian seseorang kakitangan awam di pejabat itu sebenarnya mempunyai hubung kait dengan agama (aspek dosa dan pahala). Setiap kakitangan awam diperingatkan segala gerak kerja mereka akan diadili di akhirat kelak.

Itqan berkait dengan amalan soleh atau akhlak. Akhlak bagi seseorang kakitangan awam menekankan aspek ketekunan, kesungguhan dan komitmen tinggi dalam melaksanakan tugas. Seseorang penjawat awam yang mempunyai akhlak tinggi tentunya tidak terbabit dengan sebarang penyelewengan dan salah laku atau bekerja sambil lewa dan curi tulang. Sifat itu menerbitkan asas kualiti dalam setiap tugas yang dilakukan.

Kesan amalan pentadbiran ini telah mencetuskan perubahan dan transformasi Islamik seperti diulas sebelum ini (di bawah beberapa sub-topik di atas) turut menzahirkan betapa aspek jimat cermat, hemat dan berpada termasuk di dalam berbelanja. Slogan popular yang kerap digunakan Menteri Besar iaitu "berbelanja jangan sampai boros dan berjimat jangan sampai kedekut."

Sebagai ketua kerajaan Tok Guru Nik Abdul Aziz mempraktikkan amalan berjimat cermat di pejabatnya. Lampu pejabat dipadamkan pada waktu rehat atau dibuka suisnya mana yang perlu sahaja. Ini kerana semua harta itu adalah hak orang ramai. Maka setiap pegawai mesti menganggapnya sebagai amanah yang perlu dijaga demi mencapai keberkatan Allah dan kepercayaan rakyat. Amalan itu kini menjadi lumrah di pejabat Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan anggota-anggota Exco kerajaan negeri serta para pegawai.

Selain itu mulai tahun 2010, kakitangan lelaki di Kota Darulnaim digalakkan memakai pakaian baju Melayu bersamping pada setiap hari Khamis di bulan Ramadan. Pemakaian baju Melayu menggantikan baju batik seperti diamalkan sebelum ini adalah usaha memberi imej kemuliaan jati diri beragama kalangan kakitangan awam. Juga turut dilakukan pembaharuan dengan merasmikan setiap awal bulan hijriah (pada hari pejabat) diadakan himpunan warga Kota Darul Naim bagi mendengar ucapan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan mengikuti amanah Menteri Besar Kelantan. Ia suatu langkah pembinaan semula (reinventing) integriti dan penyatuhan semangat bekerja selepas dua dekad dinaungi oleh dasar Membangun Bersama Islam.

Negeri berkebajikan

Dalam aspek kebajikan Kerajaan Negeri terus bersungguh-sungguh melaksanakan konsep Negeri Berkebajikan. Ia termasuklah langkah mewujudkan dikenali sebagai Tabung Serambi Mekah (tahun 1991). Tabung tersebut digunakan bagi membantu rakyat yang ditimpa kesusahan dan sesuatu musibah seperti kebakaran, ribut atau banjir. Dana bagi menggerakkan tabung adalah sumbangan daripada orang ramai dan syarikat-syarikat korporat. Setiap tahun diadakan sambutan ulang tahun bagi menerima sumbangan dan derma daripada orang ramai dan anak-anak syarikat kerajaan negeri. Hasil sumbangan dan derma tersebut kemudian digunakan kembali bagi membantu rakyat.

Selain itu kerajaan negeri juga mewujudkan Tabung Amanah Tok Kenali (mulai 2015 pindaan enakmen berkaitan telah menamakan sebagai Yayasan Amanah Tok Kenali, ringkasnya YTK) bagi melaksanakan program pembangunan ihsan. Dana tabung tersebut dikumpul dari sumbangan dibayar Tenaga Nasional Berhad

hasil royalti penggunaan air di empangan Hidro Elektrik Pergau di Jeli.

Turut melalui perubahan adalah dasar kecaknaan (caring and friendly) Kerajaan Negeri terhadap golongan warga emas juga terbukti apabila dilaksanakan program Skim Takaful Kifalaah bagi mereka yang berusia 60 tahun ke atas. Setiap warga emas didaftarkan dalam polisi takaful tersebut sebagai perlindungan kepada mereka apabila meninggal dunia dibayar pampasan sebanyak RM1,500. Keluarga warga emas yang meninggal dunia akan menerima pendahuluan sebanyak RM500 pada hari kematian. Seterusnya turut menerima manfaat ialah golongan belia untuk perkahwinan pertama di bawah Skim Gerbang Az-Ziwaj, keluarga miskin (sumbangan beras Skim Al-It'am) dan pelbagai bentuk bantuan kepada anak yatim serta OKU.

Kerajaan Negeri juga membina rumah secara percuma kepada penduduk miskin yang mempunyai bilangan anak ramai. Program itu dikenali sebagai rumah dhu'afat. Rumah bernilai RM30,000 dibina di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri.

Selepas 2004, beberapa dasar sejahtera rakyat untuk pelbagai lapisan rakyat terus diperkasakan dengan terlaksananya beberapa projek kebajikan. Antaranya lagi ialah bantuan kepada para pesakit kronik, skim bantuan armalah, meningkatkan lagi peruntukan untuk membaiki rumah golongan daif dan miskin, mempertingkatkan sumber pendapatan menerusi skim dividen Ladang Rakyat. Ia diikuti dengan penubuhan Urusetia Hal Ehwal Penghulu dan penubuhan koperasi penghulu. Di samping pewujudan Urusetia Armalah di peringkat negeri bagi memantau program pembangunan rohani dan ekonomi armalah (ibu tunggal) di setiap daerah dan mukim.

Pertanian

Selama 20 tahun berada di bawah dasar Membangun Bersama Islam, sektor pertanian terus diperkasaan. Kelantan tidak pernah berganjak daripada paksi pertanian sebagai bidang utama yang menjadi sebahagian punca rezeki kepada rakyat. Ini kekuatan yang menjadi *backup* atau ‘serandang’ kepada pendapatan rakyat kestabilan ekonomi negeri.

Ini selaras dengan firman Allah yang bermaksud: “*Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar dan pohon-pohon tamar (Kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya dan buah zaitun dan delima yang bersamaan (warnanya atau daunya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa juga yang kamu makan atau belanjakan), sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau*” (Al-Quran Surah al-An’am:141).

Berasaskan kepada maksud ayat di atas, Kerajaan Negeri mulai 2009 melancarkan kempen “Bertani Satu Ibadah.” Secara tersirat kempen ini adalah satu mesej kerohanian pihak Kerajaan Negeri kepada para petani, betapa segala usaha titik-peluh para petani, peladang, penternak dan nelayan adalah sebahagian daripada amal ibadat yang menjadi suruhan agama. Hakikat pahala dan keberkatan sentiasa wujud dalam apa sahaja usaha memakmurkan bumi Allah ini. Natijahnya rakyat terus dididik dengan falsafah kehidupan beragama iaitu manusia sebagai khalifah di bumi. Konsep kehidupan beragama itu seiring dengan dasar Membangun Bersama Islam yang digagas Kerajaan Negeri seawal mengambil alih teraju

kerajaan pada Oktober 1990. Matlamat akhirnya supaya rezeki yang melimpah akan menjadi tambah berkat.

Selain itu Kerajaan Negeri juga mencetus harapan bagi menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara pada 2015. Sehingga kini usaha ke arah itu sedikit sebanyak membawa hasilnya apabila beberapa sektor pengeluaran pertanian terutamanya padi, apabila jumlah hasilnya sudah melebihi permintaan. Begitu juga buah-buahan sehingga kini memasuki pasaran di luar Kelantan. Ia diikuti dengan usaha pertanian tanah tinggi Lojing bagi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran melalui cadangan pembinaan pusat pengumpulan hasil berasaskan teknologi penyimpanan bilik sejuk. Atas perkembangan ini, pihak Kerajaan Pusat turut membina Terminal Makanan Negara (Teman) dekat Bandar Baru Tunjong, Kota Baharu.

IV Projek masa depan

Pemerkasaan peranan Islam dalam setiap bidang kehidupan merupakan misi projek masa depan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan ulama' di Kelantan. Justeru itu, kesungguhan ke arah yang lebih baik berteraskan Membangun Bersama Islam kini Merakyat Membangun Bersama Islam turut dimantapkan dalam setiap bidang pembangunan rakyat dan Negeri. Terbaharu, langkah Ustaz Ahmad Yakob menggarapkan peranan Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia adalah untuk menggali lebih banyak idea yang luas untuk mencapai nilai-nilai tamadun yang penuh 'Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan'.

Biar pun ada pihak mendakwa ulama' tidak pandai mentadbir, namun menjelang tiga dekad ini dan selepas 2013

Kerajaan Negeri telah merangka suatu acuan kukuh berpaksikan siasah syariyyah. Hal ini boleh dilihat daripada usaha memartabatkan perundangan Islam (Enakmen Kanuan Jenayah Syariah II (Pindaan 2015) menjadi dokumen paling lengkap yang menunggu masa untuk dilaksanakan. Justeru itu, keberadaan di bawah dasar Merakyat Membangun Bersama Islam, maka rakyat boleh melihat dan merasai sendiri perubahan yang berlaku.

Mengukuhkan nilai keberadaan itu, perubahan fizikal (aspek kemajuan) dapat dilihat di mana-mana di seluruh Kelantan, khususnya pasca "Banjir Kelantan 2014." Biar pun lebuh raya rakyat masih dalam pembinaan, lapangan terbang bertaraf lokal (tetapi tersibuk di Pantai Timur), namun pembangunan bandar berkonsepkan perbandaran Islam) dan pusat pertumbuhan bandar baru diwujudkan di beberapa lokasi strategik bersifat masa depan (futuristic development with green concept). Antaranya yang utama pelaksanaan perbandaran Islam, pelancongan Islam, pelancongan pondok Islam dan penjanaan ekonomi Negeri di wilayah anjung selatan (khususnya di Gua Musang dan Lojing). Sedia terlaksana juga bagi tujuan masa depan adalah Perbandaran Lembah Sireh, Bandar Baru Tunjung, Bandar Satelit Islam Pasir Tumbuh, Bandar Baru Kubang Kerian, Bandar Baru Gua Musang dan Bandar Baru Pasir Mas serta pembangunan pusat komersial Bandar Tasek Raja Pasir Mas, kewangan berteraskan syariah (dinar dan dirham), perladangan (sawit, hutan dan getah klon), perindustrian dan perlombongan. Malahan isu tuntutan royalti minyak masih diteruskan, meskipun menerusi tuntutan melalui mahkmah. Begitu juga yang terbaru untuk tempoh 30 tahun ke hadapan ialah menuju pewartaan kira-kira sejuta ekar projek Kredit Karbon dari sumber tanah dan prasarana hutan hijau Kelantan.

Rumusan

Berdasarkan kepada perkembangan tersebut kini tidak lagi kedengaran dakwaan mengatakan Negeri Kelantan tidak membangun. Ini secara tidak langsung membuktikan Kelantan berkemampuan melangkah jauh menuju masa depan bersama kepemimpinan ulama' selepas menjelang tiga dekad ini. Ia bakal dibuktikan oleh kesungguhan seluruh rakyat Kelantan memanfaatkan 'kuasa yang Allah berikan' bagi mempertahankan kuasa mentadbir Negeri setiap penggal pilihan raya.

Hadith Rasulullah SAW bersabda mafhumnya: "*Seseorang yang paling arif tentang al-Quran maka dia hendaklah menjadi imam (atau pemimpin) kepada masyarakatnya. Sekiranya tidak terdapat orang yang pakar dalam ilmu al-Quran, maka individu yang lebih mengetahui (pakar) dalam bidang ilmu hadis dilantik sebagai pemimpin. sekiranya mereka sama-sama pakar dalam bidang ilmu hadis, maka mereka yang lebih dahulu berhijrah dilantik sebagai pemimpin. Sekiranya mereka sama-sama berhijrah, maka lantiklah mereka yang lebih tua*" (Hadis Muslim 4: 26). Maka jelaslah apa yang telah dilakukan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz dan disambung oleh kepimpinan sekarang, Ustaz Ahmad Yakob adalah yang pasti menuju ke arah menjadikan Kelantan sebuah negeri Islam yang bertamadun berdasarkan kesuburan nilai-nilai Islamik.

Pembangunan aspek budaya telah menjadi asas pembangunan sosio-budaya yang lebih mantap pada masa hadapan. Aspek-aspek sosio-budaya Kelantan telah diharmonikan mengikut syariah. Begitu pula reformasi dasar pentadbiran termasuk pengurusan kewangan telah menyaksikan pertumbuhan sosio-ekonomi rakyat Kelantan yang amat positif antaranya kesannya penurunan ketara dalam kadar kemiskinan di Kelantan bermula dari

29.5% pada 1992 kepada 19.2% pada 1997; dari 25.2% pada 1999 kepada 7.2% pada 2007. Malah perbandingan menggunakan Pekali Gini pada 1997 dan 2007 menunjukkan peningkatan keseimbangan pendapatan antara yang kaya dan miskin yang ketara iaitu 0.451 pada 1992 kepada 0.36 pada 2007, 0 adalah paling seimbang dan 1 adalah paling tidak seimbang.¹⁴

Seterusnya, hasil daripada usaha memartabatkan pendidikan berteraskan Islam di Kelantan telah menyaksikan pelbagai kesan positif yang boleh dilihat pada hari ini antaranya; menyedarkan masyarakat betapa pendidikan Islam mampu mengatasi kemunduran, kejumudan dan tetap selari dengan arus pembangunan negara dengan melahirkan ramai golongan profesional dan ahli korporat yang Islamis. Kemudian memartabatkan Kelantan sebagai negeri yang kondusif hub pendidikan, terutama pendidikan Islam dan selayaknya digelar “Universiti Terbuka Kelantan.” Kesan daripada pembangunan pendidikan di Kelantan secara tidak langsung memberi kesan positif terhadap ekonomi rakyat dan tidak kurang pula menggalakkan pelancongan pendidikan di samping pelancongan Islam dengan menjadikan masjid, pusat pengajian pondok dan ehya’ Ramadhan sebagai produk agama (melalui Madinah Ramadhan) pada setiap tahun. Semoga Kelantan terus Merakyat Membangun Bersama Islam memenuhi harapan menerajui perubahan dan membina tamadun rakyatnya.

¹⁴ Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Malaysia. 2010. Dlm. Fadli Ghani. 2011. *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan. Hlm. 267-268.

BAB 4

AMALAN SIYASAH SYAR`IYYAH DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN KELANTAN

Shukeri Mohamad

Pendahuluan

Para ulama Siyasah Syar`iyyah menyatakan bahawa pelaksanaan Siyasah Syar`iyyah dalam negara dapat menjamin kepentingan masyarakat dan memartabatkan kedudukan Islam itu sendiri, kerana ia berpandukan kaedah syarak dalam menguruskan semua urusan kenegaraan. Sebab itulah ia dapat mencetuskan berbagai seni pentadbiran Islam yang mengutamakan kesejahteraan umat. Kaedah ini amat berbeza dengan pentadbiran sekular yang lebih banyak mendedahkan golongan penguasa kepada situasi konflik kepentingan dengan rakyat sehingga berlakunya perpecahan, kebencian, penindasan, kezaliman, gejala rasuah, kemungkar dan sebagainya. Bertolak dari persoalan di atas, kertas ini akan menghuraikan amalan Siyasah Syar`iyyah telah dijalankan oleh Kerajaan Kelantan di bawah kepimpinan Menteri Besarnya Tuan Guru Dato' Nik Aziz Nik Mat dan kesannya kepada masyarakat. Diharapkan semoga kertas ini dapat memberikan sedikit manfaat kepada Islam dan umatnya di negara kita.

Siyasah Syar`iyyah Sebagai Pengurusan Politik & Pentadbiran

Perkataan Siyasah dalam bahasa Arab bermaksud melakukan sesuatu yang mendatang kebaikan kepada pihak yang dipimpin. (Ibn Manzur 1990: 6/108) Ia merujuk kepada tindak tanduk kepimpinan semua peringkat yang membawa kebaikan kepada anak buahnya seperti amalan kebaikan ibu bapa dalam mendidik anak-anak, guru kepada muridnya, ketua masyarakat kepada anak buahnya, pemimpin negara kepada rakyatnya dan sebagainya.

Didapati Ulama Islam menggunakan istilah Siyasah Syar`iyyah dalam penulisan mereka dengan maksud tindakan khalifah atau menteri-menteri dalam urusan pentadbiran Negara berpandukan hukum syarak. (Ibn Nujaim t.t: 5/ 11, Ibn Abidin 1996: 4/ 15, Al-Tarabusi t.t:169, Ibn Farhun 1301H:2/104, al-Bujairimi 1956:2/178)

Cuma terdapat sedikit perbezaan di kalangan mereka dari segi kaedah dan rujukan Siyasah, kerana ada yang menganggap Siyasah Syar`iyyah itu sebagai menggunakan ijtihad dalam menangani isu-isu pentadbiran, seperti Abdul al-'Al Atwah dan muridnya Dr. Abdul Ghafur al-Qurasyi. (Abd al-Al Atwah 1993:44, Abd al-Ghafur Abd al- Kafi al-Qurasyi 1983:51)

Namun, sebahagian yang lain merujuk kepada penggunaan kaedah maslahah dalam urusan pentadbiran. (Abd al- Wahab Khallaf 1987: 7) Ada pula yang meluaskan maksudnya kepada semua aktiviti kerajaan Islam meliputi hukum-hukum yang diambil terus daripada al-Quran dan Sunnah dan juga yang diputuskan melalui kaedah ijtihad. (Ibn al-Qayyim 1995: 11).

Kesimpulannya perbincangan ini akan menggunakan konsep Siyasah Syar'iyyah sebagai kaedah pentadbiran negara yang berpandukan kaedah syara'. Ia meliputi aspek dasar/polisi, perancangan, strategi, pendekatan, tindakan dan langkah-langkah dalam semua sektor kerajaan, bagi menjamin kepentingan rakyat dengan syarat tidak bercanggah dengan prinsip Islam. (Shukeri Mohamad, Tesis Ph.D 2009: 69-70)

Di antara takrif Siyasah Syar'iyyah yang masyhur ialah takrif yang diberikan oleh Ibn Aqil: (Ibn al-Qayyim 1995: 11)

السِّيَاسَةُ مَا كَانَ فَعْلًا يَكُونُ مَعَهُ النَّاسُ أَقْرَبُ إِلَى الصَّلَاحِ وَأَبْعَدُ
عَنِ الْفَسَادِ، وَإِنْ لَمْ يَضْعِفْ الرَّسُولُ وَلَا نَزَّلَ بِهِ وَحْيٌ

Maksudnya: *Siasah ialah apa saja tindakan yang dapat mendekatkan orang ramai kepada kebaikan dan menjauahkan mereka daripada kemusnahan, walaupun perkara itu tidak dinyatakan oleh Rasulullah SAW dan tidak dijelaskan oleh al-Quran (secara langsung).*

Pengenalan Tuan Guru Nik Abdul Aziz B. Nik Mat, Sebagai Pencetus Siyasah Syar'iyyah di Kelantan

Kertas ini akan memberikan beberapa penampilan diri Tuan Guru Nik Abdul Aziz kerana peranan beliau yang besar dalam membangunkan amalan Siyasah Syariyyah di Kelantan selama lebih dua puluh tahun.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz dilahirkan di Kampung Pulau Melaka pada tahun 1931 dalam keluarga yang terdidik dengan keilmuan Islam. Beliau adalah anak kedua daripada isteri pertama bapanya. Pada usia enam tahun beliau memasuki persekolahan formal di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat, tetapi tidak lama. Beliau

meninggalkan persekolahan dan memasuki pengajian pondok yang dikendalikan oleh Tok Kenali di Kubang Kerian. Sistem pengajian pondok ini amat sesuai dengan jiwanya dan beliau menumpukan perhatian kepada pengajian yang menggunakan sistem kitab dan hafalan itu. Kebolehan beliau dalam pengajian pondok tersebutlah apabila dapat mengatasi penuntut-penuntut lain. (Jamal Mohd. Lokman Sulaiman 1999:13; Ismail Yusuf "Pemikir", Oktober 2000: 60.)

Pada usia remaja beliau dihantar menyambung pengajian pondok di bawah pimpinan Tuan Guru Haji Abbas di Besut, Terengganu. Pada tahun 1952 beliau bermusafir ke India kerana menyambung pengajian di Universiti Deoband di bawah bimbingan tokoh ulama hadith yang terkenal seperti Maulana Husain Ahmad al-Madani. Beliau berjaya menamatkan pengajian di situ pada tahun 1957. Selepas itu beliau berpindah ke Lahore Pakistan untuk mendalami bidang pengajian tafsir pula.

Pengajian beliau seterusnya ialah di Mesir iaitu Universiti al-Azhar dalam jurusan Pengajian Bahasa Arab. Setelah berjaya memperolehi sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab, beliau melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam jurusan Syariah (Perundangan Islam). Apabila berjaya mendapat Ijazah Sarjana Syariah, beliau mengikuti pengajian diploma, namun beliau tidak sempat menghabiskan pengajian tersebut kerana membuat keputusan untuk kembali ke tanah air pada awal tahun 1962.

Beliau telah menghabiskan masa selama hampir 12 tahun menimba ilmu pengetahuan dalam berbagai peringkat dan lapangan, di samping menimba pengalaman hidup yang begitu luas di luar negara. Setelah kembali ke Kelantan, pada mulanya beliau bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Agama Tarbiyyah Mardiah,

Panchor. Kemudian berpindah ke sekolah bapanya Sekolah Agama Darul Anwar sebagai tenaga pengajar di situ.

Pada usia 31 tahun, Tuan Guru Nik Abdul Aziz mendirikan rumah tangga dengan Sabariah bt. Tuan Ishak iaitu pada November 1962. Sabariah pernah mendapat pendidikan formal di Sekolah Majlis Agama Islam di Kota Bharu di bawah kelolaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Beliau sempat menyambung pengajian ke Sekolah Naim lil al-Banat sebelum dikahwin dengan Nik Aziz. Semasa mula berkahwin, Nik Aziz pula bertugas sebagai penyelia kelas dewasa. Tuan Guru Nik Aziz dikurniakan sepuluh orang cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan Datin Sabariah, iaitu lima putera dan lima puteri.

Pada tahun 1964, Tuan Guru Nik Aziz menjadi guru di Maahad Muhammadi Kota Bharu. Bermula tahun 1967, beliau bergiat secara langsung dalam bidang politik setelah memenangi pilihanraya kecil Parliment Kawasan Pengkalan Chepa, kerana menggantikan calon PAS yang meninggal dunia iaitu Tuan Haji Ahmad Abdullah.

Dari segi gaya hidup dan perwatakan, beliau amat mengutamakan kesederhanaan, mendiami rumah kayu bersama keluarganya. Tiada barang mewah dan perkara yang membazir. Begitulah juga dari segi cara berpakaian.

Kepimpinan dan Siasah Tuan Guru Nik Abdul Aziz B. Nik Mat

Kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz dalam politik Kelantan merupakan satu faktor penting yang mendorong pelaksanaan siyasah syar'iyyah. Sebenarnya kerangka siasahnya tidak lari daripada apa yang beliau perjuangkan dalam PAS. Namun begitu penonjolan

siasahnya amat ketara setelah diberi mandat menerajui pentadbiran kerajaan negeri bermula tahun 1990. Banyak cetusan idea dan pemikiran beliau telah menjadi kenyataan, walaupun menghadapi berbagai kesukaran atau suasana yang agak kontroversi. Memang tidak dinafikan bahawa falsafah siasah yang dianutinya telah menjadikan beliau berani melakukan perubahan, walaupun ada pihak yang memperlekeh, menolak dan mensabotaj tindakan beliau. Malah ada pihak yang meramalkan bahawa kepimpinan beliau akan jatuh selepas tiga bulan, kerana menganggap beliau tidak tahu mentadbir kerajaan.

Di peringkat awal pentadbiran beliau, seluruh perhatian masyarakat tertumpu kepada corak kepimpinan dan siasah beliau kerana mereka ingin melihat bagaimana ulama' mentadbir sebuah kerajaan. Pada dasarnya diakui bahawa siasah beliau adalah berbeza dengan siasah kerajaan Barisan Nasional sebelum itu, sebagaimana yang dapat dilihat dalam falsafah kepimpinan dan siasah beliau yang berikut:

1) Konsep Pembangunan.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz tidak hanya membataskan konsep pembangunan kepada aspek kebendaan semata-mata. Sebaliknya beliau berpegang kepada konsep pembangunan bersepadu yang dianjur oleh Islam dengan meletakkan pembangunan insan sebagai keutamaan. Dengan kata lain, pembangunan ekonomi dan fizikal tidak dilaksanakan mengikut falsafah kebendaan yang bercanggah dengan prinsip halal dan haram, sebaliknya menjadikan perhitungan akhirat sebagai landasan. Sebab itu beliau segera memindahkan simpanan tetap kerajaan daripada bank riba ke Bank Islam, kerana mengambil perhitungan akhirat (dosa pahala) dalam urusan kewangan negeri.

2) Matlamat Siasah

Tuan Guru Nik Abdul Aziz menganggap tugasnya dalam kerajaan adalah untuk mempastikan ajaran Islam terlaksana sepenuhnya mengikut kemampuan yang ada. Ia merangkumi dua matlamat berikut:

Pertama: Menjaga dan mendaulatkan Islam (*Hirasah al-Din*). Ia mencakupi dua aspek berikut: (Al-Juwainiy t.t.:15)

- a) Mendaulatkan akidah Islam dan menghapuskan kemungkaran, ajaran sesat dan bidaah seperti ideologi moden yang bercanggah dengan Islam, diayah¹⁵ dan sebagainya. Dalam hal ini Tuan Guru Nik Nik Abdul Aziz bertegas menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan tertinggi dan menyediakan Kanun Jenayah II Kelantan (Hudud) dalam rangka mendaulatkan ketinggian Islam.
- b) Menjaga dan mengawal perlaksanaan perkara-perkara *furu'* dalam Islam, terutamanya ibadat khusus, amalan sunat dan syiar-syiar, seperti menganjurkan perhimpunan hari kebesaran Islam, menghidupkan aktiviti solat jamaah melalui program sambutan bulan sembahyang (solat) dan sebagainya.

Kedua: Mentadbir urusan kerajaan berpandukan ajaran Islam (*Siyasah al-Dunya bihi*) seperti urusan kewangan, kebajikan, pembangunan infrastruktur, tanah, pertanian, perhutanan dan sebagainya. Beliau telah menghapuskan unsur-unsur yang bercanggah dengan Islam di dalam aktiviti pentadbiran dan kegiatan

¹⁵ Penyebaran sesuatu fahaman, ajaran dll utk mendapat sokongan.

kemasyarakatan seperti menghapuskan lesen premis perjudian dan lain-lain.

3) Ciri-ciri Kepimpinan

Ciri-ciri keperibadian yang unggul amat penting dalam menjayakan misi kepimpinan. Pemimpin sebenarnya adalah hamba kepada rakyat. Tuan Guru Nik Abdul Aziz telah mengarahkan supaya Timbalan Menteri Besar, Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri serta Ahli Dewan Undangan Negeri (dari PAS) memotong elaun tetap sebanyak 20% kepada PAS Kelantan, 10% kepada Perbendaharaan Negeri Kelantan dan 5% kepada PAS Kawasan. Malah arahan itu bermula dengan diri beliau sendiri . (*Perubahan-perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama*, 1999: 11)

Untuk tujuan yang sama Menteri Besar juga telah menyerahkan peruntukan rasminya untuk juadah hariraya sebanyak RM30 ribu dan peruntukan juadah berbuka puasa sebanyak RM15 ribu kepada perbendaharaan Negeri Kelantan bagi kepentingan rakyat.¹⁶ Ketegasan beliau dalam membentuk kualiti kepimpinan lebih ketara apabila isteri beliau tidak menggunakan peruntukan alat-alat solek. Perkara ini adalah suatu persoalan penting yang akan melangsungkan kepimpinan Islam sebagai institusi yang menjaga rakyat, bukannya memperkudakan rakyat dengan kuasa dan pengaruh.

Siasah ini mempunyai nilai yang tinggi dalam menjana satu standard kualiti kepimpinan yang ditetapkan oleh al-Quran:

¹⁶ Dalam tempoh 18 tahun menjadi MB (tahun 2008), Nik Aziz telah mendermakan peruntukan Hariraya dan Majlis Berbuka Puasa untuk kepentingan rakyat sebanyak RM810,000.

Maksudnya: Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, Rasul-Nya, dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk (kepada Allah). Surah al-Maidah (5): 88

Tuan Guru Nik Abdul Aziz yakin bahawa pemimpin yang bersih jiwa, harta dan persekitaran dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan mampu menjaga kepentingan rakyat jelata. Sebaliknya para pemimpin yang kotor hati dan hartanya akan sentiasa tenggelam dalam gelombang keduniaan yang merasuk jiwa dan akhirnya rakyat menjadi mangsa dan korban kerakusan serta kezaliman mereka itu.

Para pemimpin kerajaan dijaga daripada terjerumus ke dalam perlakuan yang buruk dan rendah nilainya seperti rasuah. Tuan Guru Nik Abdul Aziz telah menghapuskan amalan memberikan cenderamata kepada para pemimpin kerajaan semasa lawatan rasmi.

Satu lagi tunggak kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz ialah sifat ketakwaan yang dijana oleh beliau dengan serius. Beliau mengungkap kata-kata hikmat daripada Sayyidina Ali yang berbunyi: "Orang yang takut (takwa) kepada Allah, maka semua benda akan takut kepadanya, sebaliknya orang yang tidak takut kepada Allah, maka dia akan takut kepada semua benda".

Sifat takwa memang telah dilatih dan dilazimi sejak sekian lama sebagai seorang ulama' dan pemimpin masyarakat/peneraju kerajaan. Takwa dapat membimbing dan melindungi kepimpinan beliau walaupun ada pihak yang cuba meruntuhkan kepimpinan beliau. Penghayatan takwa yang dicernakan dalam hidup beliau amat menarik sekali jika kita menyoroti sepenuhnya kehidupan harian beliau, di mana jadual aktiviti harian beliau bermula seawal jam 3.00

pagi, secara tetap untuk bermunajat kepada Allah yang Maha Agung. Ini adalah sesuatu yang sukar dilakukan oleh kebanyakan orang.

Semua ini membayangkan ciri-ciri dan sifat dinamik kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz selaras dengan konsep siasah syar'iyyah.
(*Buletin*, UPKNK, Bil 84, Ogos 1998, h. 7)

4. Prinsip Pengurusan

Tuan Guru Nik Abdul Aziz telah menyatakan prinsip pengurusan pentadbiran seawal beliau memegang tampuk pemerintahan Negeri Kelantan, iaitu '*Ubudiyah*, *Mas'uliyah* dan *Itqan*. Ia juga disebut sebagai prinsip pentadbiran. Para pegawai kerajaan didedahkan dengan tiga prinsip utama yang dapat memandu pentadbiran dan pengurusan menjadi lebih mantap. Buku "Kelantan Universiti Politik Terbuka" menyebut dan menghuraikannya sebagai Tiga Prinsip Pegawai.

Pertama: *Ubudiyah*.¹⁷

Dalam konteks pemimpin dan pegawai kerajaan, mereka dikehendaki menjalankan tugas sebagai satu tanggungjawab mengabdikan diri kepada Allah (beribadat kepada Allah), bukan semata-mata untuk

¹⁷ Tuan Guru Nik Abdul Aziz menjelaskan "Ubudiyah maknanya Abdi. Katanya: "Tak mesti tok lebai saja mengabdi, tidak mesti tok guru saja mengabdi. DO (Ketua Jajahan) sebagai umarak, sebagai golongan pemerintah dia juga kena ingat bahawa dia juga hamba Tuhan, kuli Tuhan, buruh Tuhan. Dia tidak kuli kepada kerajaan saja. Kerajaan adalah perantaraan, sebenarnya tanggungjawab kita dengan Allah Taala. Semangat ini kita masuk ke dalam kepala DO, dan memang DO berasa betul barang (perkara) ini, dan memang begitu sebagai orang Islam" *Kelantan Universiti Politik Terbuka* (1995) Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah, Nilam Puri, Kelantan, h. 157-158

mendapat upah/habuan keduniaan. Oleh itu mereka hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh syariah Islam, mempunyai peribadi luhur, akhlak mulia dan jiwa yang bersih, sentiasa tunduk dan patuh kepada Allah. Kalau tidak, kerja-kerja yang mereka jalankan dalam pentadbiran menjadi sia-sia di sisi Allah S.W.T. Inilah yang dimaksudkan dengan “kerja sebagai ibadat”.

Kedua: *Mas’uliyah*

Iaitu bertanggungjawab dan amanah atau tidak khianat dan tidak menyeleweng. Seorang pemimpin atau pegawai perlu menyedari bahawa tugasnya bukanlah satu peluang untuk mengaut keuntungan peribadi, tetapi ia merupakan satu amanah yang berat untuk menjaga kepentingan masyarakat. Oleh itu mereka tidak boleh melakukan penipuan, pengkhianatan, kezaliman dan rasuah dalam menjalankan tugasnya.

Ketiga: *Itqan*

Iaitu serius, bersungguh-sungguh dan istiqamah. Pegawai dan pemimpin kerajaan perlu menjalankan tugas pada tahap yang terbaik, bagi menjamin hasil dan kejayaan yang cemerlang. Mereka hendaklah meningkatkan kemampuan dan kepakaran diri dari masa ke semasa dalam berbagai bidang yang berkaitan dengan urusan dan kerjaya, supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan.

5) Asas Keilmuan Yang Mendalam

Daripada pemerhatian yang dibuat, serangan pihak tertentu terhadap siasah syar’iyyah yang diperkenalkan telah memantapkan lagi kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Beliau bertegas dengan siasah yang dibawa kerana yakin bahawa siasahnya itu berpaksi kepada asas-asas keilmuan yang kukuh. Beliau tidak mengambil

sikap bermusuh dengan pandangan yang kontra itu secara membabi buta, kerana beliau sedar tentang krisis kefahaman Islam yang berlaku dalam masyarakat sekarang. Kemantapan ilmu menjadikan beliau berani berdepan dengan apa jua isu yang dibangkitkan. Inilah senjata utama beliau, walaupun setelah memiliki kuasa politik yang tinggi, beliau tetap mengagungkan martabat ilmu dan tidak mengabaikannya sama sekali berasaskan pengajaran al-Quran dalam Surah al-Mujadalah ayat 11, yang mengangkat tinggi kedudukan ahli ilmu (Drs. Zainuddin Awang Hamat & Dinsman, *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. (ed.) 2000: 53)

Secara keseluruhannya, kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz telah mencetuskan satu dimensi baru dalam politik dan pentadbiran Kelantan. Dimensi baru itu ialah ulama' (dengan ciri-ciri keilmuan yang mendalam) sebagai peneraju kerajaan dan Islam pula sebagai landasan politik dan pentadbiran semasa. Ia menepati kehendak siasah syar'iyyah dan dianggap satu kejayaan Tuan Guru Nik Abdul Aziz dalam arena politik dan pentadbiran.

6) Pendekatan Siasah

Kepimpinan dan siasah Tuan Guru Nik Abdul Aziz dapat juga dilihat melalui pendekatan yang bersahaja dan menarik, antaranya;

a) Memulakan dengan Perkara Yang Mudah

Siasah bukan suatu yang menyusahkan. Inilah gambaran awal yang diakui oleh Dato' Abdul Razak Salleh, bekas Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan yang juga bekas Setiausaha Kerajaan Negeri apabila MB Kelantan meminta beliau memulakan pembaharuan dalam perkara yang mudah, tidak memerlukan perbelanjaan besar dan tidak menyulitkan mana-mana pihak. Menteri Besar

menyatakan bahawa banyak perkara yang mudah sehingga orang tidak begitu ambil peduli tentangnya, sebaliknya lebih cenderung untuk melakukan perkara yang payah-payah dan memerlukan perbelanjaan yang besar. (Nik Aziz Nik Mat 1999: ix) Lalu beliau menyatakan hasratnya untuk menjadikan beberapa adab Islam sebagai etika rasmi dalam pentadbiran kerajaan negeri seperti memulakan majlis dengan membaca al-Fatihah dan mengakhirinya dengan surah al-Asr dan Tasbih Kaffarah. (Arahan Jabatan 9 hb Disember 1990, "Bacaan Sebelum Mesyuarat dan Doa Selepas Mesyuarat", (SUK: D 200(01) /15/2/jld.11/). Program penjagaan aurat yang diwajibkan oleh kerajaan negeri juga dikira sebagai memulakan perkara yang mudah dan tidak memerlukan perbelanjaan yang besar.

Siasah Tuan Guru Nik Abdul Aziz membersihkan kewangan negeri daripada unsur riba juga termasuk dalam perkara mudah dari segi pendekatannya kerana kerajaan hanya perlu bertindak mengeluarkan semua simpanan tetap kerajaan daripada bank yang mengamalkan riba kepada bank yang tidak mengamalkan riba.

b) Solat Sebagai Instrumen Siasah

Sebenarnya kedudukan solat sebagai instrumen penting dalam kehidupan telah ditegaskan oleh al-Quran melalui ayat berikut;

Maksudnya: *Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang* (Surah al-Baqarah (2): 45)

Allah S.W.T menjadikan solat sebagai mekanisme yang hebat untuk membantu manusia menyelesaikan berbagai persoalan hidup. Manusia perlu menggunakan solat untuk melicinkan hidup mereka.

Buku Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam, Kelantan Di bawah Kepimpinan Ulama' telah menyimpulkan bahawa kerajaan negeri telah memperkenalkan solat sebagai satu instrumen baru dalam pentadbiran. Penulis artikel "Solat sebagai Instrumen Pentadbiran" dalam buku tersebut membayangkan perkara ini sebagai suatu perubahan luar biasa dengan memuatkan berbagai fakta menarik tentang pendekatan tersebut (Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam, 2000 : 66-67).

Apabila timbul sesuatu masalah besar atau sesuatu hajat yang penting, maka Tuan Guru Nik Abdul Aziz menggunakan solat hajat dan munajat sebagai instrumen pentadbiran. Solat hajat dijalankan secara beramai-ramai di kawasan terbuka seperti stadium, padang dan sebagainya. Contohnya dalam krisis Pergau 1992, walaupun telah menemui jalan buntu melalui rundingan-rundingan antara Kerajaan Kelantan dengan kerajaan pusat, tetapi setelah usaha terakhir melalui solat hajat secara beramai-ramai, maka dengan pertolongan Allah, pihak kerajaan pusat berlembut dan bersedia menyelesaiannya, malah jumlah pampasan yang diberikan adalah melebihi daripada jumlah yang dituntut.

Instrumen solat hajat ini juga digunakan bagi menyelesaikan krisis perlembagaan yang melibatkan Baginda Sultan Kelantan di mana UMNO menuduh baginda

Sultan tidak sah dan cuba menabalkan orang lain sebagai Sultan. Sebagai langkah mengelakkan berlakunya kekacauan, maka sehari sebelum perhimpunan yang dirancang UMNO, Kerajaan Kelantan telah mengadakan solat hajat. Perhimpunan UMNO pada pagi Jumaat 9 April 1993 itu gagal kerana tidak mendapat sambutan.

Apabila UMNO mencadangkan perkataan Islam dibuang daripada parti politik, Hj. Nik Abdul Aziz selaku Mursyidul Am PAS telah mengarahkan semua PAS negeri dan kawasan mengadakan solat hajat. Di peringkat Negeri Kelantan telah diadakan di Pondok Lepa, Kadok pada 8 Disember 1994.

Semasa menghadapi pilihanraya umum 1995 juga Kerajaan Angkatan telah mengadakan solat hajat dua hari sebelum menjelang hari pengundian iaitu pada 23 April 1995. Seramai kira-kira 40,000 orang menuaikan solat hajat yang dipimpin oleh Tok Guru Haji Abdullah Lubok Tapah bagi memohon perlindungan Allah daripada fitnah dan serangan BN.

Semasa krisis dengan S46 juga solat hajat beramai-ramai telah diadakan pada bulan Mei 1996 di padang SMU(A) Maahad Muhammadi. Begitu juga solat hajat untuk mengatasi gejala sosial yang semakin parah di kalangan remaja seluruh negara termasuk Kelantan. Ia diadakan pada 22 Julai 2000.

Pada 8 Mei 1998 Nik Aziz telah menganjurkan solat Istisqa' memohon hujan apabila kemarau berpanjangan. Ia dipimpin oleh Tuan Guru Haji Hasyim dari

Pondok Pasir Tumbuh. Menurut laporan, selepas solat istisqa', orang ramai dapat melihat sekumpulan awan hitam berarak di langit dan selang beberapa hari hujan turun membasahi bumi Kelantan.

Dasar Pentadbiran Islam "Membangun Bersama Islam" Sebagai Asas Pelaksanaan Siasah Syar`iyah

PAS telah menawarkan satu pakej politik dan pentadbiran kepada rakyat Kelantan melalui manifesto pilihanraya kelapan dan kesembilan yang berbunyi "MEMBANGUN BERSAMA ISLAM". Ia merupakan satu slogan siasah ke arah menjana dan merealisasikan hasrat pelaksanaan Islam secara menyeluruh dalam urusan politik dan pentadbiran. Slogan ini dirangka bagi membolehkan kerajaan meletakkan kedudukan Islam dalam situasi yang selesa, samada dalam aspek melaksanakan ajaran Islam atau bagi tujuan melindungi kepentingan Islam. (*Buletin*, UPKNK, Bil. Keluaran Khas, April 1995: 4)

Pembangunan yang dijalankan adalah bertujuan untuk memenuhi tiga tuntutan kehidupan manusia yang utama, (al-Syatibi t.t 2/ 8 – 10), iaitu; Pertama: memenuhi keperluan pokok (*daruriyyat*), kedua: memenuhi keperluan pelengkap (*hajiat*) dan ketiga: memenuhi keperluan menyempurna (*kamaliyyat*). Dengan itu program keislaman yang dijana adalah selari di antara aspek kemanusiaan (insaniah) dan kebendaan (jasmaniah). Kerajaan ingin membentuk seramai mungkin modal insan yang berketerampilan dari segi keimanan dan ketakwaan.

Melalui slogan siasah itu, kerajaan pimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz mengutamakan pembangunan insan sebagai agenda utama, dalam segenap lapangan hidup, bukan sekadar dalam urusan

ibadat semata-mata (Dinsman (ed) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*,2000:14).

Berpandukan slogan siasah tersebut, mana-mana kegiatan pembangunan atau ekonomi yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam tidak disekat atau dihentikan, sebaliknya ia diteruskan seperti biasa, malah diberikan galakan ke arah yang lebih maju. Semua aktiviti pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada diteruskan selagi tidak bercanggah dengan kehendak Islam.

Kerajaan negeri telah mengambil langkah berani membetulkan kegiatan yang bercanggah dengan Islam supaya sesuai dengan ajaran Islam, seperti: (Perubahan- perubahan di Kelantan di bawah Kepimpinan Ulama, Isu-isu Perkembangan Pentadbiran PAS Negeri Kelantan.1999)

- a) Mewajibkan kakitangan wanita menutup aurat semasa bertugas, begitu juga wanita yang bekerja di pusat perniagaan.
- b) Menghentikan operasi perjudian dan pelacuran.
- c) Mengharamkan konsert nyanyian yang melibatkan penyanyi wanita yang berumur 12 tahun ke atas.
- d) Mengharamkan kegiatan kebudayaan yang melibatkan unsur maksiat dan syirik.
- e) Memindahkan simpanan tetap kerajaan daripada bank riba ke dalam bank Islam.
- f) Memperkenalkan sistem pinjaman tanpa riba kepada kakitangan kerajaan dan lain-lain lagi.

Daripada huraihan di atas, didapati slogan "Membangun Bersama Islam" merupakan asas penting dalam menentukan halatuju Kerajaan Kelantan. Ia merupakan falsafah politik yang dinamik dan telah berjaya mencetuskan produk-produk keislaman dalam pentadbiran

semasa seperti: penonjolan Islam sebagai dasar kerajaan, pemakaian al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan tertinggi, peningkatan aktiviti kebajikan, program pembasmian dan pencegahan maksiat termasuk penghapusan kegiatan pelacuran, penyelarasan aktiviti kebudayaan dan kesenian mengikut prinsip Islam, penyediaan sistem perundangan Islam, peningkatan aktiviti dakwah dan penghayatan Islam, penyelarasan aktiviti ekonomi dan kewangan mengikut prinsip Islam, pengukuhan sistem pendidikan Islam, penerapan konsep kepimpinan ulama dan sebagainya.

Contoh Produk Siasah Syar`iyyah yang dihasil melalui kepimpinan Nik Aziz

Di antara produk Siasah Syar`iyyah yang berjaya dihasilkan melalui kepimpinan tuan Guru Nik Aziz ialah:

- i. Penyelarasan undang-undang dan peraturan negeri dengan prinsip-prinsip Islam, Contohnya Pada 1 Januari 1992, Kerajaan Negeri telah mengharamkan semua jenis permainan judi kepada semua kaum dan agama tanpa mengira jenis masyarakat dan kebudayaan mereka. Semua premis judi yang telah beroperasi sejak pemerintahan BN telah diarah supaya ditutup. MB Kelantan dalam penjelasannya menyatakan bahawa pengharaman judi ini adalah selaras dengan prinsip semua agama, kepercayaan, adat atau kebudayaan yang tidak membolehkan unsur-unsur perjudian wujud dalam sistem kehidupan mereka, kerana terdapat unsur-unsur tipu daya, muslihat dan aninya terhadap pihak lain dengan perbuatan judi. Dengan itu kerajaan negeri tidak lagi mengeluarkan lesen premis untuk kegiatan perjudian dan tempat-tempat yang menjadi punca maksiat (Perubahan-perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama' (1999: 7). Pada tahun 1993 pihak berkuasa Negeri Kelantan menerusi MPKB tidak lagi memberi lesen kepada pengusaha kelab-kelab malam.

- ii. Penghapusan kegiatan pelacuran telah menyelamatkan masyarakat daripada kemungkar yang menjadi faktor keruntuhan dan kehancuran umat terdahulu.
- iii. Peningkatan aktiviti kebajikan termasuk wanita dan masyarakat bukan Islam, contohnya Kerajaan Negeri melaksanakan beberapa langkah bagi menjaga kebajikan golongan wanita, terutama dari segi maruah dan kepentingan mereka. Di antaranya Kerajaan Negeri tidak lagi membenarkan papan iklan yang memperagakan wanita yang mendedahkan aurat. Kerajaan Negeri juga menambah cuti bersalin selama 60 hari bermula 1 Mac 1991 (Pekeling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1991 Bertarikh 12 Mac 1991), dan mengeluarkan arahan terhadap kakitangan awam wanita supaya menutup aurat semasa waktu pejabat, tidak bersolek dan bergincu semasa di pejabat. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan skim Takaful Kifalah bagi orang tua yang berumur 60 dan ke atas dengan menyediakan dana sumbangan apabila berlaku kematian. Begitu juga kebajikan ibu tunggal dipertingkatkan melalui skim Armalah.
- iv. Penambahan aktiviti dakwah telah memantapkan lagi penghayatan Islam dalam masyarakat, contohnya program Membina Generasi Solat (MGS). Peranan MPKB sangat besar dalam meningkatkan penghayatan Ramadhan melalui Program Solat Terawih di Dataran Stadium (sekarang dikenali sebagai Qaryah Ramadhan) dengan imam jemputan dari Mesir, disusuli dengan tazkirah terawih dan subuh, juga program berbuka puasa di dataran dan Masjid Baraah, termasuk juga bersahur. Ia telah menarik peserta yang sangat besar jumlahnya, termasuk dari luar Kelantan. Unit Dakwah Halaqat melalui 2653 guru al-Quran berjaya mengadakan majlis Khatam al-Quran di 14 kawasan pada setiap tahun yang menarik penyertaan sekitar 300 orang. Ini bererti seramai 4200 orang berjaya menamatkan pengajian al-Quran setahun.

- v. Pengukuhan ekonomi dan pertumbuhannya dalam pentadbiran, bagi menjamin kehidupan masyarakat.
- vi. Penorjolan imej bersih dalam pentadbiran, di mana tiada keskes rasuah dan pecah amanah dan penyelewengan yang direkodkan.
- vii. Peningkatan kawalan terhadap aktiviti yang mendorong kepada maksiat dan jenayah, contohnya Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan peraturan baru kedai gunting bagi mengelakkan berlakunya kegiatan maksiat, seperti pelacuran, minum arak dan sebagainya.
- viii. Penyediaan sistem perundangan Islam iaitu Kerajaan Negeri Kelantan telah berjaya menggubal satu undang-undang yang diberi nama Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Undang-undang tersebut telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan yang merupakan manifestasi kepada hasrat kerajaan untuk meletakkan undang-undang Islam atau hukum hudud sebagai perundangan negeri. Undang-undang ini tidak dapat dijalankan kerana dihalang oleh Kerajaan Pusat di bawah Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.
- ix. Pengukuhan sistem pendidikan Islam, penambahan pusat pengajian Islam dan juga sains telah meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat. Kemampuan kewangan Yayasan Islam Kelantan dipertingkatkan, sekolah Tahfiz dan Tahfiz Sains diwujudkan. Ia mendapat sambutan yang sangat hebat dari masyarakat Islam termasuk dari luar Kelantan. Bangunan sekolah ditambah untuk menampung limpahan pelajar ke sekolah YIK. Aliran Sains tulin diperkenalkan di Maahad Muhammadi. Serentak dengan itu skim perkhidmatan guru dipertingkatkan, malah elaun persaraan pun dinaikkan.
- x. Penyelarasan aktiviti kebudayaan dan kesenian dengan prinsip-prinsip Islam contohnya meluluskan Garis Panduan

Persembahan Kebudayaan (hiburan) di Negeri Kelantan seperti menghapuskan mana-mana kesenian yang bersifat pemujaan seperti Menora, Mak Yong, Main Puteri, Selampit, Wayang Kulit¹⁸ Tinju Siam dan Pelaga Binatang. Adapun Dikir Barat yang tidak melibatkan percampuran antara lelaki dan perempuan serta tidak mengandungi kata-kata lucu, mencela, maki hamun, unsur-unsur syirik dan fitnah adalah dibenarkan.

- xi. Penyelarasan aktiviti kewangan dan ekonomi dengan prinsip-prinsip Islam, contohnya memindahkan simpanan tetap Kerajaan Negeri dari bank yang mengamalkan sistem konvensional (Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang mengandungi unsur riba) ke Bank Islam Malaysia Berhad. Melaksanakan Sistem Gadaian Islam (*al-Rahn*) mulai tahun 1992 dan mengarahkan semua pajak gadai yang beroperasi menggunakan kaedah riba ditukar kepada sistem Islam mulai tahun 1993. Badan yang bertanggungjawab menguruskan sistem *al-rah*n ialah Permodalan Kelantan Berhad (PKB). Sistem ini kemudian ditiru dan diterima pakai oleh Yayasan Pembangunan Islam Malaysia dan Bank Rakyat

Kesan-Kesan Pelaksanaan Siasah Syar`iyyah Terhadap Masyarakat

- i. *Pendekatan Siyasah Syar`iyyah Dapat Memenuhi Kehendak dan Cita Rasa Masyarakat*

Daripada perbincangan di atas didapati secara keseluruhannya falsafah politik Islam "Membangun Bersama Islam" merupakan asas

¹⁸ Pada 23 Mac 2003, Kerajaan Negeri membenarkan pertunjukan wayang kulit versi baru yang tidak melibatkan unsur-unsur pemujaan, patung menyerupai benda-benda bernyawa dan jalan cerita yang karut marut. Wayang versi baru itu telah diubahsuai oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur. Ia juga dinamakan sebagai Wayang Dewan.

penting dalam menentukan halatuju pentadbiran. Berbagai program dirangka untuk menjayakan misi dan falsafah baru tersebut. Ia telah berjaya melahirkan banyak **produk pentadbiran Islam dalam dimensi baru yang dapat memenuhi kehendak dan cita rasa masyarakat zaman sekarang, terutamanya produk keislaman dan kebajikan.** Apabila masyarakat boleh menerima dan masuk hati dengan berbagai produk pentadbiran tersebut, maka ia telah mengikat sokongan dan simpati mereka kepada kerajaan yang ada. Inilah adalah satu rahsia di sebalik pendekatan Siasah Syariyyah yang dapat memantapkan sokongan masyarakat. Masyarakat percaya terhadap konsep keberkatan dalam amalan politik Islam yang berpegang teguh kepada Syariah Islam dan menonjolkan kepimpinan ulama yang bertaraf tok guru itu.

Bukan setakat masyarakat percaya begitu, tetapi Kerajaan Negeri sendiri sangat mengakui dan menerima konsep keberkatan dalam pentadbiran berpandukan firman Allah yang bermaksud: *Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya akan dibuka segala jenis berkat dari langit dan bumi.*

Elemen berkat ini dikira faktor penting yang membantu kemajuan, kesejahteraan, keharmonian, kejayaan polisi, kejayaan mengatasi gejala dan krisis yang menimpa, mendapat penghormatan luar dan sebagainya. Sebaliknya Kerajaan percaya tanpa keberkatan dan restu Ilahi, maka segala kerja pentadbiran tidak berjaya dan menimbulkan keburukan. Oleh itu Kerajaan Kelantan telah merangka berbagai pendekatan yang dapat memenuhi kehendak dan restu Allah Taala dalam semua kegiatan pentadbiran sebagaimana yang dapat dilihat dalam program dakwah dan pembangunan insan serta penghapusan program mungkar dan maksiat.

Masyarakat sentiasa menanti-nanti kehadiran Islam dalam kerajaan mereka. Mereka menerima dan mendokong setiap pembaharuan

yang berunsurkan Islam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri semenjak 1990 hingga sekarang, malah tidak pula menampakkan kejemuan mereka terhadap produk keislaman yang ditawarkan kepada mereka oleh Kerajaan.

ii. Mengubah Persepsi buruk terhadap kemampuan Islam dalam pentadbiran

Apabila Tuan Guru Nik Aziz memegang jawatan Menteri Besar, beliau dengan tegas menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber pentadbiran. Beliau menyatakan bahawa beliau adalah memikul amanah untuk melaksanakan apa yang Allah Taala suruh dan apa yang Nabi Muhammad s.a.w ajarkan. Manakala dalam perkara baru yang memerlukan ijtihad, maka beliau menggunakan kaedah ijtihad untuk menyelesaikan perkara tersebut. Apa yang terjadi selepas itu ialah tidak ada huru hara yang berlaku, kegagalan ekonomi, penyelewengan, perbalahan kaum dan agama, sebaliknya wujudnya keharmonian, perkembangan ekonomi dengan penglibatan golongan pelabur yang sanggup menjalankan aktiviti perniagaan besar, tambahan pula banyaknya peningkatan aktiviti dakwah dan kebajikan masyarakat dari masa ke semasa. Hal ini telah membuka pandangan positif masyarakat terhadap kebaikan dan kemampuan Islam dalam pentadbiran yang bergantung sepenuhnya kepada al-Quran, al-Sunnah dan ijtihad.

iii. Membentuk Pemikiran positif terhadap ulama sebagai peneraju Kerajaan

Semasa membincangkan tentang kepimpinan Nik Aziz, telah dinyatakan bahawa beliau telah berjaya mengubah persepsi buruk terhadap kepimpinan Ulama dalam kerajaan. Banyak pihak dari awal lagi telah memperlekeh kepimpinan ulama kerana dianggap tidak tahu mengurus pentadbiran. Mereka berkata kerajaan Nik Aziz akan

jatuh dalam masa tiga bulan. Ada pula yang hanya memberi tempoh hayat selama setahun. Begitulah ganas dan seriusnya persepsi buruk setengah pihak terhadap kewibawaan ulama dalam pentadbiran. Namun begitu segala tuduhan itu tidak benar, sebaliknya satu perubahan besar telah berlaku dalam lanskap politik Malaysia di mana Kepimpinan Nik Aziz telah bertahan sekian lama dengan rekod-rekod pembaharuan dan bersih. Akhirnya membuka mata masyarakat bahawa ulama sebenarnya golongan yang berwibawa dalam pentadbiran kerajaan.

iv. Mencetuskan sikap positif golongan bukan Islam terhadap kebaikan Politik Islam

Orang bukan Islam dilihat tidak fobia dengan terma politik Islam. Beberapa pemimpin DAP mengambil sikap lunak terhadap pengajaran Islam terutamanya aspek keadilan yang dibawa oleh Islam terhadap bukan Islam, di pentas ceramah dan pidato sehingga mencetus isu dan polemik di kalangan beberapa pihak. Perkembangan ini dikira positif kerana pemimpin bukan Islam itu bukan mencemuh Islam, tetapi menghargainya. Sepatutnya mereka terus dibimbing untuk menghargai Islam dengan cara yang lebih mantap. Ada pula yang datang ke Masjid untuk menyampaikan bantuan sehingga mengundang kecaman dari beberapa pihak tetentu.

Satu aspek terpenting dalam politik Islam ialah jaminan keadilan. Ia bermaksud melaksanakan tanggungjawab mengikut peraturan hak dan menjamin hak-hak tersebut dengan penuh kesaksamaan di kalangan seluruh lapisan masyarakat, tanpa penindasan, pilih kasih, kezaliman, atau merampas hak pihak tertentu secara kejam, atau memberi sesuatu kepada pihak yang tidak berhak menerimanya dan sebagainya. Perkara ini telah menjadi **tanggungjawab utama** politik

Islam di Kelantan. Contohnya melantik orang bukan Islam sebagai ahli majlis perbandaran dan ahli majlis daerah, melantik orang bukan Islam sebagai penghulu tanpa mukim, menggazet rumah ibadat Buddha dan tanah perkuburan mereka.

v. *Membentuk persepsi baru bahawa wanita bukan alat ekonomi dan perniagaan*

Siyasah Syar`iyah di Kelantan mengambil langkah menyelamatkan kedudukan dan peranan wanita daripada menjadi alat dan eksplorasi ekonomi kapitalis dan pendokongnya. Ia satu kerja berat, tetapi sangat mulia di sisi Islam kerana mendokong misi kemanusiaan sejagat di mana wanita adalah satu entiti tamadun dunia yang sangat besar dan penting. Bila runtuhnya entiti ini, maka ranaplah keindahan dan keharmonian alam ini sebenarnya.

Dengan itu kerajaan kelantan telah melaksanakan berbagai program penjagaan dan pembelaan wanita terutamanya menyelamatkan maruah wanita daripada dieksplorasi oleh golongan sekular yang mencari keuntungan mudah di atas kelemahan wanita, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam aktiviti kerajaan sebelum ini. Penjagaan wanita sudah tentu akan membawa kesan yang baik kepada institusi keluarga, masyarakat dan negara, malah menjamin keutuhan Agama Islam.

vi. *Memperkasakan amalan Islam dalam perbankan dan skim gadaian Islam*

Tindakan Tuan Guru Nik Aziz memindahkan simpanan tetap kerajaan negeri ke dalam bank Islam yang tidak mengamalkan riba menjadi satu pencetus yang besar kepada perubahan dan peningkatan amalan ekonomi Islam di bank konvensional sehingga mereka

melihat perkembangan itu sebagai sesuatu yang menguntungkan perniagaan mereka. Akhirnya merancakkan aktiviti ekonomi yang menggunakan skima Islam. Begitu juga langkah kerajaan Kelantan memperkenalkan skim pajak gadai Islam (al-Rahn) telah mendapat sambutan yang hebat dari masyarakat Islam dan bukan Islam. Perkembangan yang memberangsangkan ini telah dianggap oleh beberapa penganalisis sebagai faktor yang mendorong beberapa pihak lain (seperti YAPIM) mengambil sikap positif dan menjalankan skim tersebut sebagai alternatif kepada skim pajak gadai sekular.

vii. Menyuburkan minat golongan bukan Islam untuk mengenali Ajaran Islam

Satu dimensi baru yang berlaku ialah ramai orang bukan Islam mula bertanya tentang kebaikan Islam di mana pemimpin-pemimpin agama di Malaysia telah mengadakan beberapa kali dialog dengan Tuan Guru Nik Aziz. Ada yang datang bertemu Nik Aziz untuk mendengar penjelasan beliau tentang Islam.

viii. Meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap misi sebenar Solat yang sangat agung dalam kehidupan

Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Dato Nik Aziz menyatakan bahawa angkara musuh adalah satu ujian daripada Allah Taala. Untuk menghapuskan angkara tersebut kita perlu memohon pertolongan dan bantuan daripada Allah Taala sendiri. Pendekatan ini merupakan suatu yang unik dan menarik dalam perkembangan politik semasa kerana melalui usaha tersebut, sejarah politik Kelantan telah menyaksikan beberapa krisis yang begitu serius dan genting telah dapat diatasi dengan baik, sekaligus mendatangkan kebaikan kepada semua pihak. Malah Kerajaan Negeri telah menunjukkan keyakinan

yang amat tinggi kerana instrumen solat ini bertepatan dengan saranan al-Quran dan Nabi s.a.w sendiri. Kerajaan Negeri juga telah beberapa kali menganjurkan solat hajat dan munajat pada waktu malam dengan mengadakan solat tahajjud, witir, solat hajat dan munajat seterusnya menunaikan solat subuh dan disudahi dengan tazkirah. Program tersebut telah dilakukan secara berjamaah dengan penyertaan yang memberangsangkan. Ini membayangkan bahawa masyarakat telah berada di atas landasan dan misi yang ingin dibawa oleh Kerajaan. Inilah satu rahsia besar kejayaan sebuah kerajaan apabila berjaya membawa rakyat berada di atas landasan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pada ketika itu rakyat akan memberikan sepenuh komitmen dan kerjasama mereka kepada kerajaan tersebut. Perkara ini adalah satu pencapaian yang baik di dalam pentadbiran Kerajaan Kelantan. Pengisian roh Islam dan nilai keagamaan memainkan peranan yang amat penting kerana ia dapat mengikat kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada wawasan Kerajaan yang memerintah. Kepimpinan Islam di Kelantan agak berjaya melakukan misi ini dalam tempoh pemerintahan mereka di Kelantan.

ix. Menarik pelancong yang ramai untuk menikmati persekitaran Islam, terutama pada bulan Ramadhan.

Pihak Kerajaan Kelantan menganggap kedatangan pengunjung dari luar Kelantan pada musim Ramadhan ialah kerana adanya kelainan dari segi penganjuran program dan penghayatan yang besar terhadap Ramadhan al-Mubarak. Mereka ingin mendapatkan pengalaman beribadat yang lebih baik dalam suasana penghayatan Ramadhan yang lebih meriah di Kelantan. Sebahagian yang lain pula datang dari luar Kelantan mengambil cuti beberapa hari untuk mengikuti dari dekat perkembangan politik, di samping mengambil kesempatan mendalami ilmu dan pengajian di sana.

Penutup

Pengalaman Siasah Syar`iyyah melalui kepimpinan Nik Aziz di Negeri Kelantan merupakan sesuatu yang baru dalam dunia pentadbiran moden kerana ia dapat menonjolkan kebaikan Islam dan membawa banyak rahmat kepada masyarakat melalui pakej pentadbiran Islam. Walaupun kepimpinan beliau telah diserang bertubi-tubi oleh musuh politik yang menguasai pentadbiran pusat menggunakan berbagai saluran, namun kekuatan yang beliau miliki melalui pakej keperibadian ulama dan mekanisme Siasah Syar`iyyah yang mantap, telah memberikan kelebihan kepada kedudukan Islam di Kelantan sehingga mampu bertahan hingga ke hari ini. Nik Aziz sekarang ini mula mengungkapkan bahawa Kelantan telah menjadi makmal yang penting kepada pelaksanaan Islam melalui sistem politik. Mudah-mudahan ia menjadi pencetus kepada semangat perjuangan Islam di kalangan masyarakat Islam amnya dan umat Melayu Islam di Alam Melayu ini khasnya.

Rujukan

Abdullah Alwi Haji Hassan, *The Administration of Islamic Law In Kelantan*. Kuala Lumpur (1996): Dewan Bahasa Dan Pustaka

Abd al-Al Atwah, *al-Madkhāl ilā al-Siyasah al-Syarīyyah*, Riyadh, (1993)

Abd al-Ghalib Abd al- Kafi al-Qurasyiy, *Awwaliyyat al-Faroq al-Siyasiyyah*, Riyadh: Maktabah al-Haramain, (1983)

Ibn Abidin, Muhammad Amin, *Hasyiah Radd al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar*, Beirut: Dar al-Fikr, (1996)

Alias Mohamed, *Kelantan di Bawah Pemerintahan PAS*, Selangor: Gateway Publishing House Sdn. Bhd, (1994)

Arahan Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kota Darul Naim, 9 hb Disember 1990, "Bacaan Sebelum Mesyuarat dan Doa Selepas Mesyuarat", (SUK: D 200(01) /15/2/jld.11/ (15

Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan (1999) *Program PAS Negeri Kelantan, Pilihanraya Umum 1999*. Perniagaan Fajar Hijrah

al-Bujairimi, Sulaiman Ibn Omar Ibn Muhammad, *Hasyiah al-Bujairimi ala al-Manhaj al-Musammah al-Tajrid linafi al-Ibad ala Syarh Minhaj al-Tullab*, Kaherah: Matbaah Mustafa al-Babi wa auladih, (1956)

Buletin, UPKNK, Bil 39, November/Disember 1993

Buletin, UPKNK, Bil 84, Ogos 1998

Buletin, UPKNK, Keluaran Khas, April 1995

Buletin, UPKNK, Keluaran Khas, Februari 1995

Ibn Farhun, Ibrahim Syamsuddin, *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiah wa al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (1301H)

Ismail Yusuf , "Nik Aziz: Pemikir Islam dan Penglibatan Politik", *Pemikir*, Oktober 2000

Jamal Mohd. Lokman Sulaiman, *Biografi Tuan Guru Dato Haji Nik Abdul Aziz, Seorang Ulama serta Ahli Politik Malaysia di Abad ke 20*, Sulfa Human Resources Development, (1999)

Al-Juwainiy, Abd al-Malik bin Abdullah, *Ghiyath al-Umam fi Iltiyath al-Úalam*, (edit oleh Dr.Mustafa Hilmi dan Dr. Fuad ÑAbd. al-MuÑim), Iskandariah: Dar al-Dakwah, (t.t)

Kanun Acara Jenayah Syariah 11 (1998) Kelantan.

Khallaf, Abd al- Wahab, *al-Siyasah al-Syar'iyyah wa Nizam al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Syu'un al-Dusturiyyah, wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, (1987)

Kelantan Universiti Politik Terbuka, Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah, Nilam Puri, Kelantan, (1995)

Kerajaan Negeri Kelantan, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1991, Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri Di Bawah Perintah-Perintah Am 25 Dan 26 Bab C, Bertarikh 12 Mac 1991.

Kerajaan Negeri Kelantan. Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003, bertarikh:23 Oktober 2003

Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Beirut: Dar al-Fikr, (1990)

Hj Mohd Daud, Hj. Wan Jamil Wan Mahmood, Ramli Abdul Halim, *Status Kelantan Pasti Berubah*, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKNK) (2000)

Nik Aziz Nik Mat (1995), *Islam Boleh*, Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah

Perubahan-perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama, Isu-isu Perkembangan Pentadbiran PAS Negeri Kelantan (1999), Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKNK)

Ibn al-Qayyim, Abu Abdullah Muhammad Ibn Abi Bakr, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (1995)

al-Razi , Muhammad Ibn Abi Bakr, *Mukhtar al-Sihhah*, Beirut: Maktabah Lubnan, (1992)

Zainuddin Ibn Nujaim, Ibn Nujaim, *al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daq'a'iq*, Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiy, (t.t)

Al-Syatibi, *al-Muwafaqat fī Usul al-Syariah*, Beirut: Dar al-Makrifah (t.t)

Shukeri Mohamad, "Penerimaan Maasyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah yang di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan" Tesis Ph.D, Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009

Suara YIK, YIK., Bil 7/99

Al-Tarabusi, Abu al-Hassan Ali Ibn Khalil, *Mu'in al-Hukkam fima Yataraddad Baina al-Khasmain min al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Fikr, (t.t)

Ibn al-Taymiyyah, Taqiuddin Ibn Ahmad, *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi Islah al-Rai wa al-Raiyyah*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, (1988)

Taj, Abdul Rahman, *al-Siyasah al-Syar'iyyah wa al-Fiqh al-Islamiy*, Kaherah:, (1415H)

Tarmizi B. Mohd Jam dan Mohd Nadzir B. Jusoh, *Tuan Guru Nik Abdul Aziz B. Nik Mat, Kelantan Agenda Baru Umat Islam*, Kuala Lumpur: Rangkaian Minda Publishers, (1995)

Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, "Konsep Membangun Bersama Islam Dalam pentadbiran Kerajaan negeri", kertas kerja yang dibentangkan pada 24hb April 1996 di Dewan Teratai, Kota Darul Naim

Yahya Ismail, *Perayaan Jubli Emas 50 Tahun PAS, Tuan Guru Nik Aziz Kepimpinan Ulama Dalam Politik Nasional*, Petaling Jaya Usaha Teguh Sdn. Bhd (2001):

al-Zalbani, Dr. Rizq, *Mudhakkirah fi al-Siyasah al-Syar'iyyah*, Jami`ah al-Azhar: Matba'ah al-Syaraq, (t.t)

Drs. Zainuddin Awang Hamat, " Sepuluh Tahun Memerintah Minda Manusia", dalam Dinsman (ed.) (2000) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Pusat Kajian Strategik Kelantan

Drs. Zainuddin Awang Hamat & Dinsman, " Mengurus Kewangan Negeri Berdana Kecil", dalam Dinsman (ed.) (2000) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Pusat Kajian Strategik Kelantan

Drs. Zainuddin Awang Hamat & Dinsman, " Kepimpinan dan Pentadbiran "Membangun Bersama Islam", dalam Disman (ed.) (2000) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan,

Drs. Zainuddin Awang Hamat & Saipul Bahrin Mohamed, "Solat Sebagai Instrumen Pentadbiran", dalam Dinsman (ed.) (2000) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan,

BAB 5

EKONOMI BERASASKAN SYARIAT: MODEL KELANTAN

Syahir Sulaiman

"Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah kami akan melimpahkan kepada mereka barakah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, Maka kami seksa mereka disebabkan perbuatannya." (Al-A'raf: 96)

Pendahuluan

Pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam ("MBI") di negeri Kelantan telah merealisasikan wawasan pengwujudan sebuah model ekonomi berdasarkan syariat yang praktikal, bukan sahaja telah berfungsi dengan baik sejak 1990 sehingga kini, malah telah mendahului beberapa aspek pembaharuan dan inovasi di dalam pelbagai dimensi.

Penulisan ini bertujuan untuk menilai pencapaian pembangunan ekonomi negeri Kelantan sebagai model perekonomian berdasarkan syariat yang tidak memisahkan aspek pembangunan fizikal dan rohani, sekaligus memenuhi maksud pembangunan yang seimbang di antara dua tuntutan hakiki, iaitu kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat. Di samping itu, penelitian terhadap pembaharuan di dalam dasar dan program ekonomi

Kelantan turut membuka dimensi kajian pemikiran ekonomi yang diterapkan oleh Al-Marhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat ("TGNA") sepanjang pentadbiran beliau sebagai Menteri Besar Negeri Kelantan pada tahun 1990 hingga 2013¹⁹.

Penulisan ringkas ini mengandungi lima bahagian. Dimulakan dengan pendahuluan berkenaan objektif dan skop kajian, ianya disusuli dengan bab kedua yang mengandungi tinjauan kajian terdahulu berkenaan model ekonomi Kelantan. Bab ketiga menekuni falsafah dan prinsip perekonomian berdasarkan syariat di Kelantan, manakala aspek inovasi dan model ekonomi Kelantan dinilai di dalam bab keempat, dan bab kelima sebagai penutup mengandungi beberapa saranan dan cadangan kajian mendatang.

Kajian Terdahulu

Kajian berkenaan model pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan adalah sangat terhad. Hal ini kerana kebanyakan penyelidik lebih cenderung untuk mengkaji sistem politik, sosial dan undang-undang Syariah di Kelantan berbanding menilai sistem ekonomi yang dilaksanakan di Kelantan.

Kajian awal yang dijalankan oleh Zakariah Rashid (2003) telah menilai kedudukan ekonomi negeri Kelantan dengan menggunakan rangka kerja analisis 'shift-share' wilayah terhadap data-data KDNK dalam tempoh 1980-1995, dan mendapati bahawa Kelantan telah mengalami kesan peralihan wilayah yang negatif dalam tempoh tersebut disebabkan faktor lokasi yang tidak kondusif untuk pelaburan di samping kemudahan infrastruktur (jalanraya, elektrik, air, pelabuhan, lapangan terbang) yang sangat terbatas.

¹⁹ Rujuk ulasan terdahulu oleh penulis di dalam artikel "Legasi Pemikiran Ekonomi Tuan Guru Nik Aziz".

Manakala kajian yang dijalankan oleh Azizah dan Nariman (2005) menggunakan analisa model Anser pula mendapati program Islam dan legislatif yang dilaksanakan dalam pentadbiran di Kelantan memberikan impak yang positif terhadap pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Kelantan untuk tempoh 1990 hingga 2004. Selain itu, Ismail dan Shukri (2011) mendapati peningkatan hasil kerajaan negeri Kelantan adalah disebabkan oleh pengurusan yang transparen dengan mengambil contoh sistem tender terbuka dalam aktiviti pembalakan.

Kejayaan mengenai program pembasmian kemiskinan di negeri tersebut telah dinilai oleh Syahidah dan Adib (2013) dan mendapati kerajaan negeri Kelantan komited dalam mengurangkan kadar kemiskinan berdasarkan kemampuannya dan turut menyimpulkan bahawa kerajaan negeri Kelantan telah berjaya menstruktur semula sosio-ekonomi masyarakat yang lebih bebas dan berdikari. Terdapat juga beberapa kajian akademik mengenai dasar ekonomi negeri Kelantan di bawah pentadbiran TGNA sebagai Menteri Besar, antaranya oleh Surtahman dan Norfadzilah (2004) berkaitan falsafah dan pemikiran ekonomi TGNA dalam aspek pentadbiran, pembangunan, kemiskinan, dan muamalat.

Pencapaian pertumbuhan ekonomi Kelantan dalam tempoh 1990 – 2010 telah dianalisis dengan kritis oleh Shukri Noor (2011), dengan mengemukakan data-data ekonomi seperti KDNK dan KDNK per kapita, indeks harga pengguna, indeks kemiskinan, Pekali Gini, aliran pelaburan domestik dan kedudukan kewangan kerajaan negeri sehingga tahun 2010, bagi menyokong kejayaan model ekonomi berimbang yang dilaksanakan di Kelantan.

Di samping kajian-kajian di atas, terdapat banyak penulisan dan dokumentari separa-akademik yang diterbitkan di pelbagai

media bagi menyorot keunikan model ekonomi Kelantan, dalam aspek pelaksanaan dasar ekonomi sepanjang pentadbiran TGNA sebagai Menteri Besar di negeri Kelantan, termasuklah yang direncanakan oleh Abdullah Sudin (2013), Syahir Sulaiman (2013) dan Ubaidillah Alias (2013) di dalam majalah Qiadah edisi 1434H yang diterbitkan oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Falsafah dan Prinsip Perekonomian Kelantan

1. Pentakrifan

Terdapat titik perbezaan ketara dalam aspek pendefinisan ekonomi yang diamalkan di Kelantan, berbanding takrif ekonomi konvensional yang cenderung untuk merumuskan tentang keterbatasan sumber bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas.

Dalam hal ini, TGNA mentakrifkan ekonomi sebagai "*Segala kekayaan yang terdapat di langit dan di bumi ini dianugerahkan oleh Allah kepada umatnya untuk menguruskan alam ini*". Ini bermaksud semua rezeki yang ada di langit dan di bumi adalah milik Allah SWT, di mana manusia hanya diberi tugas sebagai khalifah untuk menjadi pentadbir di alam ini (Surtahman dan Norfadzilah, 2004).

Beliau turut menyatakan bahawa sumber-sumber yang terdapat di bumi adalah mencukupi atau tidak terhad, seterusnya menyangkal definisi ekonomi yang diutarakan oleh ahli-ahli ekonomi Barat yang menyatakan bahawa sumber-sumber pengeluaran adalah terhad, yang akhirnya telah menimbulkan masalah dalam ekonomi bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas (Surtahman dan Norfadzilah, 2004).

Justeru menurut TGNA, sumber-sumber pengeluaran yang dianugerahkan oleh Allah SWT mencukupi untuk keperluan makhluknya, cuma manusia sahaja yang tidak pandai mengurusnya dengan baik sehingga timbul pelbagai masalah kekurangan sumber dalam ekonomi. Perkara ini adalah selaras dengan firman Allah SWT (maksudnya): *"Dan tidak ada sesuatu manusia dan binatang di bumi melainkan Allah jugalah yang memberi rezekinya"* (*Hud*: 6).

Selain itu, dasar Membangun Bersama Islam ("MBI") yang menjadi teras pembangunan ekonomi Kelantan sejak tahun 1990 cenderung untuk melihat perkembangan ekonomi dari sudut pembangunan dan bukan semata-mata pertumbuhan. Pembangunan yang dirancang mestilah selari atau "bersama" dengan nilai-nilai Islam, dan mementingkan aspek kemanusiaan yang dimantapkan oleh ketaatan kepada agama serta tidak mendatangkan kemudaratuan sosial dan moral (Hassan Mahmood, 2006).

Justeru, pendefinisian pembangunan di Kelantan ternyata berbeza dengan definisi konvensional, di mana dasar MBI ditakrifkan sebagai *"Pelaksanaan pembangunan yang menyeluruh dan serasi dengan nilai-nilai Islam, mementingkan aspek kemanusiaan, dimantapkan dengan ketaatan kepada agama dan tidak memudaratkan sosial dan moral manusia, demi mencapai keredhaan Allah."* (Hassan Mahmood, 2006).

Di samping itu, aspek pembangunan modal insan diletakkan sebagai teras utama di dalam agenda pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan. Selaras dengan dasar MBI, kerajaan Kelantan menekankan ketinggian kualiti pendidikan dan pembudayaan ilmu di dalam masyarakat sebagai pencetus perubahan (catalyst). Antara tonggak pembaharuan dalam bidang pendidikan di Kelantan adalah penubuhan Maahad Tahfiz Quran Pulai Chondong pada tahun

pertama pentadbirannya (1990) diikuti penubuhan beberapa buah Maahad Tahfiz Sains di negeri Kelantan, di samping penerusan peruntukan biasiswa pendidikan dan zakat di bawah Yayasan Islam Kelantan, dan pembudayaan ilmu di segenap peringkat masyarakat.

2. Model Pembangunan Ekonomi

Konsep pembangunan ekonomi di Kelantan berbeza dengan pendekatan ekonomi di negeri-negeri lain. Pembangunan ekonomi yang dilaksanakan adalah bersifat syumul, dengan memberi penekanan seimbang terhadap pembangunan material dan spiritual rakyat. Untuk mencapai matlamat dan objektif pembangunan ekonomi berteraskan Islam, maka strategi yang diambil juga harus berteraskan Islam. Strategi yang diambil oleh Kelantan ialah sentiasa menekankan kepatuhan syariah dalam setiap tindakan dan program yang dilaksanakan demi kebajikan rakyat (Syahidah dan Adib, 2013).

Sejak tahun 1990, pentadbiran kerajaan negeri Kelantan adalah berdasarkan agenda ‘Membangun Bersama Islam’. Teras kepada dasar ini ialah berpaksikan kepada prinsip ‘Ubudiah, Mas’uliah dan Itqan (“UMI”).

‘Ubudiah merujuk kepada penyerahan diri manusia sebagai hamba Allah SWT, selaras dengan firman Allah, *“Dan tidaklah mereka diperintah kecuali supaya mereka menyembah Allah”* (Al-Bayyinah: 5). Mas’uliah pula berkait rapat dengan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah selaras dengan tuntutan syariat, sebagaimana yang dianjurkan oleh firman Allah, *“Setiap diri seseorang dengan apa yang telah dilakukan adalah dia bertanggungjawab”* (Al-Muddatsir: 38). Manakala prinsip Itqan merujuk kepada etika kerja berkualiti tinggi, selaras dengan firman

Allah, *“Dia yang memperelokkan segala sesuatu yang diciptakanNya (As-Sajadah: 7).*

Dengan mengambil iktibar betapa rapuhnya pembangunan yang dibina di atas dasar kapitalisme yang tidak mementingkan pembangunan insan, maka kerajaan Kelantan telah menggariskan Lima Prinsip Pembangunan Ekonomi yang menjadi teras kepada pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam (Hassan Mahmood, 2006), iaitu:

- i. Prinsip pembangunan adalah bertujuan untuk memakmurkan bumi Allah dan tidak melakukan kerosakan di atasnya;
- ii. Rakyat sebagai tonggak kepada pembangunan ekonomi negeri digalakkan untuk berpartisipasi dalam proses pembangunan negeri, dan digerakkan melalui prinsip At-Ta'awun;
- iii. MBI berkeyakinan bahawa pembangunan yang bebas daripada unsur riba' adalah pembangunan yang mendapat keberkatan daripada Allah;
- iv. MBI sangat mengutamakan sektor pertanian sebagai asas kekuatan ekonomi negeri Kelantan; dan
- v. MBI memenuhi keperluan asasi rakyat melibatkan aspek makanan, pakaian dan tempat tinggal, sebagai melengkapkan kerangka pembangunan bagi melindungi aspek keselamatan nyawa, aqidah, aqal, maruah dan keturunan manusia.

Inovasi Dan Model Ekonomi Kelantan

Selama lebih 25 tahun kerajaan Kelantan melaksanakan dasar MBI, banyak reformasi pentadbiran dan inovasi yang merangsang

pertumbuhan sektor awam dan swasta telah diperkenalkan. Antaranya pelaksanaan dasar lima hari bekerja yang bukan sahaja dilaksanakan di peringkat kerajaan Persekutuan, malah turut dipraktikkan oleh majikan swasta tanpa menjelaskan produktiviti pekerja dan perniagaan mereka.

Selain itu, tindakan kerajaan Kelantan memindahkan akaun kerajaan negeri dari sistem perbankan konvensional kepada perbankan Islam di awal tahun 1990an telah merangsang bank-bank konvensional membuka kaunter perbankan tanpa faedah secara lebih meluas, dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan saiz perbankan Islam di Malaysia secara amnya.

Manakala penumpuan terhadap aspek pendidikan agama dan duniaawi secara seimbang telah merintis jalan penerimaan masyarakat terhadap lulusan tahfiz di peringkat sekolah menengah di Kelantan, malah turut dilaksanakan di beberapa sekolah berasrama penuh (SBP) dan MRSM di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Di samping itu, pelbagai lagi dasar dan program ekonomi berkebajikan yang diperkenalkan di Kelantan telah memastikan bahawa dasar MBI yang berdiri di atas kepatuhan kepada syariat adalah relevan dan praktikal.

Berdasarkan kepada Lima Prinsip Pembangunan Ekonomi yang menjadi teras kepada pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam, terdapat Lima Model Ekonomi Berasaskan Syariat yang telah berfungsi di Kelantan, dan boleh diterima pakai di dalam dasar perekonomian sesebuah negeri mahupun negara, iaitu:

1. Model Ekonomi Sederhana (Ekonomi Wasatiyyah)

Antara dasar pertama yang diambil sebaik sahaja memegang tanggungjawab mentadbir negeri ialah dasar penjimatan terhadap dana kerajaan negeri (Shukri Noor, 2011). Di awal pentadbirannya, TGNA yang lebih mementingkan kehidupan yang sederhana telah mengumumkan bahawa beliau akan menyumbangkan sebanyak 45% daripada elaun bulanannya kepada tabung kebajikan negeri Kelantan dan PAS. Langkah ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana pemimpin negeri dan negara sebelum ini, malah berjaya menyuntik semangat untuk rakyat Kelantan berlumba-lumba melakukan amalan sedekah.

Selain daripada itu, TGNA juga mengumumkan bahawa beliau tidak akan mengambil peruntukan majlis berbuka puasa dan jamuan hari raya yang biasa disediakan untuk Menteri Besar sebanyak RM15,000, malah perbelanjaan bagi kedua-dua majlis tersebut adalah dengan menggunakan duit peribadi beliau. Tindakan beliau untuk tidak berpindah ke kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan (JKR 10), malah terus mendiami rumahnya di Kampung Pulau Melaka menunjukkan TGNA lebih gemar mengikut gaya hidupnya yang sederhana dan dengan ini hubungannya dengan rakyat kekal erat. Langkah seterusnya adalah beliau hanya menggunakan kenderaan rasmi untuk perjalanan yang ada kaitan dengan urusan kerajaan dan rakyat negeri Kelantan sahaja (Surtahman dan Norfadzilah, 2004).

Malah, budaya memberi hadiah kepada dif kehormat pada upacara rasmi kerajaan telah dihapuskan. TGNA merasakan amalan seumpama itu adalah satu perbuatan yang membazirkan wang rakyat dan dengan menghapuskan amalan ini, perbelanjaan tahunan

untuk kos hadiah tersebut boleh disalurkan untuk kebajikan rakyat yang lebih memerlukan.

Amalan pemberian dan penerimaan hadiah ini juga secara tidak sedar akan membenihkan bibit-bibit amalan rasuah dalam kerajaan. Pendirian TGNA dalam perkara ini telah menjadi ikutan kepada Ahli Exco Kerajaan yang lain dan mereka menganggap bahawa langkah yang dilakukan ini adalah selaras dengan kehendak Islam yang menganjurkan umatnya supaya menjauhi perbuatan membazir (Surtahman dan Norfadzilah, 2004).

Ini sekaligus menyumbang kepada rekod bersih pentadbiran kerajaan Kelantan yang bebas daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa sejak 1990 melalui kaedah pencegahan, mendahului usaha meningkatkan tahap integriti dan akauntabiliti di dalam negara melalui mekanisma penguatkuasaan dan pendakwaan.

2. Model Ekonomi Rakyat (Ekonomi Ta'awun)

Selain peranan pihak kerajaan negeri sebagai penggubal dasar dan pengawalselia aktiviti pembangunan dan kebajikan, kerancakan dan daya tahan ekonomi negeri Cik Siti Wan Kembang ini turut disokong oleh kekuatan kuasa beli (purchasing power) dan permintaan tempatan (domestic demand) di kalangan rakyat negeri Kelantan, khususnya dalam aspek perniagaan kecil dan sederhana, ditambah pula dengan budaya sedeqah, zakat dan waqaf yang sinonim dengan rakyat negeri Kelantan.

Urusniaga jual beli dalam bentuk tunai yang tinggi adalah petanda utama dalam mengukur kekuatan ekonomi rakyat Kelantan dan turut menyumbang kepada merancakkan aktiviti perniagaan kecil dan sederhana di Kelantan. Amalan berhutang di kedai runcit

amat jarang diamalkan di Kelantan, apatah lagi transaksi jual-beli menggunakan kad kredit sebagaimana menjadi amalan biasa warga kota yang dihimpit beban sara hidup yang tinggi.

Transaksi tunai yang rancak ini sekaligus menjadi pemangkin kepada budaya berniaga di kalangan rakyat Kelantan apabila permintaan terhadap barang sentiasa tinggi, samada barang runcit mahupun makanan. Selain itu, rakyat Kelantan secara umumnya lebih mengutamakan perbelanjaan untuk pemilikan aset kekal, daripada urusniaga pembelian tanah (atau pecah lot) yang amat popular di Kelantan sehingga kepada sekecil-kecil pemilikan aset seperti haiwan ternakan yang biasanya akan dijual untuk menampung perbelanjaan pendidikan anak-anak;

Kerajaan Kelantan juga telah berjaya membudayakan semangat tolong-menolong bagi melaksanakan projek kecil-kecilan melalui kaedah Ta'awun (Shukri Noor, 2011). Selain dapat menyuntik semangat kekitaan sesama rakyat, konsep ini juga merupakan satu kaedah yang dapat menjimatkan kos sehingga separuh daripada kos binaan biasa yang dilaksanakan secara tender. Pembinaan masjid dan surau yang banyak di Kelantan semuanya ditampung oleh sumbangan infaq, sedeqah, zakat dan waqaf yang sudah sinonim dengan rakyat Kelantan. Pendidikan merupakan institusi utama yang mendapat manfaat daripada budaya infaq ini, baik dari segi pembiayaan pondok, madrasah dan sekolah agama rakyat, sehingga kepada pembiayaan pendidikan anak-anak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.

Di samping itu, kerajaan Kelantan telah menukuhkan Tabung Serambi Mekah pada tahun 1991 di bawah seksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan, bertujuan untuk program pengupayaan golongan miskin dan bantuan kebaikan untuk mereka yang ditimpah

malapetaka, bencana alam dan penyakit kronik, di samping bagi menampung kos pembinaan projek infrastruktur bagi kesejahteraan rakyat. Wang tabung boleh terdiri daripada hadiah atau sumbangan berupa keuntungan, sedekah dan lain-lain hasil daripada pemberian orang ramai atau organisasi, persatuan, yayasan atau firma dan koperasi. Menurut Laporan Audit Negeri Kelantan 2010, baki akaun ini pada tahun 2010 berjumlah RM11.5 juta berbanding RM9.1 juta pada tahun 2009 (Syahidah dan Adib, 2013).

3. Model Ekonomi Bebas Riba'

Selain itu, sesiapa yang mengikuti perkembangan sistem kewangan Islam di Malaysia akan mengiktiraf jasa besar Menteri Besar Negeri Kelantan di bawah pimpinan PAS. Sejarah menyaksikan bagaimana Al-Marhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat telah mengarahkan agar dipindahkan semua akaun kewangan kerajaan negeri Kelantan daripada bank konvensional (ribawi) kepada Bank Islam, walaupun mendapat kritikan pelbagai pihak (Surtahman dan Norfadzilah, 2004).

Ketegasan TGNA terhadap pengharaman riba' terbukti dengan arahan beliau untuk memindahkan semua akaun simpanan Perbendaharaan Negeri Kelantan daripada bank konvensional (ribawi) kepada bank Islam. Di dalam satu pertemuan dengan penulis pada tahun 2013, TGNA ada mengungkapkan, *"Antara perkara pertama yang ambo buat masa jadi MB, ambo panggil pegawai kewangan negeri, minta pindah akaun kerajaan ke bank Islam. Ambo buat ni tanpa mesyuarat sebab ini perkara nas, tak perlu mesyuarat, kita kena buat."* (Syahir Sulaiman, 2013). Tindakan tegas beliau pada tahun 1990 ini telah menyuburkan usaha mengembangkan institusi kewangan Islam yang baru memasuki fasa kedua pembangunannya

(1990–1999), sehingga Malaysia kini digelar sebagai hub kewangan Islam utama di dunia.

Menurut TGNA, mengharamkan riba' adalah pendirian Islam dan beliau mengingatkan umat Islam kini hendaklah berhati-hati dengan ancaman daripada pihak Barat yang cuba melancarkan perang melalui bidang muamalat misalnya, mereka berusaha untuk menonjolkan sistem ekonomi riba' sebagai suatu keperluan dalam perekonomian. Agenda yang sebegini halus ini menjadikan sistem kewangan berasaskan riba' sebagai suatu yang diperlukan demi kemajuan dan pembangunan, dan terus membengku ekonomi dunia dan umat Islam (Surtahman dan Norfadzilah, 2004).

Dalam hal yang sama, kerajaan negeri Kelantan telah memperkenalkan pembiayaan berteraskan Qardhul-Hasan (tanpa riba') kepada kakitangan kerajaan, meliputi pembiayaan kenderaan dan perumahan. Malah, sistem pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) yang dipelopori oleh Kerajaan Kelantan kini sudah dicontohi oleh pelbagai pihak sebagai alternatif kepada amalan riba' dan mekanisma yang dikenalpasti oleh kerajaan negeri Kelantan untuk merancakkan perniagaan kecilan dan memecahkan belenggu kemiskinan (Surtahman dan Norfadzilah, 2004).

4. Model Ekonomi Pertanian

Pembangunan di sektor pertanian boleh membantu ke arah pembasmian kemiskinan yang dihadapi oleh para petani dan pekebun di luar bandar. Antara inisiatif yang diambil oleh kerajaan Kelantan adalah melalui pembaharuan dalam bidang teknologi pertanian, sumbangan insentif, pembukaan tanah baru, pembesaran saiz tanah pertanian, penghapusan segala cukai yang membebankan petani, pemberian subsidi baja dan subsidi harga, dan penyediaan

kemudahan infrastruktur asas seperti parit dan tali air dalam usaha menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara.

Pada tahun 2006, kerajaan negeri Kelantan telah melaksanakan Program Ladang Rakyat yang merupakan satu inisiatif kerajaan negeri bagi membendung masalah penerokaan tanah kerajaan dan membebaskan rakyat dari belenggu kemiskinan. Pada tahun 2011, sebanyak 19 kawasan tanah kerajaan seluas 81,095 ekar di Jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan Tanah Merah telah diluluskan untuk dibangunkan sebagai kawasan Ladang Rakyat dengan penanaman kelapa sawit. Hasil pajakan dan keuntungan ini merupakan pendapatan utama Perbadanan Ladang Rakyat yang akan diagihkan sebagai dividen kepada penduduk miskin seramai 4,767 orang yang dikenali sebagai peserta Ladang Rakyat (Syahidah dan Adib, 2013).

Seterusnya bagi memastikan sektor pertanian di Kelantan berkembang sejajar dengan tuntutan agama, kerajaan Kelantan telah melancarkan program 'Bertani Satu Ibadah' pada tahun 2009. Ini bersesuaian dengan usaha untuk memberi kesedaran secara lebih menyeluruh terhadap kepentingan sektor pertanian, bagi melahirkan masyarakat tani yang menghayati Islam dan konsep ibadah dalam kehidupan harian mereka sekaligus sebagai faktor pendorong kepada para petani untuk memerah keringat dengan lebih tekun dalam usaha memajukan pertanian mereka (Syahidah dan Adib, 2013).

5. Model Ekonomi Kifayah

Mengikut rekod, kadar kemiskinan di negeri Kelantan pada 1970 (sebelum pelaksanaan DEB) sebanyak 76.1% adalah tertinggi di Semenanjung, dan menunjukkan penurunan ke paras 29.6% pada

1989, di tangga ketiga selepas Kedah (29.9%) dan Terengganu (31.3%). Bahkan pada 2009, Kelantan berjaya mengurangkan kemiskinan kepada 4.8%, mendahului Kedah (5.3%), Sarawak (5.3%) Perlis (6.0%) dan Sabah (19.2%), malah mencatatkan rekod yang lebih baik daripada kemiskinan Bumiputera seluruh Malaysia pada kadar 5.3% (Abdullah Sudin, 2013).

TGNA semasa berucap di Dewan Undangan Negeri Kelantan menyatakan, "*Membasmi kemiskinan adalah satu perkara yang berada diluar kebolehan manusia kerana ia adalah ciptaan Tuhan yang mesti diterima oleh manusia. Kemiskinan tidak boleh dibasmi tetapi hanya boleh dikurangkan.*" (Belanjawan Negeri Kelantan, 1991).

Beliau menyifatkan kemiskinan sebagai satu daripada penyakit manusia yang sentiasa berlaku dalam sesebuah masyarakat, dan menyatakan bahawa "*Kemiskinan ialah ketidakupayaan manusia untuk mencapai tahap keperluan individu dan tanggungannya*". Ini bermaksud mereka tidak berkeupayaan untuk mencapai tahap keperluan paling minima (dharuriyyat) sedangkan nikmat Allah SWT adalah amat banyak dan amat mencukupi untuk memenuhi keperluan seluruh manusia sepanjang masa (Surtahman dan Norfadzilah, 2004).

Pandangan beliau ini dapat dilihat daripada firman Allah SWT (maksudnya): "*Dan la mengurniakan kepada kamu daripada setiap apa yang kamu pohon dan jika kamu menghitung nikmat-nikmat Allah nescaya kamu tidak akan terhitung*" (*Ibrahim: 34*)

Menurut TGNA, kemiskinan terdiri daripada dua dimensi iaitu kemiskinan jasmani dan rohani dan Kelantan komited dalam usaha membasmi kemiskinan bagi memastikan kesejahteraan rakyat

dan pembangunan seimbang, walaupun negeri ini menghadapi banyak kekangan dari segi modal dan infrastruktur (Syahidah dan Adib, 2013). Tambah beliau, *"Hanya orang yang mempunyai jiwa yang kosong mudah terdedah kepada bermacam-macam bahaya. Miskin jiwa mempunyai kesan yang lebih berbahaya daripada miskin harta."* (Surtahman dan Norfadzilah, 2004).

Selain itu kerajaan Kelantan turut menyediakan peruntukan untuk rakyat miskin di negeri tersebut. Antaranya ialah memberi bantuan bekalan air bersih dan elektrik serta bantuan khas untuk orang miskin. Bagi bekalan air bersih dan elektrik, jumlah peruntukan pada tahun 2013 adalah sebanyak RM1 juta manakala bagi bantuan khas adalah sebanyak RM1 juta. Pelajar miskin turut diberikan bantuan bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran. Dalam belanjawan 2013, peruntukan yang disediakan untuk pelajar miskin adalah sebanyak RM500,000. Kerajaan juga meneruskan program membantu kesihatan kepada rakyat miskin yang menghidapi penyakit kronik dimana peruntukan sebanyak RM 505,000 telah disediakan (Syahidah dan Adib, 2013).

Bantuan rumah untuk golongan miskin telah dilaksanakan di bawah program Rumah Dhu'afat bermula pada tahun 2006. Bantuan ini diperuntukan bagi tujuan pembinaan dua buah rumah di setiap DUN bagi membantu meringankan beban rakyat untuk membaiki dan membina rumah sendiri. Pada tahun 2011 melalui peruntukan yang disediakan, sebanyak 71 buah rumah dhu'afat telah dibina. Pada tahun 2013, jumlah yang diperuntukkan untuk bantuan rumah dhufat adalah sebanyak RM5.5 juta (Syahidah dan Adib, 2013).

Program Bantuan Beras Percuma atau dikenali sebagai Skim al-It'am telah dilaksanakan bermula pada tahun 2011. Badan yang bertanggungjawab mengendalikan program ini ialah Kumpulan

Pertanian Kelantan Berhad iaitu syarikat milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), dan sejumlah RM 2.5 juta telah diperuntukkan bagi menjayakan program ini pada tahun 2012. Seramai 180 keluarga miskin daripada setiap Dewan Undangan Negeri akan menerima 10 kg beras pada setiap bulan.

Saranan dan Kajian Mendatang

Pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam ("MBI") di negeri Kelantan telah merealisasikan wawasan pengwujudan sebuah model ekonomi berasaskan syariat yang praktikal, yang dibuktikan melalui penerapan *Model Ekonomi Sederhana (Wasatiyyah)*, *Model Ekonomi Rakyat (Ta'awun)*, *Model Ekonomi Bebas Riba'*, *Model Ekonomi Pertanian*, dan *Model Ekonomi Kifayah*.

Kesemua lima model ekonomi Kelantan ini adalah didasari kepada Lima Prinsip Pembangunan Ekonomi yang digariskan di dalam kertas kerja dasar Membangun Bersama Islam, yang diperkenalkan sejak tahun 1990. Penilaian terhadap pencapaian pertumbuhan ekonomi Kelantan yang bersifat menyeluruh dan seimbang ini membawa kepada tiga kesimpulan penting.

Pertama, asas utama pembangunan yang bertunjangkan modal insan berkualiti ternyata menjadi pemangkin kejayaan sesebuah negeri atau negara untuk terus membangun secara lestari, dan Kelantan telah memulakannya di awal tahun 1990 ketika kerajaan Persekutuan memperkenalkan dasar Wawasan 2020 bagi mengejar status negara maju yang bersifat materialistik.

Kedua, banyak reformasi dan inovasi dalam aspek pentadbiran dan perekonomian yang telah diperkenalkan di Kelantan, membuktikan bahawa model ekonomi berasaskan syariat

telah dan boleh berfungsi dengan baik, sebagai alternatif kepada kegagalan sistem kapitalis dan sosialis yang mendasari pentadbiran masa kini. Malah rekod bersih pentadbiran kerajaan Kelantan yang bebas daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa sejak 1990 menjadi model pencegahan rasuah terbaik, mendahului usaha meningkatkan tahap integriti dan akauntabiliti di dalam negara melalui mekanisma penguatkuasaan dan pendakwaan.

Ketiga, penumpuan aspek pembangunan yang seimbang bagi mengoptimakan produktiviti sumber alam, meningkatkan kualiti hidup rakyat dan kemakmuran negeri meletakkan Kelantan sebagai negeri model dalam mengadaptasi ukuran "Indeks Kegembiraan" seperti *Gross National Happiness (GNH)* dan *Human Development Index (HDI)* yang kini mula mendapat tempat di peringkat antarabangsa.

GNH yang diperkenalkan di Bhutan pada tahun 1972 meletakkan aspek 'kegembiraan' dan 'kepuasan hati' rakyat sebagai objektif pembangunan, dan menolak kaedah KDNK (GDP) sebagai ukuran pembangunan negara. Manakala HDI yang diperkenalkan oleh United Nations Development Program (UNDP) pada tahun 2005 telah mengambil kira tiga dimensi pembangunan insan sebagai ukuran pencapaian pembangunan sesebuah negara, iaitu tahap kesihatan, tahap pendidikan dan taraf hidup rakyat. Pada tahun 2011, United Nations (PBB) telah mengumumkan '*World Happiness Report*' bagi mengukur tahap kekayaan dan hubung kait dengan tahap kepuasan hati di dalam sesebuah negara, dengan menilai aspek pendapatan per kapita, bantuan sosial, jangka hayat, kebebasan memilih, kedermawanan, dan persepsi rasuah. Kini, Indeks Kegembiraan telah mula diadaptasi dalam dasar pembangunan sosio-ekonomi di kebanyakan negara, antaranya Australia, Perancis, United Kingdom, Canada, China, Singapura dan Thailand.

Justeru sebagai kesinambungan terhadap kejayaan Kelantan merintis pembangunan ekonomi berasaskan syariat secara praktikal, usaha kajian dan penerangan perlu diteruskan dalam beberapa dimensi. Antaranya kajian bagi negeri Kelantan mengadaptasi ukuran Indeks Kegembiraan (*Happiness Index*) dan Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index*), kajian perbandingan model ekonomi Kelantan berbanding negeri di Pantai Timur, kajian faktor penentu (determinants) terhadap kelestarian pembangunan ekonomi Kelantan, serta kajian terhadap daya saing dan penerokaan sumber baharu sebagai pemacu pembangunan ekonomi negeri Kelantan.

Rujukan

- Abdullah Sudin (2013). *Pertumbuhan Ekonomi Kelantan 1990 - 2010*. Majalah Qiadah Edisi 1434, Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Kota Bharu.
- Azizah Md. Yusof & Nariman Mohd Saad (2005). *Islam Dan Pertumbuhan Ekonomi*. Universiti Utara Malaysia.
- Hassan Mahmood (2006). *Kertas Dasar Membangun Bersama Islam*. Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam, Pusat Kajian Strategik Kelantan, 37-50.
- Ismail Yusoff & Shukri Ahmad (2011). *Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat*. Jabatan Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.

Nurul Syahidah & Adib Ismail (2013). *Pengamalan Ekonomi Islam di Negeri Kelantan*. Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1 (2013): 371-382.

Shukri Noor (2011). *Memakmurkan Ekonomi*. Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam, Pusat Kajian Strategik Kelantan, 249-270.

Surtahman Hasan & Norfadzilah Ahmad (2004). *Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi*. Jurnal Usuluddin, Bil. 20 (2004): 69-88.

Syahir Sulaiman (2013). *Keunikan Ekonomi Kelantan, Satu Tinjauan*. Majalah Qiadah Edisi 1434, Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Kota Bharu.

Zakariah Abdul Rashid (2003). *Ekonomi Negeri Kelantan Dari Perspektif Analisis Shift-Share Wilayah*. Pertanika Journal Social Science, 11(1): 19-31.

BAB 6

TOK GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT: ANALISIS TERHADAP PERAN SEBAGAI ULAMA DALAM PELAKSANAAN SYARIAT ISLAM DI KELANTAN

*Aslati, M. Ag
Mohd. Fadli Ghani*

Pendahuluan

Nabi Muhammad SAW diutus oleh Allah SWT ke muka bumi untuk menyampaikan risalah Islam sebagaimana dinyatakan di dalam Al-Quran dan Sunnah yang diperuntukkan bagi seluruh alam serta mengatur semua aspek dalam kehidupan manusia.

Islam adalah agama Risalah dan Dakwah. Rasulullah SAW diutus kepada seluruh umat manusia sebagai mana yang terdapat dalam firman Allah SWT di dalam Al-Quranyang bermaksud:

Artinya:"Dan tidaklah kami mengutus engkau melainkan (menjadi Rasul) untuk membawa berita gembira dan peringatan kepada seluruh umat manusia". (QS. As-Saba': 28).

Selama 23 tahun Nabi Muhammad SAW menjalankan risalah kenabianya dan berhasil menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai tuntunan hidup umat Islam. Setelah Rasul wafat maka perannya digantikan oleh para Ulama sebagai penerusperanan misi kenabian tersebut. *Ulama adalah pewaris nabi,"* begitu jelas

Rasulullah dalam sebuah hadis yang diriwayatkan Abu Dawud dan Tirmizi. Menurut Ibnu Hajar Al-Atsqaiani (773-852) dalam *Fath al-Bary*, Hadis tersebut adalah Hadis yang ditemukan dalam beberapa kitab Hadis, antara lain dalam kitab-kitab Abu Dawud, at-Tirmizi dan Ibnu Hibban. (Ibnu Hajar 1959 : 169).

Ulama mempunyai tanggungjawab penting berkaitan soal beragama dalam masyarakat, dimana segala aktiviti yang dilakukan oleh ulama dapat menjawab berbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Dalam hal ini wajar jika dalam beberapa hadis Rasul mensyaratkan beberapa karakteristik yang harus dimiliki oleh ulama kerana mempunyai tanggungjawab kepada umat. Adapun karakteristik seorang ulama menurut pemahaman Hadis Nabi diantaranya : Ulama yang mengamalkan ilmunya, bersifat *Wara*, Tidak bercita-cita terhadap harta dan kekuasaan, ikhlas dalam beramal dan tidak bersifat dengki, bersikap amanah dan menyampaikan ilmu, bersikap istiqamah (lurus), bersikap dinamis, bersikap terbuka dan demokratis, membimbing umat menuju kesempurnaan serta jujur dan selalu berfatwa berdasarkan pengetahuan.

Setidaknya adalah empat fungsi atau peranan yang melekat pada diri ulama yakni *Tabligh* (Menyampaikan), *Tabayyun* (Menjelaskan), *Tahkim* (Mengeluarkan Hukum) dan *Uswah* (Teladan). Meskipun mendapat cabaran yang datang baik dari kalangan umat Islam itu sendiri maupun yang datang dari luar Islam namun peranan tersebut harus disampaikan kepada umat. Ulama harus dapat menyampaikan syariat Islam dengan cara dan kaedah terbaik agar syariat Islam menjadi solusi bagi kehidupan. (Hafifuddin: 2014: 120)

Syariat Islam merupakan *khitab*²⁰ Allah SWT yang harus digali dari sumber asli yakni Al-Quran dan Hadis serta harus ditelaah kembali kitab-kitab karya ulama terdahulu yang telah merintis pemikiran tentang syariat Islam. Selanjutnya yang tidak kalah pentingnya adalah ulama juga harus menelaah liku-liku perjalanan penerapan syariat Islam itu sendiri dari masa ke masa. (Hafifudin 2014 : 121).

Penegakan syariat Islam merupakan suatu keperluan yang mendasar dalam upaya menjawab cabaran zaman dan sebagai solusi pemecahan masalah dalam kehidupan masyarakat Islam. Upaya penegakan syariat Islam yang *kaffah* di Kelantan tentu saja tidak terlepas dari peranan ulama kerana mempunyai kemampuan dalam berijtihad untuk menghasilkan suatu hukum.

Disamping itu ulama melakukan ijtihad untuk mencari bentuk syariah Islam yang mudah dilaksanakan sesuai dengan keadaan setempat sebagaimana yang tercermin dalam kehidupan masyarakat di Kelantan. Dasar pemikiran bahwa syariat Islam yang akan diterapkan harus sesuai dengan *maqasid al-syariah* yang berdasarkan nas Al-Quran dan Hadis dengan mempertimbangkan kemajuan zaman yang sedang berlangsung. Sementara itu yang menjadi pekerjaan rutin ulama dalam menerapkan syariat Islam adalah mengeluarkan fatwa serta nasihat. Oleh kerana itu sudah selayaknya ulama sebagai sumber kekuatan bagi pelaksanaan syariat Islam di Kelantan.

Corak Islam yang ditampilkan oleh Kelantan tidak terlepas dari peranan ulama. Sesuai dengan kajian penulis dalam tesis

²⁰ Khitab adalah bahan atau isi sebuah pembicaraan, atau tulisan yang terdapat antara pembicara dan pendengar, antara orang yang menyeru dan yang diseru atau antara penulis dan pembaca.

Kedoktoran (PhD) maka penulis memilih tokoh terkenal iaitu Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai fokus kajian.

Kelantan di bawah kepemimpinan Nik Abdul Aziz Nik Mat menampilkan corak yang berbeza dengan negeri lainnya di Malaysia dalam pelaksanaan hukum Islam. Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat lahir di Kota Bharu Kelantan, 10 Januari 1931 dan meninggal dunia pada 12 Februari 2015. Memperoleh pendidikan di sekolah kebangsaan dan pondok semasa kecil hingga remaja di Kelantan sampai Terengganu kemudian melanjutkan pendidikan ke India, Lahore Pakistan dan melanjutkan ke al-Azhar Mesir. Menjalani pendidikan selama lebih kurang 12 tahun dan kembali ke kampung halaman yakni Kelantan pada tahun 1962. Awalnya Nik Aziz aktif dalam bidang dakwah dan pendidikan. Namun kemudian terjun ke dunia politik. Peranan Tok Guru Nik Abdul Aziz dalam membumikkan nilai-nilai Islam di Kelantan tentu tidak diragukan lagi, hal ini terbukti dengan tegaknya syariat Islam dalam segala aspek kehidupan baik dalam kehidupan sosial kemasyarakatan maupun dalam perlembagaan pemerintahan. Peranan ulama sebagai *Tabligh, Tabayyun, tahkim* serta *uswah* sangat tercermin dalam diri Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Adapun point penting yang akan dibentangkan dalam makalah ini mencakup: i. Definisi Ulama Dan Definisi Syariat Islam, ii. Tinjauan Sejarah Tentang Peranan Ulama Dalam Pelaksanaan Syari'at Islam Di Kelantan Serta Peranan Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Menegakkan Syariat Islam Di Kelantan. Manakala bahagian penutup dari makalah ini adalah berisi kesimpulan.

PERBAHASAN

Tinjauan Umum Tentang Ulama

Banyak versi pendapat terkait definisi ulama baik menurut bahasa, terminologi maupun pendapat para ilmuwan. Ulama adalah orang yang mempunyai pengetahuan tentang ayat-ayat Allah SWT baik yang bersifat *kawniyah* maupun yang *qawliah*. Dengan ilmu itu dapat mengantarkan kepada kebenaran Allah SWT serta dapat melahirkan rasa takut, tunduk dan takwa. (M. Quraish Shihab 1994 : 382).

Ibnu Qayyim mengemukakan pendapatnya tentang ulama mengambil pendapat Imam Syafi'I, menurutnya ulama dikaitkan dengan kebolehannya berfatwa yaitu: Pertama, yang dapat berfatwa adalah orang yang mengetahui Al-Quran dengan mengetahui *nasakh* dan *mansukh*, memahami *muhkam* dan *mutasyabih*, memahami *ta'wil* dan *tanzilnya*. Kedua, ulama harus mengetahui al-Hadis. Ketiga, ulama harus mengetahui tatabahasa Arab. Keempat, ulama harus mengetahui ilmu alat yang diperlukan untuk memahami isi Al-Quran dan Hadis. Kelima, ulama mengetahui perbezaan pendapat dikalangan para ulama di pelbagai kota. (Ibnu Qayyim al-Jauziyah: 1993: 51).

Imam al-Gazali membezakan terhadap keperibadian ulama itu sendiri, menurutnya ulama itu ada dua iaitu ulama yang berorientasi dunia dan ulama yang berorientasi akhirat. Ulama yang berorientasi dunia adalah sibuk mengurus urusan dunia dan mengumpulkan harta secara tamak untuk memenuhi keperluan peribadinya manakala ulama yang berorientasi akhirat adalah ulama yang bekerja menurut panggilan hati nurani dan ikhlas kerana Allah SWT dengan tujuan yang sangat mulia iaitu untuk menyelamatkan kehidupan manusia dari kegelapan dan kebodohan menuju

kehidupan yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan cahaya. (Hafifuddin: 2014: 19).

Sementara Wahbah Zuhaili mengemukakan kriteria ulama yang dikutip oleh Rusydi Ali Muhammad (2003: 75-76) adalah:

1. Menguasai Al-Quran
2. Mengetahui Ijma' sehingga ia tidak sampai mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan Ijma'
3. Mengetahui bahasa Arab yang memungkinkannya menggali hukum dari Al-Quran dan Sunnah secara baik dan benar
4. Mengetahui ilmu usul fiqh, kerana melalui ilmu inilah diketahui dasar-dasar dan cara-cara berijtihad.
5. mengetahui nasikh (yang menghapuskan) dan mansukh (yang dihapuskan)
6. Mengetahui permasalahan seputar qiyas, mencakup persyaratan-persyaratannya, illat-illat hukum dan metodologi istimbatnya dari nas.
7. Mengetahui pemahaman tentang maqasid syariyah dalam menetapkan hukum.

Di dalam Al-Quran dijelaskan Ulama adalah seorang pemimpin agama yang dikenal masyarakat akan kesungguhan dan kesabarannya dalam menegakkan kebenaran, sebagaimana firman Allah SWT, yang bermaksud:

"Kami jadikan di antara mereka itu pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami, ketika mereka sabar. Dan adalah mereka meyakini ayat-ayat kami." (Q.S. As-Sajadah (32): 24).

Ulama adalah seorang yang menekuni dan mendalamai agama kemudian mendakwahkannya kepada umat. Allah Azza wajalla menegaskan, yang bermaksud:

"Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tiap-tiap golongan tidak mengutus beberapa orang untuk memperdalam agama lalu memberi peringatan kepada kaumnya, apabila mereka telah kembali; supaya mereka itu dapat menjaga diri." (Q.S. At-Taubah (9): 122).

Dari beberapa definisi yang dikemukakan serta kriteria ulama di atas maka menurut hemat penulis bahwa Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sangat memenuhi ciri-ciri ditetapkannya sebagai seorang Ulama.

Tinjauan Umum Tentang Syariat Islam.

Syariat Islam secara etimologi bermakna jalan menuju mata air (Ibnu Manzhur al-afriqi tt: 40-41). Syariat Islam adalah jalan yang lurus atau jalan yang dilalui air (TM. Hasbi As-Shiddiqy 1974: 19). Menurut terminology, Syari'at adalah sebagai jalan yang harus ditempuh (oleh setiap umat Islam) (Muhammad Daud Ali 2003: 30). Secara teknikal Syari'at dalam bahasa Inggris dikenal dengan istilah *Common Law Of Islam*, yaitu keseluruhan dari perintah-perintah Tuhan, setiap perintah hukum. (A. Rahmat 2006: 37). Menurut Fazlurrahman bahwa Syari'at adalah jalan menuju kehidupan yang baik berupa nilai-nilai agama yang diungkapkan secara fungsional dalam makna yang konkret. (Fazlurrahman 1979 : 100).

Syari'at Islam dapat difahami melalui dua dimensi yaitu dimensi *Ilahiyah* di mana Syari'at sebagai wahyu Allah dan dimensi perintah yang harus dilaksanakan dalam kehidupan. Dalam pengertian istilah, Syari'at Islam adalah mencakup aspek hukum dari ajaran Islam yang lebih berorientasi pada aspek *lahiriyah*. Namun demikian kerana Syari'at merupakan ajaran yang tunggal dan tidak lepas dari akidah sebagai asas dan akhlak yang menjawai dan tujuan

dari Syari'at itu sendiri. Al-Quran dan Hadis sebagai sumber hukum Islam ternyata memuat ketentuan yang bersifat *interpretable* dan ketentuan yang bersifat muktamad. Ketentuan *interpretable* menjadi medan bagi para fuqaha untuk melakukan ijtihad, sehingga melahirkan aturan-aturan hukum yang sesuai dengan keperluan zaman dan masa. (Hafifuddin 2014 : 32).

Kata Syari'at juga sinonim dengan kata fiqh yang artinya pengetahuan tentang Syari'at Islam mengenai perbuatan manusia yang diambil dari dalil-dalilnya secara terperinci atau dengan kata lain merupakan perundangan atau kumpulan hukum-hukum Syari'at Islam mengenai perbuatan manusia yang diambil dari dalil-dalilnya secara terperinci. (Abdul Wahab Khallaf 1996 : 2). A. Qadri Azizy mengatakan bahwa dalam sejarahnya istilah fiqh mengalami perkembangan yang mencakup tiga fasa : Pertama, bahwa fiqh bermakna faham. Pada masa ini fiqh diertikan sebagai memahami agama dari ayat-ayat Al-Quran atau Hadis. Dengan demikian Fiqh mengarah pada proses untuk memahami atau menafsirkan Al-Quran dan Hadis. Kedua, fiqh dan ilmu keduanya mengarah pada pengetahuan (*knowledge*). Dalam tempoh ini fiqh mengarah pada pemikiran tentang agama atau pengetahuan tentang agama. Ketiga, fiqh bererti suatu jenis disiplin dari disiplin ilmu agama Islam iaitu dari disiplin hukum Islam atau hukum positif hukum Islam. (A. Qadri Azizy 2002 : 3-4).

Pengertian Syari'at Islam yang berkembang dewasa ini tentu saja tidak terlepas dari pengertian yang diberikan oleh para pakar, seperti Abdullah Yusuf Ali menerjemahkan kata Syari'ah sebagaimana yang dikutip oleh Syahrizal bahwa Syari'at Islam sebagai *the right way of the religion* (jalan agama yang betul) yang lebih luas dari sekadar ibadah-ibadah formal dan ayat-ayat hukum yang diwahyukan kepada nabi Muhammad SAW. Sementara itu menurut

A. Qadri Azizy bahwa Syari'at berarti jalan besar untuk kehidupan yang baik (*the high way of good life*) yakni nilai-nilai agama yang dapat memberi petunjuk bagi setiap manusia. Lebih fokus lagi apa yang disampaikan oleh Rifyal Ka'bah bahawa memahami Syari'at sebagai hukum Ilahi dengan pengertian bahawa ia adalah **perwujudan konkrit** dari kemahuan Ilahi melalui kepatuhan manusia untuk mengikuti tuntunan-Nya baik dalam kehidupan peribadi maupun dalam kehidupan masyarakat. (Hafifuddin 2014 : 34).

Adapun Syari'at Islam yang dimaksudkan dalam penulisan ini adalah pembumian nilai-nilai agama Islam dalam kehidupan bermasyarakat serta bernegara di Kelantan kaitannya dengan hubungan manusia dengan sang Pencipta, hubungan antara sesama manusia serta hubungan manusia dengan alam.

Tinjauan Sejarah Terhadap Peranan Ulama Dalam Pelaksanaan Syariat Islam Di Kelantan

Kewujudan Islam di Kelantan mempunyai etos²¹ yang tinggi dewasa ini bukanlah muncul secara segera melainkan berangkat dari perjuangan dan perjalanan panjang sejarah pada masa lalu. Terlepas dari keterbatasan implikasi dari ketentuan Perlembagaan Malaysia tentang posisi Islam sebagai agama rasmi, negara turut mendukung menguatnya Islam di Malaysia secara umum dan khususnya Kelantan.

Sejarah masuknya Islam di Kelantan di tandai dengan munculnya kerajaan Islam dengan tarikh 1181 M (577 H). Hal ini dibuktikan dengan penemuan sebuah syiling emas di kota Kubang Labu. Pada syiling emas tersebut tercatat "*Al-Julus Kelantan*" (Kerajaan Kelantan) dan "*Al-Mutawakkil ala Allah*" (Yang berserah kepada Allah) yakni gelar yang dipakai oleh Raja. Menutut catatan

²¹ (étos) sifat ciri sesuatu bangsa, budaya, era, dll

Ibnu Batutah bahawa pada tahun 1297 terdapat raja perempuan yang beragama Islam di Kelantan yang memakai gelar "*Urdūja*". (Fadli Ghani (ed) 2011 : 58).

Pada abad ke-14, muncul seorang ulama yakni Sheikh Ismail yang berasal dari Samudera Pasai dan mengembangkan dakwah Islam di Kelantan. Pada tahun 1349 datanglah seorang ulama yang bernama Syed Hussein Jamadil Kubro dan mengembangkan dakwah Islam di Istana pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Pada perkembangan selanjutnya dakwah Islam di Kelantan tepatnya abad ke-16 muncul seorang ulama dari Patani dan mendirikan beberapa pondok yang berpusat di Kampung Sena, Teluk Manok dan Pauh Bok. Tradisi keilmuan yang ada di pondok ini erat kaitannya dengan Pattani, Aceh dan Mekah.

Peranan Ulama yang signifikan dalam pelaksanaan Syariat Islam terjadi pada abad ke-18 pada masa Dinasti Long Yunus. Hal ini ditandai dengan :

1. Dilantiknya Ulama sebagai penasihat Sultan sejak tahun 1800 diantaranya Sheh Abdul Halim Yunan, Tok Pulai Chondong dan Tuan Guru Haji Abdullah Jalaludin.
2. Terbentuknya institusi Mahkamah Balai sebagai Peradilan Syariah pada 1837 dengan Syed Jaafar Syed Alwi (Engku Hakim) sebagai Qadhi Besar.
3. Dilantiknya Sheikh Wan Abdul Rahman Muda Wan Othman sebagai Mufti Kelantan pada 1837.
4. Pelaksanaan hukum Syariat termasuk Hudud seperti yang tercantum dalam Hikayat Seri Kelantan sejak 1840-an.
5. Penerimaan kitab fiqh *Bughyat al-Mustarsyidin* dan *Mu'in al-Hukkam* sebagai teks Undang-undang Syariat di Kelantan di mulai pada 1840-an.
6. Munculnya sistem pendidikan Pondok di Kelantan pada 1820 hingga Kelantan dapat menggantikan Patani sebagai pusat kajian Islam dan dikenal sebagai Serambi Mekah.

Dalam perkembangan sejarahnya Kerajaan Islam di Kelantan yang pernah ada diantaranya: *Al-Mutawakkil* (Abad ke-12), Dinasti raja Suran (1345-1632), Dinasti raja Jembal (1632-1763), dan Dinasti Long Yunus (1963-sekarang). Namun demikian Kerajaan Islam di Kelantan juga dipengaruhi oleh Siam dan Inggeris pada tahun 1902 kemudian mengubah Undang-undang Syariat Islam termasuk dihapuskannya Mahkamah Islam di Kelantan secara bertahap mulai pada 1911.

Munculnya kelompok Ulama baru yang diketuai oleh Tok Kenali (1870-1933) bersama Dato' Perdana Nik Mahmud dan Dato' Laksamana Mohd Said yang melakukan pembaharuan pelaksanaan Syariat Islam di Kelantan. Adapun pembaharuan yang dilakukan di antaranya adalah :

1. Dibentuknya Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada 1915
2. Didirikannya sekolah MAIK pada 1917 mengikut sistem moden.
3. Penerbitan majalah Pengasoh pada 1918 yang membawa pemikiran pembaharuan Islam.
4. Pengurusan Lembaga Masjid dan Zakat seluruh Kelantan yang dimulai pada 1916.
5. Menjadikan masjid Muhammadi sebagai pusat Pengajian Tinggi Islam seperti Masjidil Haram Mekah.

Setelah perang dunia II (1945), terjadi perubahan politik yang pada akhirnya membawa Malaysia kepada kemerdekaannya pada 1957. Hal ini juga ikut mempengaruhi perkembangan Islam di Kelantan. Terbentuknya parti politik PAS juga sangat berpengaruh terhadap pelaksanaan Syari'at Islam di Kelantan kerana didukung oleh Ulama. Pada tahun 1959 PAS berhasil mengambil alih pemerintahan Kelantan hingga tahun 1978. Selanjutnya terjadi pembaharuan hukum Islam yang dilaksanakan oleh Ulama bersama kerajaan PAS (1959-1978) di Kelantan adalah sebagai berikut:

1. Menghapuskan aktiviti yang bertentangan dengan Syari'at Islam seperti judi, sabung ayam, pelacuran, kelab malam, amalan syirik dan khurafat.
2. Membangun sistem pendidikan Islam melalui pengambilalihan Sekolah Agama Rakyat, mewujudkan biasiswa pengajian Agama, mengadakan sijil agama yang diiktiraf dan mendirikan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) yang diiktiraf setaraf dengan Universiti Al-Azhar.
3. Mewujudkan Undang-undang Mahkamah Syari'ah dan Hal Ehwal Perkawinan Islam pada 1966
4. Memisahkan fungsi Mufti dan Qadhi dan menyusun Institusi Agama

Pada tahun 1978-1990 Barisan Nasional pernah menguasai Kelantan dan tidak mengutamakan pelaksanaan Syari'at Islam. Namun pada tahun 1990 ketika Kelantan dipimpin oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar maka pelaksanaan Syari'at Islam menjadi agenda utama dalam pemerintahan dan segala aspek kehidupan masyarakat di Kelantan. (Mohd. Fadli Ghani (ed), 2011)

Peranan Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Menegakkan Syariat Islam di Kelantan

Dalam rangka menegakkan Syari'at Islam di Kelantan, Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam posisinya sebagai Ulama melaksanakan peranannya melalui beberapa pendekatan diantaranya:

a. Pendekatan Melalui Dakwah

Peranan *Tabligh* sebagai seorang Ulama dijalani Tok Guru baik sebelum mahupun setelah menjadi Menteri Besar Kelantan. Tok Guru aktif berdakwah di setiap kesempatan di majlis-majlis secara formal maupun non formal serta melalui media massa. Teras dari dakwah

Islam sesungguhnya adalah menegakkan pelaksanaan syariat Islam di tengah masyarakat termasuk di pemerintahan. Mengenai hal ini Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat mengungkapkan bahawa melaksanakan syariat bukan sesuatu yang mudah. Ia tidak semudah yang disebut oleh bibir dan tidak semudah memenangkan kerusi dalam Pilihan Raya. Pasti ada liku dan dugaan yang cuba menghalanginya. Pasti ada onak dan duri yang meranjanjau perjalanan untuk menegakkan Islam ataupun melaksanakan Islam dalam sebuah masyarakat. (Wan Ji Wan Husin dan Saifulamri M. Hussin 1982 : 178-179)

Apalagi dalam sekelompok masyarakat dari zaman ke zaman di lingkungan kehidupan yang tidak berasaskan Islam. Segala amalan yang sekian lama berurat-berakar dalam masyarakat tidak mudah untuk dicabut dan dihilangkan dari kehidupan dan digantikan dengan amalan yang bertepatan dengan Islam. Hal ini kerana kebiasaan masyarakat yang sudah mendalam terhadap segala tradisi tersebut akan menimbulkan penolakan seandainya mahu dihapuskan tanpa aturan yang jelas.

Justeru tidak menghairankan apabila ditelusuri sejarah pemerintahan para khalifah tidak semua tuntutan Islam dapat mereka laksanakan sempurna mungkin sepanjang memegang tampuk pemerintahan. Tidak heran juga apabila kita melihat usaha mereka melaksanakan Islam itu mengalami berbagai cabaran dari mereka yang membenci Islam. (Wan Ji Wan Husin dan Saifulamri M. Hussin 1982 : 189)

Bahkan pada zaman Rasulullah SAW sendiri, usaha baginda senantiasa mendapat pertentangan dari pihak yang tidak menyukainya. Bukan saja kalangan musuh yang nyata akan tetapi di kalangan pengikut sendiri terkadang timbul kekeliruan ketika sesuatu pelaksanaan dasar berkaitan Islam itu hendak dilaksanakan.

Adapun penentangan pihak musuh itu adalah disebabkan sifat asli mereka yang selamanya tidak mahu menerima Islam. Ini bukan perkara yang memusingkan kepala kerana mereka ini telah nyata kekufurannya dan selamanya akan menolak dan menentang Islam.

Adanya kekeliruan di kalangan pengikut biasaannya timbul lantaran ketidakfahaman mereka terhadap apa yang mahu dilaksanakan oleh pemerintah. Kebodohan yang masih membelit diri menyebabkan mereka sulit untuk melihat kebenaran yang ada pada sesuatu dasar atau pelaksanaan itu. Justru mereka akan bertanya dan mempersoalkan. Bahkan tidak mustahil mereka akan menolaknya juga andai tidak diberikan pemahaman tentangnya.

Oleh sebab itu memberikan pemahaman kepada masyarakat mengenai Islam itu sangat penting. Ia hendaklah senantiasa menjadi keutamaan kepada pihak pemerintah demi memastikan kebodohan rakyat tentang Islam dapat dibasmi. Dengan kata lain, memberikan pemahaman tentang Islam itu adalah kerja yang tidak boleh terhenti dan hendaklah disemarakkan agar setiap pelaksanaan berkaitan dengan Islam dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Dengan adanya pemahaman dari orang banyak maka sudah tentu sesuatu dasar dan pelaksanaan yang ingin dilakukan oleh sebuah kerajaan itu akan mendapat keberhasilan. Ibarat kata pepatah ‘tak kenal maka tak cinta’. Justeru apabila sudah kenal maka cinta itu akan datang lantas hati akan dapat menerimanya dengan mudah.

b. Pendekatan Tadaarruj

Aplikasi dari peranan *Tabayyun* seorang Ulama tercermin dari Konsep pelaksanaan Islam secara *tadarruj* (bertahap) yang dilakukan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Konsep *Tadarruj* bukanlah sesuatu yang salah bahkan hal itu sangat sesuai dengan kehendak *Syariah Islamiyah* yang meletakkan asas bahwa agama Islam adalah agama yang mudah. Dengan kata lain, dengan *tadarruj* ia tidak akan membebankan semua pihak lantas membuktikan betapa Islam tidaklah menyusahkan umatnya.

Firman Allah SWT, yang bermaksud:

"Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu." (al-Baqarah: 185)

Juga firman Allah SWT, yang bermaksud:

Allah hendak memberikan keringanan kepadamu, dan manusia dijadikan bersifat lemah." (an-Nisa': 28)

Di antara kemudahan yang terkandung dalam syariah Islam adalah Allah SWT mensyariatkan wujudnya *rukhsah* atau ‘keringanan’ dikala mendapatkan kesusahan dalam melaksanakan Islam. Dari Abdullah bin Umar, sabda Rasulullah SAW, yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah menyukai rukhsah, sebagaimana Allah benci melakukan maksiat.*

Di antara kemudahan yang dibenarkan dalam Islam adalah Allah SWT membolehkan melakukan hal yang haram ketika bertemu unsur mudarat.

Firman Allah SWT, yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. tetapi Barangsiapa dalam Keadaan terpaksa (memakannya) sedang Dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, Maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Al-Baqarah: 173)

Di antara kemudahan yang dianjurkan dalam Islam adalah pelaksanaan secara bertahap. Ini berdasarkan kepada keadaan dan keperluan semasa pada ketika itu. Hal ini bisa dilihat pada permulaan Islam yang mana arak itu tidak diharamkan secara langsung. Sebaliknya diharamkan secara bertahap.

Sunnah alam telah menyatakan semua perkara itu bermula dari sesuatu yang kecil yang seterusnya akan menjadi besar dan terus membesar. Kekuatan itu berawal dari kelemahan. Tidak ada suatu kekuatan itu berawal dari sesuatu yang kuat bahkan semestinya berawal dari kelemahan. Tidak ada manusia itu pintar melainkan mereka berawal dari kebodohan.

Keadaan yang sama juga dalam pelaksanaan Islam. Jika tidak mampu melaksanakannya secara sempurna dalam keadaan sekarang, tetapi perlu mempunyai usaha untuk melaksanakannya pada masa yang akan datang. Yang penting ialah usaha untuk menyempurnakan pelaksanaan Islam itu hendaklah diteruskan. Meskipun adanya keringanan dalam hukum Islam bukan bermakna kita memudahkan segala sesuatu dan memilih yang sesuai saja untuk dilaksanakan tanpa ada usaha untuk memastikan keseluruhan Islam itu diupayakan untuk dilaksanakan.

Yang paling penting adalah pemahaman dari masyarakat. Setelah itu proses mensyariatkan hukum itu dapat

berlaku secara langsung ketika kesadaran mulai timbul hasil dari pemahaman masyarakat sendiri.

c. Pendekatan Dengan Mendahulukan Pemahaman Masyarakat

Mendahulukan pemahaman terhadap Islam adalah sesuatu yang amat penting, maka Islam amat menekankan persoalan memberikan kefahaman. Atau dengan kata lain, Islam amat menekankan umatnya menjadi umat berilmu agar mereka dapat memahami segala yang berkaitan dengan kehidupan dan seterusnya dapat menjadikan diri mereka sebagai insan yang bisa menerima kesyumannan Islam sebagai cara hidup. Oleh sebab itu tidak hairan Allah SWT mengawali turunnya al-Quran itu dengan ayat, yang bermaksud: "*Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan,*" (*Al-Alaq:1*)

Ayat ini menggambarkan betapa Islam itu datangnya dengan ilmu. Islam itu datangnya dengan memberikan penekanan terhadap penguasaan ilmu. Dengan cara ini hal ini akan dapat melahirkan umat yang benar-benar faham tentang Islam.

Cara dan kaedah mendahulukan pemahaman Islam dibandingkan dengan pelaksanaan Islam ini ternyata dilaksanakan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz dalam pemerintahannya. Hal ini kerana Nik Aziz menyadari betapa pentingnya pemahaman kepada seluruh rakyat terhadap sesuatu akan memudahkan sesuatu dasar itu dilaksanakan dengan lebih sistematis dan lancar. Bahkan dengan adanya pemahaman di kalangan rakyat maka mereka dengan mudah dapat melihat manfaat dan lantas menerimanya. Lebih utama lagi pemahaman itu kelak akan mendorong rakyat untuk memastikan keberhasilan pelaksanaannya.

Oleh sebab itu kerajaan Kelantan sangat menitikberatkan persoalan menciptakan rakyat berilmu khususnya ilmu agama yang dapat membimbing mereka menjalani kehidupan di jalan yang diredai Allah SWT. Sebab itulah dapat dilihat majlis-majlis ilmu amat digalakkan. Masjid misalnya senantiasa digalakkan untuk dimakmurkan dengan majlis-majlis ilmu. Masjid bukan saja dikhususkan untuk solat, tetapi juga menjadi tempat untuk menuntut ilmu.

Bahkan jika kita berada di Pasar Siti Khadijah misalnya, akan kedengaran kuliah atau ceramah dari pembesar suara suraunya. Ini merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan negeri untuk membudayakan ilmu dalam kehidupan masyarakat negeri Kelantan.

Di samping itu, Tuan Guru Nik Abdul Aziz sebagai Ketua Kerajaan sendiri senantiasa memastikan pembentukan masyarakat yang akrab dengan budaya menuntut ilmu dapat dilaksanakan di negeri Kelantan. Beliau sendiri tidak pernah jemu berada di tengah masyarakat di dataran Ilmu di tengah-tengah bandar Kota Bharu untuk menyampaikan kuliah Jumat. Bahkan menamakan kawasan tersebut dengan nama Dataran Ilmu juga membuktikan betapa Kerajaan Negeri amat berkomitmen untuk menciptakan masyarakat berilmu.

Ini semua memastikan bahwa rakyat benar-benar paham tentang Islam dan seterusnya dapat membantu rakyat menilai dasar-dasar dan pelaksanaan Islam yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Ia seharusnya akan dapat memastikan rakyat tidak keliru dan tidak mudah diracuni oleh pengaruh pihak musuh. Seterusnya ia akan memastikan setiap pelaksanaan dasar yang berlandaskan Islam di negeri Kelantan langsung mendapat dukungan dari seluruh rakyat.

Selanjutnya kita dapat melihat bagaimana Tuan Guru Nik Abdul Aziz sendiri secara langsung menerangkan kepada rakyat tentang sesuatu dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan Negeri. Beliau tidak hanya mengarahkan sesuatu itu dilaksanakan dari ‘bilik pejabat’nya tanpa turun ke lapangan untuk memberikan pemahaman kepada rakyat tentang apa yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan.

Oleh sebab itu dapat ditemui masalah keadilan dan kesejahteraan masyarakat yang berlandaskan kepada Islam menjadi hal yang sangat penting dalam setiap ceramah dan kuliah Nik Aziz. Terlebih lagi ketika menghuraikan sesuatu dasar yang mahu dilaksanakan oleh kerajaan Negeri pimpinannya. Hal ini bertujuan menghindarkan terjadinya salah faham di kalangan rakyat, sekaligus menghindarkan timbulnya masalah yang tidak sepatutnya, yang kelak akan menghalangi tercapainya matlamat yang menjadi sasaran pelaksanaan dasar tersebut.

Pada awal pemerintahan Tuan Guru Nik Abdul Aziz, banyak masalah yang berhasil diatasi dalam pemerintahan tanpa mendapat suatu halangan dari rakyat. Ini membuktikan bahwa dalam pelaksanaan tersebut mendapat dukungan rakyat sekaligus membuktikan bahwa Kerajaan Negeri berhasil melaksanakan tanggungjawab mereka tanpa menimbulkan rasa kurang senang di kalangan rakyat.

Sokongan rakyat terhadap beberapa perubahan yang dibuat pada awal pemerintahan juga merupakan satu pertanda betapa kerajaan pimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz mendapat tempat di hati rakyat untuk melaksanakan satu sistem pemerintahan yang bersandarkan kepada tuntunan agama Islam. Dengan kata lain usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup rakyat di negeri Kelantan mendapat respon yang cukup baik.

Selain itu peranan *Tahkim* diaplikasikan oleh Tok Guru melalui melaksanakan peraturan undang-undang dalam bentuk dasar-dasar yang berkaitan dengan penerapan hukum Islam adalah sebagai berikut:

1. Pengharaman judi yang dilaksanakan sejak 1 Januari 1992.
2. Menutup kelab-kelab malam dan lain-lain.
3. Menghapus kegiatan pelacuran.
4. Menggalakkan dan melaksanakan etika berpakaian Islam (menutup aurat).
5. Menguatkuaskan peraturan salon dengan mengkhususkan wanita bagi wanita dan lelaki bagi lelaki.
6. Menguatkuaskan peraturan penjualan arak. Semua jenis arak tidak dibenarkan lagi dijual dan diminum di tempat umum termasuk di hotel-hotel, restoran-restoran ataupun di gerai-gerai makanan. Bagi non muslim boleh minum di rumah-rumah kediaman mereka ataupun di tempat-tempat yang bukan tempat umum.
7. Pemisahan tempat pembayaran di semua pusat perniagaan antara lelaki dan perempuan.
8. Menutup pusat hiburan, permainan snooker (billiard) diperbolehkan dengan waktu yang terbatas dan diawasi dengan ketat.
9. Menggalakkan papan tanda berunsur dakwah, berisi ayat Al-Qur'an dan doa, melarang gambar wanita yang bertentangan dengan Islam (harus menutup aurat).
10. Membuat peraturan tentang pelancongan yang berprinsipkan Islam misalnya pelancong asing tidak bebas berpakaian tidak sopan kecuali di tempat-tempat tertentu saja.

Selanjutnya yang tidak kurang penting peranan Tok Guru adalah perjuangannya dalam menerapkan *hudud* di Kelantan dengan penggubalan Kanun Jenayah Syariyah II (1993). Ketika *Hudud* belum dapat dilaksanakan kerana mendapat banyak halangan maka

perjuangan Tok Guru tidak berhenti tetapi terus memberikan pemahaman kepada rakyat melalui dakwah, pendidikan dan politik dalam rangka upaya pencegahan kesalahan-kesalahan *Hudud* tersebut.

d. Pendekatan Melalui *Amar Ma'ruf Nahi Munkar*

Pelaksanaan syariah sudah tentu tidak dapat lari dari prinsip hukum Islam, usaha ke arah *amar ma'ruf nahi munkar*, mencakup semua aspek pemerintahan negeri, kehidupan dan kebebasan rakyat dan keadilan kepada seluruh rakyat. Tugas ini pula hendaklah dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan amanah. Sebagai sebuah parti Islam, PAS memahami prinsip pelaksanaan Islam dalam sebuah negeri yang diperintah dengan makna yang lebih umum. Sebagai salah satu negeri yang berpegang kepada semangat federalisme di Malaysia, negeri Kelantan amat memahami ruang lingkup dan kuasa negeri seperti yang dicatatkan dalam Perlembagaan Malaysia yang menjadikan beberapa aspek yang sepatutnya dilakukan tidak dapat dilaksanakan kerana halangan ini.

Sungguhpun demikian sebagai seorang ulama, Menteri Besar Kelantan amat faham tentang prinsip dan kehendak pelaksanaan syariah sehingga negeri Kelantan kukuh dengan dasar yang diperkenalkan lebih 20 tahun yang lalu, iaitu Membangun Bersama Islam. Menteri Besar Kelantan yang didukung oleh para ulama dan professional telah berhasil menunjukkan kepada masyarakat Malaysia kekuatan semangat dan daya juang, keyakinan kepada prinsip Islam seperti yang dipandu oleh kepemimpinan parti diperingkat pusat.

Analisis penulis bahawa peranan *uswah* seorang Tok Guru sangat melekat di dalam dirinya. Dalam melaksanakan *amar ma'ruf*

nahi munkar, Tok Guru selalu memulai dari dirinya sendiri. Teladan yang ditunjukkan oleh Tok Guru mencakup teladan dalam memimpin Kerajaan Negeri, memimpin Rakyat serta memimpin keluarga. Teladan dalam bentuk kesederhanaan dalam keperibadiannya sangat menginspirasi rakyat. Tok Guru jauh dari kemewahan. Hal ini juga dapat dilihat dari penampilan sehari-hari baik dalam cara berpakaian maupun dalam segala tindakan.

Penutup

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahwa kewujudan Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai seorang Ulama tidak diragukan lagi. Hal ini dapat dibuktikan bahawa dalam rangka pelaksanaan Syariat Islam di Kelantan dilakukan oleh beliau melalui beberapa pendekatan diantaranya pendekatan dakwah, *tadarruj*, pemahaman dan *amar ma'ruf nahi munkar*. Selanjutnya peranan seorang Ulama adalah sebagai *tabligh*, *tabayyun*, *tahkim* dan *uswah* sudah melekat pada diri Tok Guru dan teraplikasi dalam kehidupannya.

Keberhasilan Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam membumikan Syariat Islam di Kelantan juga tidak lepas dari kedudukannya sebagai *Umara* yakni Menteri Besar dalam tempoh masa yang cukup lama serta yang tidak kurang penting perjuangannya mendapat sokongan dari seluruh jentera pemerintahan dan rakyat Kelantan.

Rujukan

Alwi Hasan, Abdullah, 1996, *The Administration of Islamic Law In Kelantan*, (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur)

Atjeh, Abu Bakar, 1979, *Beberapa Catatan Mengenai Dakwah Islam*, (Ramadani: Semarang)

Djazuli, A, 2010. *Ilmu Fiqh (Penggalian, Perkembangan, dan Penerapan Hukum Islam)*, (Kencana: Jakarta)

Ghani, Mohd. Fadli (Ed), 2011, *Dua Dekad Kelantan, Membangun Bersama Islam*, (Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan: Kota Bharu)

Hafifuddin, 2014, *Peranan Ulama Dalam Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh*, (Kaukaba Dipantara: Yogyakarta)

Hafiz, Mohd Aizat Mohd Salleh al-,2015, *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nikmat*, (Publishing House: Selangor)

Imam Bukhari, tt, *Shahih al-Bukhari*, Juz 22,(Dar al-Fikr: Beirut)

Jamal Mohd. Lokman Sulaiman, *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nikmat, Seorang Ulama' serta Ahli Politik Malaysia di Abad ke- 20*

M. Kamil, M. Amiro Safwan, *Bicara Ini Untuk Murabbi*, 2015, (Ultimate Print SDN. BHD: Selangor Darul Ehsan)

M. Natsir, 1989, *Fiqhud Da'wah*, (Media Da'wah: Jakarta)

Nata, Abdullah, 1994, *Al-Quran dan al-Hadis*, (Raja Grafindo: Jakarta)

Quraish Shihab, 1995, Membumikan Al-Quran (Mizan: Bandung)

Saripan Rahmat, 1991, *Ulama dan Kehidupan Keagamaan Pada Awal Kurun Ke 20 Dalam Ulama Terengganu: Suatu Sorotan*,
(Utusan Publication: Kuala Lumpur)

Syaltut, Mahmud, 1996, *Al-Islam Aqidah wa Syari'ah*, Cet ke III, (Darul Kalam: Kairo)

Wan Nik Wan Yussof, 2011, *Perspektif Tok Guru*, (Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan: Kota Bharu)

Wan Ji Wan Husin dan Saifulamri M. Hussin, Kezuhudan Umar Abdul Aziz Kesederhanaan Nik Abdul Aziz, (Kemilau Publik: Selangor).

Zuhaili, Wahbah az-, 2011, *Fiqih Islam wa Adillatuhu*, Jilid 7, terj.
Abdul Hayyie al-Kattani dkk, (Gema Insani: Jakarta)

Zain, Shaharir Mohammad, 2011, *Kepemimpinan Tok Guru Nika Aziz Mengikut Pandangan Sarjana Kepemimpinan Sepanjang Zaman*, (Kaab Interprise: Kuala Lumpur)

BAB 7

SUMBANGAN ALMARHUM TUAN GURU NIK AZIZ TERHADAP PEMBANGUNAN KELANTAN

Mohd Syakir Mohd Rosdi

Pengenalan

Kelantan berada di bawah PAS selama dua period. Period pertama ialah PAS berjaya menguasai kerajaan negeri Kelantan melalui pilihan raya pertama selepas merdeka pada Ogos 1959 dengan memenangi 28 daripada 30 kerusi DUN. Period ini hanya bertahan sehingga tahun 1977 kerana berlakunya ketidakstabilan politik Kelantan yang menyebabkan kerajaan mengisytiharkan darurat. Pilihan raya diadakan pada tahun 1978, tetapi PAS hanya memenangi dua kerusi sahaja. Bagi period pertama ini, ia masih belum dipimpin oleh Tuan Guru.

Period kedua ialah pada tahun 1990 sehingga kini. Untuk period kedua ini, Tuan Guru memimpin sebagai Menteri Besar dari tahun 1990 sehingga tahun 2014. Period ini adalah period terlama kepimpinan PAS di Kelantan iaitu selama lebih 5 penggal. Antara sebabnya dikatakan bahawa rakyat merasa selesa dengan dasar pentadbiran Kelantan yang berasaskan Islam (Ismail Yusoff, 2015). Muncul slogan Membangun Bersama Islam, *Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur*, Kekal Kepimpinan Ulama, Pembangunan Islam Membawa Berkat dan Bahagia di Dunia Sejahtera di Akhirat yang menjadi *benchmark* (kayu ukur) kepada pemerintahan PAS di

Kelantan. Semua slogan ini terhasil daripada satu slogan utama kerajaan negeri Kelantan iaitu Membangun Bersama Islam yang menjadi slogan utama pemerintahan Tuan Guru di Kelantan.

Kritikan Pembangunan Islam di Kelantan Era Tuan Guru

Sumbangan terbesar Tuan Guru kepada pembangunan Kelantan ialah sumbangan idea atau pemikiran pembangunan kerohanian (Zaleha Embong, 2009). Tiga teras utama dalam pembangunan kerohanian negeri Kelantan ialah *Masuliyah* (kebertanggungjawaban), *Itqan* (kesungguhan) dan *'Ubudiyah* (pengabdian). Tiga teras ini menjadi tonggak awal cetusan idea Tuan Guru untuk membangunkan Negeri Kelantan secara berteraskan Islam (Wan Noor Anis Amaleena W. Ab. Aziz, 2017).

Menurut Zaleha Embong (2009), ketiga-tiga teras ini adalah bertepatan dengan prinsip *tasawur Islam* untuk pembangunan Islam seperti yang diutarakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2003) dalam karyanya *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*²². *Tasawur Islam* yang dimaksudkan mempunyai tiga elemen asas iaitu Allah SWT sebagai pencipta, manusia sebagai makhluk dan sumber alam juga adalah makhluk yang mesti taat dan patuh kepada Allah SWT. Ketiga-tiga elemen ini adalah berasaskan kepada epistemologi Islam yang bersumberkan al-Quran, Hadith, ijmak dan qiyas.

Permulaan idealisme Tuan Guru agak sukar diketengahkan kerana masyarakat telah terbiasa dengan kehidupan sebelum ini di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) yang kurang Islamik selama lebih kurang 12 tahun. Di samping itu, berlaku pelbagai kritikan terhadap pemerintahan PAS di Kelantan.

²² Prinsip ini kemudiannya diperdalamkan lagi oleh Mohd Shukri Hanapi (2012) dalam pengkajiannya mengenai tasawur Islam dalam al-Qur'an.

Walaupun setelah 20 tahun lebih memperkenalkan dasar Membangun Bersama Islam ini, pemerintahan PAS di Negeri Kelantan masih menggunakan sistem dasar Neo-Klasikal seperti yang diamalkan oleh Kerajaan Pusat. Hal ini seperti menurut Muhammad Syukri Salleh (2000) kerajaan Negeri di bawah pemerintahan PAS seperti di Kelantan tidak menghapuskan secara total sistem falsafah Neo-Klasikal, iaitu tidak mendefinisikan semula erti pembangunan secara jelas mengikut Islam. Kaedah pemerintahan PAS di Kelantan dilihat masih sama seperti yang diamalkan oleh Kerajaan Pusat.

Walau bagaimanapun, dengan dasar Membangun Bersama Islam, PAS telah berusaha dengan sedaya upaya untuk mengislamisasikan sistem ekonomi politik dengan menggunakan kaedah *top-down*. Namun, kaedah *top-down* yang diguna pakai oleh kerajaan negeri Kelantan juga mempunyai beberapa kekurangan. Antaranya pertama, walaupun berjaya mempositifkan persepsi rakyat Kelantan, tetapi persepsi selalunya boleh berubah. Kedua, rakyat tidak mempunyai rasa kepunyaan (*sense of belonging*) terhadap program-program yang dilaksanakan (Muhammad Syukri Salleh, 2000).

Selain itu, penguatkuasaan enakmen kawalan hiburan 1998 yang menggariskan kaedah mengikut peraturan-peraturan kawalan hiburan dan tempat-tempat hiburan 1999 dan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 16 Februari 1994 (Dinsman, 2000: 121) telah mendapat kritikan oleh Ketua Pemuda UMNO Kelantan ketika itu iaitu En. Dali Hussin. Beliau berkata seperti berikut:

"Kerajaan negeri pimpinan PAS Kelantan tidak habis-habis mengundang kontroversi dalam soal hiburan. Isu berhubung rancangan mahu membawa artis rock dari

Barat untuk mengadakan konsert khas termasuk rancangan mengundang Yusuf Islam/Cat Stevens ke Kelantan. Saya tidak hairan dengan tindakan PAS kerana mereka tidak pernah konsisten dalam menegakkan syiar Islam. Kerajaan negeri sebenarnya tidak perlu mengundang artis Barat untuk menghiburkan rakyat kerana Kelantan sendiri merupakan sebuah "lubuk budaya" yang kaya dengan pelbagai seni warisan" (Bernama, 1 Disember 2006).

PAS khususnya PAS Kelantan dikatakan tidak Islamik kerana mereka bekerjasama dengan parti China yang bukan Islam iaitu DAP dan membenarkan pembinaan kuil Hindu dan patung Buddha pada tahun 1991. Zaid Fadzil²³ pula menyatakan bahawa kerajaan negeri adalah bersih dan jujur, namun pemimpin-pemimpin PAS Kelantan kurang pengalaman praktikal dalam pentadbiran negeri (Ismail Yusoff, 2015).

Pembangunan Ekonomi Islam Terealisasi Di Bawah Slogan Membangun Bersama Islam

Pada tahun 1973 pihak kerajaan telah melancarkan unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri sebagai penghubung kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan. Melalui hubungan ini, berbagai dasar ekonomi digariskan supaya dapat menyelesaikan masalah ekonomi dan meningkatkan pembangunan negeri Kelantan. Antara penyelesaiannya ialah Tun Abdul Razak mengumumkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan dua matlamat utama iaitu membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat (Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali, 1990).

²³ Zaid Fadzil ialah bekas wakil rakyat HAMIM dan calon UMNO dalam pilihanraya 1999.

Jadual 1 Pembangunan Ekonomi Islam Negeri Kelantan

Pembangunan Ekonomi
1. Dasar Jimat Cermat
2. Pengharaman Judi
3. Pemindahan Akaun Simpanan Tetap Kerajaan
4. Sistem Gadaian Islam (Al-Rahn)
5. Tabung Serambi Mekah

Sumber: Zaleha Embong (2009:91)

Seperti yang digambarkan dalam Jadual 1, lima pembangunan ekonomi Islam yang telah diusahakan sepanjang kepimpinan Tuan Guru. Pertama, dasar jimat cermat, pengharaman judi, pemindahan akaun simpanan tetap kerajaan, sistem gadaian Islam (al-Rahn) dan tabung serambi Mekah. Selain daripada lima usaha ini, terdapat usaha-usaha lain juga yang dilakukan oleh Tuan Guru seperti pelancaran Tabung Tok Kenali.

Usaha-usaha pembangunan ekonomi Islam di Kelantan ini bukan sahaja membuka peluang kepada peniaga Muslim, tetapi juga ia memberi peluang ekonomi kepada golongan bukan Islam (Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2015). Terdapat perniagaan swasta di Kelantan yang dikelola oleh bangsa Cina, India dan Siam yang bukan beragama Islam. Kebanyakkan mereka lebih berminat menggunakan sistem ekonomi kapitalisme dalam industri mereka. Sistem ini melihat kepada peluang untuk mengaut keuntungan. Sedikit sebanyak ia mengganggu proses pembangunan ekonomi Islam. Walau bagaimanapun, menurut Fadhli Shaari (2012), tindakan membuka peluang ekonomi kepada bukan Islam ini diperbolehkan kerana ia diamalkan juga pada zaman Rasulullah SAW yang disebut sebagai hubungan antara kaum.

Kerjasama yang diputuskan hasil daripada kerjasama ekonomi dan politik antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri membuatkan pembangunan ekonomi politik Negeri Kelantan dengan dasar Membangun Bersama Islam tidak boleh bercanggah dengan dasar kerajaan Pusat. Kerajaan Kelantan tidak boleh menghalang kemasukan golongan bukan Islam untuk menjalankan perniagaan di Kelantan. Kerajaan Kelantan terpaksa akur untuk membuka peluang perniagaan kepada bukan Islam bagi mengelak berlaku sebarang pertembungan dengan golongan bukan Islam dan kerajaan pusat (Ab Rahman Ismail, 1999).

Maksudnya di sini, negeri Kelantan merupakan salah satu negeri di Malaysia. Oleh yang demikian, negeri Kelantan tidak terkecuali daripada pengaruh ekonomi kapitalisme yang diamalkan oleh golongan bukan Islam. Maka persoalannya, adakah kerajaan Negeri Kelantan mampu membendung perkembangan ekonomi kapitalis tersebut dalam masa yang sama mahu memperkembangkan lagi sistem ekonomi Islam? Jawapannya kemungkinan besar tidak mampu.

Realitinya, daripada majoriti orang Melayu sebanyak 65.1 peratus, hanya 19.4 peratuskekayaan negara dikuasai orang Melayu, manakala minoriti kaum Cina sebanyak 26 peratus menguasai 42.4 peratus. DEB juga dibina adalah disebabkan ketidakseimbangan tersebut. Ia dibentuk setelah berlaku peristiwa 13 Mei. Objektif DEB dalam membasmi kemiskinan membuka ruang yang lebih besar kepada kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera menceburidang ekonomi di samping bidang politik (Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali, 1990).

Politik Pembangunan Islam Terealisasi di Bawah Slogan Membangun Bersama Islam

PAS berada di bawah sistem pemerintahan pusat yang berdasarkan federalisme (Shaikh Mohd Noor Alam, 1988). Demi kepentingan rakyat, kerajaan Kelantan bersedia bekerjasama dengan kerajaan pusat. Walaupun terdapat beberapa pertikaian seperti wang royalti minyak dan penyaluran kewangan pembangunan kepada bukan kerajaan negeri, namun kerjasama politik bagi perancangan pembangunan oleh Pusat tidak dapat dipisahkan dengan pembangunan negeri Kelantan. Tindakan ini adalah berpandukan pengamalan politik Malaysia yang berdasarkan federalisme.

Perancangan pembangunan negeri Kelantan oleh kerajaan pusat membawa kepada dasar pembangunannya yang sama dengan dasar pembangunan kerajaan persekutuan (Mohamad Agus, 2002). Bezanya kerajaan Kelantan mahukan cara Islam, manakala kerajaan Pusat mahukan cara kapitalis.

Cara Islam ini terserlah apabila dalam manifesto Pilihan Raya Umum 1990, PAS berikrar akan melaksanakan Hukum Hudud di Kelantan jika memerintah negeri itu (*Manifesto Pilihan Raya Pas bertajuk Program Pas Negeri Kelantan 1990*). Hal ini seperti yang dijelaskan oleh pemimpin kerajaan negeri Kelantan seperti berikut:

"Hendak melaksanakan hukum hudud di negeri ini (Kelantan) hanya boleh dibuat jika mendapat perhatian dan kerjasama daripada semua pihak" (*Utusan Malaysia*, 11 Februari 1998).

Walaupun sehingga kini PAS masih tidak dapat melaksanakan hudud di Negeri Kelantan, jika berdasarkan Jadual 2, kerajaan Kelantan di bawah pimpinan Tuan Guru telah pun melaksanakan

sesuatu. Terdapat empat perkara yang dilaksanakan iaitu dasar pentadbiran Islam, Kota Bharu sebagai bandar raya Islam, membudayakan penghayatan al-Quran dan penguatkuasaan enakmen kawalan hiburan.

Jadual 2 Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

Pembangunan Politik
1. Dasar Pentadbiran Islam ('Ubudiyah, Masuliyah & Itqan)
2. Kota Bharu Sebagai Bandar raya Islam
3. Membudayakan Penghayatan al-Qur'an
4. Penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan

Sumber: Zaleha Embong (2009:91)

Walaupun mendapat kekangan untuk melaksanakan Islam, menurut Mohd Syakir Mohd Rosdi (2016), kaedah *tahaluf* yang digunakan dalam sistem federalisme oleh kerajaan Kelantan seperti yang diamalkan sekarang berkesan bagi mengelakkan daripada berlaku sebarang pertembungan ketara antara kerajaan Negeri Kelantan dengan kerajaan pusat. Pendekatan ini sesuai digunakan supaya perjalanan politik Malaysia menjadi lebih harmoni. Namun begitu, sistem federalisme ini membawa keterbatasan kepada kerajaan Negeri Kelantan dalam menguruskan pentadbiran dan pembangunan untuk mencapai visi dan misi pembangunan berteraskan Islam kerajaan negeri.

Pembangunan Sosial Islam Terealisasi Di Bawah Slogan Membangun Bersama Islam

Daripada Jadual 3 yang digariskan, terdapat lima perkara yang dilaksanakan ketika di bawah pimpinan Tuan Guru untuk membangunkan sebuah masyarakat Islamik. Pertama, kempen bulan sembahyang; kedua, kempen menutup aurat; ketiga, minggu kemurnian akhlak; keempat, papan tanda berdasarkan al-Quran dan doa; dan kelima, penubuhan sekolah tahlif al-Quran.

Jadual 3 Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

Pembangunan Politik
1. Kempen Bulan Sembahyang
2. Kempen Menutup Aurat
3. Minggu Kemurnian Akhlak
4. Papan Tanda Berdasarkan Al-Qur'an dan Doa
5. Penubuhan Sekolah Tahlif Al-Qur'an

Sumber: Zaleha Embong (2009:91)

Cabarannya tetap ada, namun PAS tetap berusaha untuk mengIslamisasikan sosial dengan memperkenalkan dasar Membangun Bersama Islam (Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, 1996). Dengan pendekatan *tahaluf* yang digunakan, kerajaan Kelantan dilihat tidak merombak sistem yang ada, sebaliknya mencari kaedah yang sesuai untuk memansuhkan aktiviti yang diharamkan dalam Islam. Kerajaan Negeri Kelantan berusaha untuk memerangi maksiat yang berleluasa di Kelantan ekoran kewujudan pusat-pusat hiburan seperti Biariz Park (Show Wakaf Siku) yang menawarkan pelbagai hiburan seperti tarian joget, menora,

makyung, wayang kulit yang melibatkan percampuran lelaki dan perempuan (Sahawati Harun, 2012).

Kerajaan Negeri Kelantan telah mengarahkan lesen perniagaan di Biariz Park ditamatkan tetapi mendapat tentangan daripada Penasihat Undang-Undang Kerajaan yang dihantar oleh Kerajaan Pusat dengan alasan Kerajaan Negeri boleh didakwa kerana Biariz Park terpaksa menanggung kerugian. Pihak polis juga tidak memberikan kerjasama dalam penutupan premis tersebut. Perniagaan Biariz Park terus berjalan seperti biasa. Dengan kaedah *tahaluf*, kerajaan Negeri Kelantan terus menjalankan gerakan dakwah sehingga meningkatkan kesedaran masyarakat. Akhirnya, Biariz Park tidak lagi dikunjungi masyarakat sehingga mereka terpaksa melakukan penutupan (Sahawati Harun, 2012; Suhana Saad & Marsitah Mohd Radzi, 2009).

Selain itu, kerajaan negeri Kelantan menutup premis-premis judi yang beroperasi ketika pemerintahan BN sebelum ini. Lesen tidak lagi dikeluarkan dan aktiviti perjudian yang dilarang oleh semua agama telah dihentikan. Begitu juga, kerajaan negeri melarang menjual dan menyediakan arak di tempat awam, hotel dan restoran yang dikuatkuasakan mulai 1 Julai 1993. Semua jenis arak tidak dibenarkan lagi diminum di tempat awam, termasuk hotel, restoran atau kedai makan. Namun, bagi orang bukan Islam boleh minum di rumah kediaman mereka atau di tempat bukan tempat awam (Sahawati Harun, 2012; Ahmad Mawardi Abdullah, 2009).

Daripada penjelasan tersebut, Islamisasi pembangunan sosial sewaktu Tuan Guru memimpin di Kelantan dilaksanakan dalam dua perkara. Pertama, membangunkan sistem pengurusan sosial gaya Islam. Kedua, mengIslamkan (melaksanakan elemen pembangunan berteraskan Islam) setiap aktiviti atau program dalam

pembangunan dan pentadbiran sosial tanpa meruntuh kerangka sistem konvensional sedia ada (Sahawati Harun, 2012).

Sumbangan lain pembangunan sosial Tuan Guru ketika memimpin ialah PAS Kelantan mengisyiharkan Kelantan Negeri Berkebajikan. Pengisyiharan ini sebenarnya memberi kesan kepada pemerintahan Negeri Kelantan apabila secara tidak langsung berlaku peralihan tumpuan daripada Membangun Bersama Islam kepada Negara Berkebajikan. Sehinggakan Negeri Kelantan diisyiharkan sebagai negeri contoh Negeri Berkebajikan PAS²⁴. Dasar Berkebajikan

²⁴ Husam Musa (2008) menjelaskan Kelantan merintis Negeri Kebajikan. Faktor kepada kesejahteraan pelbagai lapisan penduduk Kelantan seperti skim yang diperkenalkan Kerajaan Kelantan adalah demi kesejahteraan rakyatnya:

- Skim Armalah dan Anak Yatim: Anak wanita yang kematian atau berpisah dengan suami diberikan bantuan sosio ekonomi dan bantuan kewangan.
- Skim Kesihatan Sakit Kronik: Skim ini membayai kos kewangan bagi mereka yang menderita penyakit yang serius termasuk menampung kos pembedahan dan ubatan.
- Skim bantuan Orang Kurang Upaya: Khusus untuk OKU membeli peralatan, anggota palsu dan bantuan kewangan. Tahun 2007 seramai 1,610 OKU seluruh Kelantan diberikan bantuan merangkumi anggota palsu, kerusi roda, motor roda tiga, alat pendengaran, komputer, mesin jahit dan kewangan.
- Skim Takaful Armalah: Skim perlindungan insuran yang pertama di Malaysia khusus untuk armalah. Untuk menjaga kebajikan golongan armalah ini, Kerajaan Kelantan melantik Pegawai Pembangunan Armalah bagi melicinkan usaha menyampaikan bantuan. Skim khusus ini adalah yang pertama di Malaysia.
- Skim Kifaalah: Skim khairat kematian untuk warga emas yang berumur 60 tahun ke atas. Seramai 92,803 wargaemas telah di daftarkan. Pada 2007 seramai 4,170 kes kematian dilaporkan dan keluarga menerima manfaat. Program ini kini ditiru beberapa pemerintah negeri lain termasuk Selangor.

dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan digubal sejak tahun 2013 dan dibentangkan kali pertama pada 2015 di program Kolokium Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan.

Dalam pembentangan bajet 2017 oleh Menteri Besar YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yaakob juga dijelaskan dalam para 2.6 mengenai empat teras bajet iaitu keberkatan, kemakmuran, kebajikan dan kecekapan. Teras kebajikan masih terus relevan untuk negeri Kelantan dan masih diamalkan. Dalam para 5.1 pula disebut bahawa Dasar Negeri Kebajikan masih lagi terus menjadi Prinsip Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Kejayaan besar PAS menurut Presiden PAS Abdul Hadi Awang (2012) adalah hasil penggunaan motto PAS yang berubah daripada Negara Islam kepada Negara Berkebajikan dalam muktamarnya ke-57 (Abdul Hadi Awang, 2011). Perubahan ini telah membawa kepada kemenangan di Kelantan pada pilihan raya ke-8 sehingga ke-12 dan di Terengganu pada pilihan raya ke-11. PAS juga telah berjaya memenangi beberapa lagi Negeri pada pilihan raya ke-12 termasuklah Kedah, Kelantan dan Perak²⁵.

-
- Skim Ladang Rakyat: Sehingga Januari 2008, seramai 3,693 peserta miskin pelbagai kaum termasuk 200 orang Asli didaftarkan di bawah skim ini. Mereka diberikan dividen dalam bentuk kewangan secara bulanan.
 - Bantuan Segera Bencana: Mangsa bencana seperti kebakaran, banjir dan ribut menerima bantuan sehingga RM5000 bagi membina kehidupan mereka

²⁵ Penyokong PAS dalam kalangan masyarakat bukan Islam dikatakan lebih selesa dalam memperjuangkan sesuatu isu bagi mempertahankan PAS di bawah motto Negara Berkebajikan ini. Negara Berkebajikan ini dipertahankan oleh Abdul Hadi Awang (2011) yang menjelaskan bahawa hanya motto sahaja ditukar, tetapi prinsip dan kaedah pelaksanaan masih tetap berada di landasan perjuangan PAS yang asal iaitu menegakkan Negara Islam.

Presiden PAS sekarang, Abdul Hadi Awang (2011) sendiri mengakui bahawa Fadzil Noor lah yang telah membawa idea tentang Negara Berkebajikan ini. Kata-kata beliau adalah seperti berikut: "Konsep Negara Berkebajikan ini akan saya tulis dan terbitkan bagi menjelaskan maksud Negara Berkebajikan itu. Ia kesinambungan daripada apa yang kita rancang bersama Almarhum Ustaz Fadzil". Hal ini menjadi bukti bahawa Negara Berkebajikan PAS merupakan antara agenda berasaskan pemikiran Fadzil Noor. Istilah berkebajikan ini juga telah terdapat dalam perlembagaan PAS pindaan 2001 fasal 5 bertajuk usaha-usaha bernombor tiga, iaitu; "Memupuk dan memperkuatkan ukhuwah Islamiah dan menyuburkan rasa perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkebajikan" (Parti Islam SeMalaysia, 2002).

Dengan penggunaan tema Negara Berkebajikan ini, secara asasnya TS dapat mengukuhkan lagi kerjasama PAS dengan sesama komponen PR yang lain. Hasil penelitian yang dilakukan terhadap Negara Berkebajikan yang diperkenalkan oleh PAS ini didapati bahawa ciri-ciri dalam Negara Islam merupakan kesinambungan ciri-ciri utama yang dibawa dalam perjuangan Negara Islam. Ciri-ciri Negara Berkebajikan PAS tidaklah mempunyai perbezaan yang ketara dengan ciri-ciri Negara Islam PAS. Negara Berkebajikan disebut dengan jelas dalam ciri ketujuh Negara Islam. Secara rumusannya, ciri-ciri tersebut bolehlah disimpulkan bahawa pembentukan sebuah Negara Islam perlu ada lima perkara seperti berikut:

1. Undang-undang yang berlandaskan hukum dan ajaran Islam. Semua kesalahan sama ada dilakukan oleh rakyat ataupun pemerintah harus dihukum seperti yang dijelaskan dalam al-Qur'an dan Hadith.
2. Islam adalah agama rasmi, sedangkan agama lain yang ada pada negara tersebut bebas untuk melaksanakan anutan mereka.
3. Sistem pemerintahan yang dilaksanakan seharusnya tidak bercanggah dengan syariat Islam.
4. Pemimpin negara harus dilantik dalam kalangan orang Islam.
5. Pelaksanaan Amar Makruf Nahi Mungkar.

Selain itu, untuk membentuk sebuah Negara Berkebajikan perlu ada tujuh perkara seperti berikut:

Hal ini menunjukkan bahawa istilah berkebajikan telah pun diguna pakai dalam perlembagaan PAS dan didapati tidak berubah pada pindaan terbaru iaitu pindaan 2009 dan pindaan 2011 fasal 6 bernombor tiga²⁶. Langkah ini adalah suatu strategi. Strategi ini direncanakan supaya masyarakat bukan Islam boleh menerima struktur Islam yang dibawa oleh PAS secara tidak langsung. Begitu juga, ia adalah bagi menarik kerjasama golongan bukan Islam dan golongan yang baru memahami Islam kepada PAS. Selain itu, ia juga membantu memulihkan sangkaan golongan bukan Islam terhadap orang Islam yang ekstremis. Hal ini mampu mendekatkan golongan bukan Islam kepada Islam.

Analisis Sumbangan Almarhum Tuan Guru Nik Aziz Terhadap Pembangunan Kelantan

1. Tujuan utama pembangunan adalah untuk manfaat dan kebajikan rakyat awam.
2. Kerajaan adalah "guardian" atau penjaga (ibu-bapa) kepada rakyat.
3. Penekanan kepada kecemerlangan moral dan nilai keinsanan (Ethic and human centric).
4. Kebendaan adalah modal, pembangunan insan adalah matlamat.
5. Dipastikan kesaksamaan semua rakyat dan menggalakkan kecemerlangan individu.
6. Kebajikan rakyat adalah tanggungjawab negara.
7. Rakyat sejahtera dan negara makmur.

²⁶ Sebenarnya, motto Negara Berkebajikan PAS ini bukanlah suatu idea baru. Ia telah dikemukakan oleh Bekas Presiden PAS iaitu Fadzil Noor pada tahun 2001. Hal ini dilakukan melalui memorandum PAS kepada rakyat Malaysia bertajuk Pemerintahan Islam Dalam Abad ke-21. Antara Disember 2001 dan Mac 2002, draf empat muka surat ini telah dibincangkan oleh ahli jawatankuasa PAS dan aktivis Non Government Organisation (NGO). Kemudian draf ini dibawa oleh Fadzil Noor ke dalam Muktamar PAS ke-48 di Kota Bharu pada Mei 2002 (Liew Chin Tong, 2011) (Dipetik daripada Dzulkifli Ahmad, 2011).

Pembangunan Kelantan terbangun dan terkenal dengan pembangunan berasaskan Islam. Pembangunan sebegini tercorak dengan empat faktor. Pertama, faktor Istana; kedua, faktor pendidikan Islam; ketiga, faktor minat kepada politik; dan keempat, faktor ekonomi rakyat Kelantan.

Faktor pertama iaitu faktor istana dilihat dari sudut sokongan Sultan Kelantan terhadap pembangunan Islam negerinya. Yang terbaru Sultan Muhammad V membuat beberapa perubahan dalam negeri Kelantan. Antaranya Baginda telah menukar lafadz ‘Daulat Tuanku’ kepada ‘Allahuakbar’. Selain itu, sifat rendah diri baginda yang kerap turun padang menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti sembelihan korban, khutbah jumaat, tahlil dan seumpamanya bersama rakyat banyak mendidik rakyat supaya lebih patuh kepada ajaran Islam.

Sementara itu, bekas Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Dr. Farok Zakaria berkata dalam Utusan Online (23 Disember 2016) seperti berikut:

“Keputusan menggunakan gelaran itu juga bertepatan dengan peribadi Sultan Muhammad V yang cenderung kepada agama dan kedudukan negeri Kelantan yang dikenali sebagai Serambi Mekah²⁷.

²⁷ Dalam Utusan Online (23 Disember 2016) seorang penulis dan pengkaji sejarah negeri ini, Ismail Che Daud berkata, penggunaan gelaran Sultan Muhammad telah bermula pada zaman Long Muhammad bin Long Yunus yang memerintah antara 1801 sehingga 1835. Menurut beliau lagi;

“Long Muhammad yang tidak mempunyai anak juga dikenali sebagai ‘Marhum Mandul’. Selepas kemangkatannya pada 1835, berlaku ‘perang saudara’ dan akhirnya adindanya iaitu Long Jenal @ Long Zainal pula naik memerintah dalam tempoh singkat.

"Selepas itu, anak saudara Long Muhammad iaitu Long Senik Mulut Merah bin Long Tan memerintah dari tahun 1838 hingga 1886, menggunakan semula gelaran Sultan Muhammad II.

"Antara tahun 1886 hingga 1890 pula, anakanda kepada Sultan Muhammad II ini iaitu Long Ahmad yang mewarisi pemerintahannya bagaimanapun menggunakan pakai nama sendiri iaitu Sultan Ahmad," kata Ismail.

Tambah beliau, gelaran Sultan Muhammad itu kemudiannya dihidupkan semula buat kali ketiga oleh Long Kundor bin Sultan Ahmad yang memerintah antara 1890 sehingga 1891.

Jelasnya, Sultan Muhammad III mangkat mengejut semasa berdua pada 11 Mei 1891 dan digantikan dengan adindanya, Long Mansor bin Sultan Ahmad yang memerintah dari 1891 sehingga 1900.

Long Mansor pada awal pemerintahan menggunakan nama Raja Kelantan dan hanya menggunakan nama Sultan Mansor pada tahun-tahun akhir pemerintahannya.

"Kemudiannya anak saudara baginda yang juga anakanda kepada Sultan Muhammad III iaitu Long Senik naik menjadi Sultan (1900 hingga 1920). Bagi menjaga hati sesetengah kerabat yang terguris hati dengan pelantikannya, Long Senik menggunakan gelaran Raja Kelantan pada peringkat permulaan.

"Baginda hanya mula menggunakan gelaran Sultan Muhammad IV setelah ditabalkan pada 22 Jun 1911," jelas Ismail.

Menurutnya, penggunaan gelaran 'Sultan Muhammad' terhenti di situ apabila raja yang ditabalkan berikutnya iaitu anakanda Long Senik sendiri, Sultan Ismail tidak menggunakan gelaran sama lagi apabila memerintah antara 1920 hingga 1944.

"Saya berpandangan baginda berkenan menggunakan gelaran itu kerana nama Muhammad itu sendiri adalah nama junjungan kita Nabi Muhammad SAW, jadi selain merujuk kepada pangkal nama asal baginda sendiri, baginda menggunakan nama Muhammad sebagai lambang pegangan agama yang jitu yang menjadi warisan penduduk negeri ini," katanya.

Faktor kedua pula ialah faktor pengaruh pendidikan berorientasi Islam²⁸ dalam masyarakat. Faktor ini banyak membina jati diri dan pendirian rakyat Kelantan untuk lebih setuju dan selesa di bawah pemerintahan PAS (Kesller, 1978). Banyak pondok-pondok dan sekolah agama sama ada bantuan sendiri atau pun di bawah bantuan kerajaan dibangunkan sebagai memenuhi tuntutan sosial

Katanya, adinda Sultan Ismail iaitu Sultan Ibrahim yang mengambil alih tumpuk pemerintahan antara 1944 sehingga 1960 juga menggunakan nama sendiri.

"Pemerintahan kesultanan Kelantan selepas itu kemudiannya disambung Almarhum Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim (1960 hingga 1979) dan Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra (1979 hingga 2010) sehinggalah pemasyhuran Sultan Muhammad V pada 13 September 2010.

"Penggunaan gelaran 'Sultan Muhammad' bukanlah perkara baharu yang sengaja diada-adakan, ia adalah sesuatu yang diwarisi turun temurun keluarga diraja dan bergantung sepenuhnya atas kehendak baginda sultan untuk menggunakan atau tidak," katanya.

²⁸ Pada awalnya Almarhum Tuan Guru memulakan dengan perkara yang asas dan tidak membebankan rakyat. Dari peringkat pentadbiran, Tuan Guru mengasuh para pentadbir supaya berjiwa Islamik dengan menganjurkan bacaan al-Fatihah ketika memulakan apa-apa sahaja acara dan mengakhirinya dengan bacaan tasbih kaffarah serta surah al-'Asr.

Islam. Pendidikan secara tidak langsung melalui pengharaman pengamalan yang bercanggah dengan Islam juga dapat diterima oleh masyarakat. Pengharaman tersebut seperti permainan mak yong dan wayang kulit²⁹.

Faktor ketiga pula ialah '*gha'* (ghairah) berpolitik. Tidak terlalu keterlaluan jika dikatakan orang Kelantan kuat berpolitik. Ini jelas dapat dilihat bahawa orang Kelantan sudah beberapa kali menukar bentuk kerajaan mereka³⁰. Dalam pilihan raya pra-merdeka

²⁹ Timbalan Menteri Besar Kelantan ketika merasmikan Pesta Gasing Kelantan 1994 di Padang Merdeka Pasir Puteh pada 4 September 1994 mengatakan bahawa kerajaan negeri tidak akan bertolak ansur terhadap segala bentuk kegiatan yang bercanggah dengan Islam.

³⁰ Pada tahun 1978, kerajaan PAS Kelantan telah dimigerankan ekoran krisis dalaman yang dicetuskan oleh perancangan Umno, maka telah membawa kepada pilihan raya khusus negeri Kelantan pada 11 Mac 1978. Barisan Nasional telah berjaya menerima mandat kali kedua menerajui kerajaan Negeri dengan PAS hanya mampu bertahan di dua kerusi; satu di Sering dan satu lagi di Manek Urai.

Meskipun begitu hasrat orang Kelantan memilih kerajaan Barisan Nasional adalah untuk membangun dan maju. Hasrat ini, jelas sekali tidaklah ke mana. Harapan orang Kelantan kepada janji pemimpin Umno mengatasi kemelut pembangunan dan kemiskinan rakyat sebagaimana dijanjikan jelas tidak kesampaian. Justeru itu, berlakunya krisis keyakinan hampir keseluruhan orang Kelantan terhadap kerajaan Barisan Nasional. Lantaran itu, dalam pilihan raya 21 Oktober 1990, sekali lagi orang Kelantan mengambil sikap mengubah kepimpinan kerajaan negerinya dari Barisan Nasional kepada Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan). Dalam pilihan raya itu, Angkatan telah berjaya merampas kesemua kerusi yang dipertandingkan, iaitu 39 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 13 kerusi Parlimen.

Kemenangan Angkatan di Kelantan pada tahun 1990 cukup bermakna. Rakyat Kelantan telah dilihat bersatu di bawah kepimpinan ulamak yang menawarkan konsep politik "Membangun Bersama Islam" dan berprinsipkan "Islam sebagai Ad-din". Apa yang penting di sebalik perubahan kerajaan Barisan Nasional kepada Angkatan adalah mengandungi harapan hampir keseluruhan orang

pada 27 Julai 1955, Perikatan diberi mandat penuh, tetapi dalam pilihan raya pertama selepas merdeka pada Ogos 1959, PAS telah diberi mandat untuk menerajui kerajaan Kelantan apabila menang besar, iaitu 28 kerusi daripada 30 kerusi yang dipertandingkan.

Faktor terakhir iaitu faktor keempat yang membentuk pembangunan Islam di Kelantan ialah faktor ekonomi rakyat Kelantan yang kukuh. Rakyat Kelantan mempunyai kekuatan ekonominya tersendiri. Sebagai contoh pertumbuhan pesat pasaraya-pasaraya besar di Negeri Kelantan menunjukkan petanda positif dalam pengembangan ekonomi. Dari segi pemilikan aset kediaman pula, Negeri Kelantan berada pada kedudukan ke-3 tertinggi iaitu sebanyak 83.9%. Kadar kemiskinan di Kelantan telah menurun sebanyak 1.8% daripada 2.7% pada 2012 kepada 0.9% pada tahun 2014. Ia banyak dibantu oleh pelbagai jenis program kebajikan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri (Ahmad Yakob, 2016).

Selain daripada pembangunan ekonomi Islam, politik pembangunan Islam dan pembangunan sosial Islam, keempat-empat faktor ini membentuk tiga pembangunan penting di era pemerintahan Tok Guru Nik Aziz iaitu pembangunan *qalbu*, pembangunan paradigma Islam dan pembangunan akhlak.

Kelantan terhadap misi perpaduan dan pembangunan yang berteraskan Islam. Ia juga secara tersirat bermakna kemenangan kepada PAS yang telah 12 tahun mempertingkatkan misi dakwah politik Islam dalam masyarakat. Maka rakyat Kelantan telah menyahut seruan perjuangan PAS dengan membuktikan Ketua Dewan Ulamak PAS, Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz terpilih sebagai Menteri Besar. Harapan itu jelas termakbul, tatkala kemenangan itu dikongsi bersama dengan beberapa bekas pemimpin Umno yang dulunya (tahun 1978) bersubahat menjatuhkan PAS di Kelantan yang kini (pada pilihan raya 1990) telah berpadu dengan PAS menghadapi Barisan Nasional. Betapa orang Kelantan telah tahu, peranan Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) ketika PAS bersama-sama dalam Barisan Nasional dan semasa PAS dilanda krisis.

Pembangunan *qalbu* bertitik-tolak dari penekanan Tuan Guru dalam hal akidah dan tauhid. *Qalbu* menurut Tuan Guru harus menekankan rasa bertuhan dengan Allah SWT. Seperti kata Nik Abdul Aziz Nik Mat (1998f:14) seperti berikut:

"Kalau tuan-tuan hendak selamat di akhirat kena jaga keadaan sejak di dunia ini lagi. Di akhirat kelak kerajaan Kelantan tidak ada, MB Kelantan tidak ada, tok guru Kelantan tidak ada, yang ada hanya Allah SWT. Oleh yang demikian, supaya tuan-tuan selamat di akhirat kelak tidak ada acara lain selain daripada tunduk kepada Allah sahaja di dunia kerana di akhirat kelak yang berkuasa hanya Allah SWT".

Menurut Tuan Guru ilmu tasawuf penting kerana memberi kesan kepada hati manusia. Bagi beliau, seorang pendakwah bercakap bukan tentang masalah zahir sahaja, tetapi menyelam masuk sampai ke dalam lubuk hati manusia (Nik Abdul Aziz Nik Mat, 1994b).

Qalbu yang kuat ialah apabila kuatnya kebergantungan dengan Allah SWT. Hal inilah yang diajar kepada murid-muridnya sehingga meninggalkan kesan mendalam dalam diri mereka. Nik Abdul Aziz Nik Mat (1996d:96) pernah berkata seperti berikut:

"Ciri terpenting yang ada pada diri orang-orang yang beriman ialah tidak gentar dengan sebarang ugutan atau ancaman yang didatangkan oleh manusia. Tidak takut hilang pekerjaan, tidak takut ancaman penjara atau buang daerah demi menegakkan Islam. Mereka hanya takut kepada Allah SWT dalam erti patuh kepada suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya".

Pembangunan kedua ialah pembangunan paradigma Islam. Tuan Guru menjelaskan tugas suci dakwah bukan terletak di

bahu tok guru atau ustaz sahaja, sebagaimana yang difahami umum, tetapi juga menjadi tanggungjawab awam (Nik Abdul Aziz Nik Mat, 1994a). Untuk menjadi pendakwah yang baik, haruslah mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu (Nik Abdul Aziz Nik Mat, 1998:6). Seperti mana menurut beliau:

"Bijaksana menyebabkan keberkesanan dalam dakwah, menaikkan semangat dan cinta dengan ganjaran syurga, mencetuskan rasa gerun akan balasan neraka dan mencetuskan rasa khusyuk dan rasa sayang dan cinta kepada Allah SWT".

Menurut Nik Abdul Aziz Nik Mat (1998f:36) lagi, paradigma ustaz-ustaz di balaisah-balaisah hanya terfokus dalam mengajar bab tauhid, fekah, tajwid dan seumpamanya, belum ada yang cuba mengajar dalam bab geografi di balaisah, belum ada yang mengajar bab sains perubatan di balaisah dan sebagainya.

Selain itu, menurut Nik Abdul Aziz Nik Mat (1996d:36) paradigma dalam kerohanian seperti mahukan kekhusyukkan dalam solat tanpa menghiraukan sosial juga harus diperbetulkan. Menurut beliau, untuk mencapai khusyuk dalam solat tidaklah dengan pertapaan atau beruzlah, kerana beruzlah daripada masyarakat seolah-olah orang yang tewas sebelum mereka berjuang.


Paradigma seperti ini boleh terbentuk sekiranya al-Quran tidak hanya dibaca, tetapi ia digunakan untuk menyelesaikan masalah ummah. Menurut Nik Abdul Aziz Nik Mat (1998f:38), kelemahan paradigma orang Islam ialah tidak menjadikan al-Quran sebagai sumber untuk mendapatkan buah fikiran, fikrah dan pandangan baharu. Al-Quran hanya digunakan jika bertujuan menghalau jin, pelesit dan seumpamanya.

Untuk pembangunan ketiga iaitu pembangunan akhlak, Tuan Guru berpesan kepada para pendakwah untuk menyampaikan dakwah perlu kepada beberapa syarat iaitu pilih tajuk yang tepat, tahu latar belakang subjek dakwah dan guna bahasa yang bijaksana. Menurut beliau, tidak mungkin melalui ungkapan lucu dan kelakar mencetuskan gelak ketawa pendengar boleh menyedarkan masyarakat. Terlalu banyak ‘buah kelakar’ dalam pengajaran tidak sesuai dengan tugas sebagai *inzar* seperti yang dikehendaki oleh Islam (Harakah, 16-31 Disember). Jika syarat-syarat ini diikuti maka para pendakwah boleh menjadi pendakwah yang berakhhlak.

Untuk berakhhlak juga, menurut Nik Abdul Aziz Nik Mat (1996:94) kalimah *aqamu* yang dikaitkan dengan mendirikan solat diertikan sebagai melakukan dengan cermat. Cermat yang dimaksudkan bukan sahaja dalam pelaksanaan rukun-rukun solat, bahkan ia penting dilaksanakan dalam setiap aktiviti kehidupan sama ada dalam mencari rezeki dan sebagainya. Mereka yang cermat ialah mereka yang berakhhlak.

Daripada keseluruhan sumbangan Tuan Guru kepada pembangunan Kelantan, tiga pembangunan inilah iaitu pembangunan qalbu, pembangunan paradigma Islam dan pembangunan akhlak sangat mendominasi dalam pembentukkan pembangunan ekonomi, politik dan sosial. Hal ini boleh dilihat dalam Rajah 1.

Rajah 1 Tiga Pembangunan Utama Tuan Guru Dalam Negeri Kelantan



Daripada Rajah 1 boleh dilihat bahawa pembangunan qalbu yang dibina oleh Tuan Guru ialah tauhid, rasa bertuhan dan kebergantungan dengan Allah SWT semata. Pembangunan paradigma Islam pula ialah menyediakan pemikiran yang tidak berfikir seperti orang biasa seperti berdakwah bukan tugas orang belajar agama sahaja, tetapi berdakwah adalah tugas yang perlu dilakukan oleh semua orang. Begitu juga, al-Quran perlu dijadikan sebagai sumber pemikiran, tidak hanya sebagai bahan bacaan semata-mata. Bagi pembangunan akhlak pula, antara penekanan yang diberikan Tuan Guru ialah sikap cermat (waspada/hati-hati).

Penutup

Kerajaan Kelantan masih boleh bekerjasama dengan kerajaan pusat ketika di bawah pimpinan Tuan Guru. Kerjasama ini ialah dalam soal pembangunan ekonomi politik Negeri Kelantan. Dari segi ekonomi, melalui UPENK, kerajaan negeri boleh saling membangunkan ekonomi dan pembangunan negeri bersama-sama dengan organisasi ekonomi pada peringkat pusat. Begitu juga, Dasar DEB dan Rancangan Malaysia (RMK) di Kelantan terus dilaksanakan. Selain

itu, dari segi politik pula, semangat federalisme juga tidak dilanggar kerajaan negeri. Kerajaan negeri masih membenarkan penjawat awam yang merupakan pegawai kerajaan negeri dan pusat untuk meneruskan kerja di Negeri Kelantan.

Secara khususnya, terdapat tiga pembangunan yang dilaksanakan oleh Tuan Guru semasa memimpin Kerajaan Negeri Kelantan sebagai Menteri Besar. Pertama, sumbangan dari segi pembangunan ekonomi Islam; kedua, sumbangan dari segi politik pembangunan Islam; dan ketiga, sumbangan dari segi pembangunan sosial Islam. Ketiga-tiga sumbangan ini juga tidak dapat terlaksana jika ia tidak membabitkan empat faktor. Pertama, faktor Istana; kedua, faktor pendidikan Islam; ketiga, faktor minat kepada politik; dan keempat, faktor ekonomi rakyat Kelantan. Hasil dari sini, maka didapati bahawa sumbangan Tuan Guru yang paling utama ialah dari segi pembangunan qalbu, pembangunan paradigma dan pembangunan akhlak.

Rujukan

Ab Rahman Ismail (1999). *Pembentukan polisi awam dan perkembangan politik di kelantan: Satu kajian terhadap persepsi UMNO dan PAS*. Tesis Doktor Falsafah yang dikemukakan kepada Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.

Abdul Hadi Awang (1999). *Bersatu dirikan kerajaan baru*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan PAS Pusat.

Abdul Hadi Awang (2008). *Negara berkebajikan: Tawaran PAS kepada rakyat Malaysia*. Diakses daripada

http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&task=view&articleid=37:negara-berkebajikan--tawaran-pas-kepada-rakyat-malaysiadancatid=14:kenyataan-rasmidanItemid=56 pada 8 Ogos 2012.

Abdul Hadi Awang (2011). *Konsep asas negara berkebajikan*. Kuala Lumpur: Lajnah Penerbitan Dewan Ulama PAS Pusat.

Abdul Hadi Awang (2011). *Konsep negara berkebajikan, istilah 'welfare state' beza*. Diakses daripada <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/presidenpas-konsep-negara-berkebajikan-istilah-welfare-state-beza/Abdul pada 8 Julai 2012>.

Abdul Hadi Awang (2012). *Tahaluf siyasi bersama pakatan rakyat*. Diakses daripada http://bm.harakahdaily.net/index.php/columnist/presiden/138_26-tahaluf-siyasipas-bersama-pakatanrakyat pada 16 Oktober 2012.

Abu Bakar Hamzah (1992). *Parti PAS dengan tahaluf siyasinya*. Kuala Lumpur: Media Cendekiawan.

Ahmad Fadhl Shari (2008a). *Hukum tahaluf siyasi dalam konteks gerakan Islam*. Kelantan: KIAS. Diakses daripada <http://www.kias.edu.my/tahalufsiasi08.htm> pada 16 Oktober 2012.

Ahmad Fadhl Shari (2008b). *Tahaluf siyasi dalam konteks perjuangan PAS di malaysia pasca PRU-12 serta pandangan ulama haraki mengenainya*. Dipetik daripada <http://ahmadfadhlis.wordpress.com/2008/06/19/tahaluf-siyasi->

dalam-konteks perjuangan-pas-di-malaysia-pasca-pru-12-serta-pandangan-golonganulama-haraki-mengenainya-draf-awal/ pada 16 Oktober 2012.

Ahmad Yakob (2016). *Ucapan Belanjawan Negeri Kelantan*. Dipetik daripada
[Ahmad Mawardi Abdullah \(2009\). *Kebijakan politik Islam Nik Abdul Aziz Nik Mat di Kelantan tahun 1990-2008*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Program Studi Jinayah Siyasah, Fakultas Syari'ah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia.](http://www.pkn.kelantan.gov.my/web/index.php/ms/sumber/penerbitan/ucapan-belanjawan/book/9-ucapan-belanjawan-tahun-2017/3-ucapan-belanjawan pada 2 Julai 2017.</p></div><div data-bbox=)

Bernama (1 Disember 2006). *Entertainment: PAS forced to draw people's support.* Dipetik daripada <http://web10.bernama.com/finance/news.php?id=233646&vo=28> pada 3 Julai 2017.

Dewan Ulama PAS Pusat (2011). *Tahaluf siyasi untuk kejayaan besar PRU-13.* Diakses daripada http://www.ulamak.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=349:tahaluf-siyasiuntuk-kejayaan-besar-pru-13&catid=17&Itemid=19 pada 9 Julai 2012.

Dinsman (2000). *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam Kelantan Di Bawah Pimpinan Ulamak*. Kelantan: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.

Husam Musa (2008). *Kelantan rintis negara kebajikan PAS*. Dipetik daripada

<https://pasdundemit.wordpress.com/2008/01/29/kelantan-rintis-negara-berkebajikan-pas/> pada 3 Julai 2017.

Ismail Yusoff (2015). *Tuan guru nik abdul aziz: Pemikiran agama dan politik*. Sintok: UUM Press.

Kessler, C. S. (1978). *Islam and politics in a malay state Kelantan 1838-1969*. New York: Cornell University Press.

Mohamad Agus (2002). "Politik Federalisme Malaysia: Pengalaman Sabah", Jurnal JATI, Bil. 2, Disember 2002.

Mohd Shukri Hanapi (2012). *Tasawur pembangunan dalam al-qur'an: kajian tafsir al-mawdu'iy*. Tesis Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tidak diterbitkan.

Mohd Syakir Mohd Rosdi (2011). *Transisi politik dari negara Islam kepada negara berkebajikan Parti Islam Semalaysia (PAS): Cabaran dan matlamat*. Kertas kerja ini dibentangkan dalam The 6th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011) di Universiti Sains Malaysia pada 11-12hb Oktober 2011.

Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali (1990). *Dasar ekonomi baru: Kelemahan dan penyelewengan*. Laporan Kajian yang diserahkan kepada Universiti Teknologi Mara.

Muhammad Syukri Salleh (2000). "PAS dan Islamisasi di Kelantan" (Pas and Islamisation in Kelantan). *Pemikir*, 21, 161-185.

Muhammad Syukri Salleh (2003). *7 prinsip pembangunan berteraskan Islam*. Universiti Sains Malaysia: Zebra Editions Sdn.Bhd.

Mustafa Ali (Buletin Online) (2011, 20 April). *Tahaluf siyasi adalah strategi*. Diakses daripada <http://www.youtube.com/watch?v=jJIOVBrIxJg> pada 4 Ogos 2012.

Parti Islam SeMalaysia (2002). Perlembagaan Parti Islam SeMalaysia (PAS) (Pindaan 2011). Taman Melewar: Markaz Tarbiyah PAS Pusat.

Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan (2011). *Dua dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Darul Naim, Kelantan: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.

Rokiah Talib (1994). *Politik dan isu ekonomi di Kelantan: Satu kajian sosio ekonomi*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn Bhd.

Sahawati Harun (2012). Islamisasi Pembangunan di Kelantan (1990-2010). Tesis Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.

Shaikh Alam Mohd Noor (1988). *Federalisme di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sinar Harian (10 Januari 2015). *Pemuda PAS Sambut Baik Kerjasama Kelantan, Pusat.* Diakses daripada <http://www.sinarharian.com.my/politik/pemuda-pas-sambutbaik-kerjasama-kelantan-pusat-1.349161> pada 28 Februari 2015.

Sinar Harian (7 Januari 2015). *Setuju gabung demi jawatankuasa pasca banjir.* Diakses daripada <http://www.sinarharian.com.my/politik/setuju-gabung-demijawatankuasa-pasca-banjir-1.348350> pada 28 Februari 2015.

Suhana Saad & Suraiya Ishak (2010). "Pembudayaan etika dan penyelesaian konflik dalam kalangan agen pembangunan di Kelantan", *Jurnal Akademika*, 79 (MeiOgos), 53-63.

Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi (2009). "Urus tadbir sebuah bandaraya Islam Malaysia: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan", dlm. *Geografia Online*, Malaysian Journal of Society and Space, 5(3), 8-25. ISSN 2180-2491.

Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (1996). *Konsep Membangun Bersama Islam dalam pentadbiran kerajaan negeri.* Kertas kerja yang dibentangkan di Majlis Perhimpunan Unit Dakwah Halaqah dan Penghulu Peringkat Negeri Kelantan di Kota Darulnaim, Kelantan pada 24 April 1996.

Utusan Online (23 Disember 2016). Dipetik daripada <http://m.utusan.com.my/rencana/lambang-8232-keagungan-islam-1.423565> pada 5 Julai 2017.

Utusan Online (22 September 2011). *Lagu Lama Hudud Ala-PAS*. Dipetik daripada [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0922&pub=Utusan Malaysia&sec=Forum&pg=fo_01.htm#ixzz4lpg4gFDU](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0922&pub=Utusan%20Malaysia&sec=Forum&pg=fo_01.htm#ixzz4lpg4gFDU) © Utusan Melayu (M) Bhd pada 2 Julai 2017.

Wan Noor Anis Amaleena W. Ab. Aziz (2017). *Teras-teras pentadbiran kerajaan negeri Kelantan dari tahun 1990 sehingga 2016*. Disertasi yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti sains Malaysia (USM) bagi memenuhi sebahagian keperluan bagi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam).

Zaleha Embong (2009). *Pemikiran pembangunan rohani Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Disertasi yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti sains Malaysia (USM) bagi memenuhi sebahagian keperluan bagi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam).

BAB 8

TAMADUN BARU MELAYU MALAYSIA BERDASARKAN BUDAYA POLITIK MATANG DAN SEJAHTERA DI KELANTAN

Mohd Khairuddin Aman Razali

Zulhimi bin Abd Rahman

Latar Belakang Politik Malaysia

Menurut catatan Ibnu Battuta, Islam telah bertapak kukuh di tanah Melayu dalam kurun ke 13. Agama Islam dan pelaksanaannya begitu berakar umbi dalam masyarakat melayu. Sebagai contoh Melaka mempunyai Hukum Kanun Melaka yang menjadi asas dalam pemerintahan. Di Pahang, Sultan Abdul Ghaffar mengisytiharkan Pahang sebagai Dar Islam pada sejak 1592 dengan pelaksanaan Syariah dalam mazhab Syafie. Begitu juga dengan negeri Johor, Terengganu dan Kelantan. Asasnya Islam menjadi agama yang berdaulat di bumi Melayu.

Namun kedatangan penjajah telah mengubah budaya masyarakat yang begitu dekat dengan Islam kepada sistem sekular yang berjaya memisahkan urusan agama dengan urusan keduniaan. 2 Mei 1511, menjadi tarikh yang amat memilukan umat Islam apabila Melaka di takluk oleh penjajah Portugis. Penjajahan Melaka terus bertukar tangan antara Portugis, Belanda dan Inggeris. Penjajahan ini juga berlaku di tanah Melayu yang lain.

Hakikat penjajahan adalah bertujuan untuk mengembangkan ajaran Kristian, mencari kekayaan dan meneroka tanah baru. Hasil penjajahan inilah, mereka mula menghilangkan jati diri umat Islam daripada Islam dengan menyempitkan Islam hanya berlebar dalam urusan ibadat dan urusan nikah kahwin sahaja. Kesan dari itu, Umat Islam hilang keizzahan dengan agama dan rela negara diperintah oleh Penjajah dengan alasan, penjajah lebih pandai dan bijak dalam memajukan negeri.

Dalam masa yang sama, muncul tokoh-tokoh Ulama Islam yang menüpakan kesedaran untuk menghalau penjajah dan mengembalikan Islam sebagai agama dan daulah. Antara ulama yang memainkan peranan besar ialah seperti Syeikh Ahmad Fatani yang merupakan wakil Sultan Abdul Hamid II Turki di Tanah Melayu. Gerakan ini juga didokong oleh Syeikh Nawawi Bentan dan Syeikh Ahmad Al-Khatib. Hasil daripada perjuangan menentang penjajahan inilah munculnya Sarekat Islam untuk mengembalikan jati diri umat Islam dalam berpolitik.

Gerakan-gerakan sebegini amat menggerunkan British yang sebelum ni berjaya mengelabui masyarakat Melayu bahawa mereka bukan penjajah, tetapi mereka adalah penasihat kepada Sultan untuk membawa kemajuan kepada negeri. Untuk itu, British bertindak menyekat habis-habisan ajaran Islam yang membawa semangat Jihad dan cuba untuk menutup sebarang usaha untuk menüpakan semangat jihad di kalangan umat Islam.

Namun, benarlah janji Allah bahawa cahaya Islam tidak akan padam. Gerakan-gerakan yang memperjuangkan Islam terus berkembang sehingga terbentuk Hizbul Muslimin dan akhirnya PAS ditubuhkan hasil daripada kesinambungan ulama-ulama terdahulu

yang bertujuan membebaskan negara daripada penajah dan menegakkan kembali khilafah Islamiyyah.

Realiti Budaya Masyarakat Malaysia

Budaya masyarakat Malaysia terbentuk dengan sifat lemah lembut dan sopan santun sesuai dengan sejarah kemasukan Islam dan kemerdekaan negara. Rata ratanya seluruh rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya sudah bosan dengan karenah dan budaya politik yang agresif dan kasar yang membawa kepada perpecahan dan benci-membenci

Negara memerlukan kepada anjakan budaya politik kepada yang lebih matang, bertanggungjawab dan memfokuskan kepada keharmonian serta kesejahteraan rakyat. Pendekatan ini adalah lebih dekat di hati rakyat.

PAS dan BPMS

Kestabilan sosial, dan ekonomi sesuatu negara amat bergantung kepada kestabilan politiknya. Sesebuah negara yang mana suasana politiknya bergolak, tidak akan dapat menyediakan suasana kehidupan yang aman dan sejahtera, baik dari aspek sosial maupun pembangunan ekonomi. Walaupun suasana politik di Malaysia secara bandingannya agak tenang, percakaran antara pelbagai pemain politik khasnya parti pemerintah dan parti pembangkang sentiasa berlaku, secara berterusan. Keadaan ini boleh membawa kepada suatu konflik yang lebih besar jika tidak ditangani dengan baik. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan senario politik negara sentiasa terkawal dan tidak membawa kepada huru hara dan seumpamanya. Keadaan politik yang sentiasa panas itu adalah lantaran budayanya yang memfokuskan kepada kuasa

untuk kelompok masing masing, pengautan kekayaan dan kemewahan yang membawa kepada korupsi, mainan persepsi dan persepsi, politiking melampau yang mengetepi kepentingan rakyat hanya kerana undi dan kuasa masing-masing.

Parti Islam SeMalaysia (PAS) membawa sebuah gagasan besar yang ditimba daripada ajaran Al Quran dan Sunnah sebagai satu inisiatif penyelesaian kepada kemelut politik negara. Inisiatif penyelesaian ini yang dinamakan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) adalah sebagai pengganti kepada budaya politik sedia ada yang ditolak oleh rakyat kebanyakan. PAS mengajak semua pihak beralih kepada budaya politik yang bersih, dan matang yang akan menatijahkan kesejahteraan kepada negara dan rakyat seluruhnya tanpa mengira latar belakang, kaum, agama dan kecenderungan politik masing-masing.

PAS telah ditubuhkan pada tahun 1951 yang merupakan kesinambungan daripada perjuangan Sarekat Islam dan Hizbul Muslimin di atas semangat dan kefahaman untuk menegakkan sebuah negara Islam dengan mendapatkan kemerdekaan negara daripada British. Ini jelas di buktikan dengan perlumbagaan PAS fasal 5 yang menceritakan tujuan PAS ialah :

1. Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah.
2. Mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara

Walaupun berlaku pertembungan antara PAS dan UMNO ketika mula ditubuhkan. PAS bertindak matang dengan menyokong rombongan kemerdekaan yang diketuai oleh almarhum Tunku

Abdul Rahman ke London untuk menuntut kemerdekaan. Bahkan PAS terlibat dalam mencadangan beberapa perkara dalam perlembagaan negara seperti perlakuan Islam sebagai agama rasmi persekutuan dan hak keistimewaan melayu. PAS juga terlibat dalam penentangan terhadap prinsip Jus Soli untuk memberikan hak kerakyatan yang mudah kepada orang luar.

Pendekatan matang, PAS tidak pernah menimbulkan isu perkauman di kalangan masyarakat di Malaysia. Ini dibuktikan sewaktu kejadian 13 Mei 1969, Almarhum Dato Asri Muda selaku Menteri Besar Kelantan memberi amaran tegas kepada pemuda-pemuda Kelantan agar tidak terlibat dengan pergaduhan kaum di Kuala Lumpur dan memberi jaminan keselamatan kepada orang Cina di Kelantan sehingga pergaduhan kaum yang berlaku di Kuala Lumpur tidak merebak di Kelantan.

Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) adalah salah satu dokumen PAS yang dilancarkan pada tahun 2015 yang bertujuan menjenamakan secara tersusun budaya politik PAS yang telah berlangsung sekian lama.

PAS telah kemukakan dokumen BPMS yang merangkumi definisi, ciri dan impak yang penulis akan pindahkan dalam penulisan ini.

Definisi BPMS

BPMS ialah sebuah budaya berpolitik yang berdasarkan kepada kematangan dalam membuat keputusan dan tindakan, berlandaskan al quran dan as sunnah, sesuai dengan realiti masyarakat bermatlamatkan kesejahteraan rakyat, kemakmuran negara dan keredhaan Allah.

BPMS mempunyai dua bahagian utama; Matang dan Sejahtera. Bahagian pertama, Matang merujuk kepada proses. Ia menekankan kepada proses yang matang berlandaskan kepada data dan hujah bagi kesemua pihak khasnya parti-parti politik dan rakyat membuat penilaian, menentukan sikap dan tindakan terhadap sesuatu isu yang timbul di negara ini.

Bahagian ke dua, Sejahtera pula merujuk kepada natijah atau matlamat kepada semua tindakan politik oleh mana-mana pihak iaitu semuanya mestilah kearah membawa kesejahteraan kepada kehidupan bermasyarakat di negara ini.

Keperluan PAS kepada BPMS

BPMS menjadi sebuah gagasan baru yang diketengahkan ke dalam masyarakat agar semua pihak menghayati budaya berpolitik yang tidak berpaksikan pergeseran, tetapi berpaksikan perlumbaan membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Budaya politik yang diamalkan sekarang adalah penerusan kepada budaya politik tinggalan penjajah yang berlatarkan penaklukan, peperangan, permusuhan, pengautan kuasa dan kekayaan. Budaya ini juga bercirikan warna kulit, atau bangsa, memuliakan satu kaum dan merendahkan yang lain di atas nama bangsa, dan warna kulit, bukan berdasarkan kebenaran dan ilmu. Budaya politik ini diteruskan ke hari ini dan menjadi sebahagian ciri politik konvensional;

- Budaya politik perkauman, bangsa dan warna kulit
- Budaya politik emosi dan permusuhan
- Budaya politik fitnah memfitnah, dan memusnahkan satu sama lain

- Budaya politik membesar-besarkan masalah, bukan menyelesaikan masalah
- Budaya politik retorik, janji kosong dan persepsi semata, bukan berasaskan realiti dan kebenaran
- Politik mengejar kuasa demi kedudukan, kemasyhuran dan kekayaan

Semua ini menjadikan politik itu “kotor” dan asing dari kemurnian politik tinggalan Rasulullah SAW.

BPMS boleh dikira sebagai terjemahan konsep politik Islam untuk dilaksanakan dalam kontek politik Malaysia dalam penyusunan yang lebih mudah. BPMS merupakan satu budaya baru dalam politik Malaysia yang amat berbeza dengan budaya politik semasa.

Ciri-ciri BPMS

BPMS mempunyai tujuh ciri yang saling melengkap antara satu sama dan perlu di amalkan dalam budaya politik di Malaysia. Tujuh ciri tersebut ialah :

1. Politik Berturjangkan Prinsip
2. Politik Dakwah, Amar Ma'ruf Nahi Mungkar
3. Politik Berasaskan Penyelesaian Islam
4. Politik Utamakan Rakyat
5. Politik Damai dan Diplomasi
6. Politik Benar Bukan Sekadar Persepsi
7. Politik Rasional dan Profesional

Perincian Ciri-ciri BPMS

Setiap ciri akan disertakan definisi, perincian dan objektif untuk lebih menjelaskan lagi BPMS.

Ciri 1: Politik Bertunangkan Prinsip

Definisi : Sebuah budaya berpolitik yang mana pendirian, sikap dan tindakan yang sentiasa berasaskan kepada prinsip yang jelas.

Perincian :

Budaya politik yang matang dan sejahtera, bukan hanya berasaskan kepentingan undi atau kepentingan lain seumpamanya, tetapi bertunangkan prinsip –prinsip yang jelas. Ini bermaksud semua sikap dan tindakan yang diambil oleh parti-parti politik mestilah bermula dengan mengenalpasti prinsip-prinsip yang diambil. Prinsip prinsip inilah yang perlu dijelaskan kepada rakyat, agar rakyat dapat menilai prinsip-prinsip yang didikong oleh parti-parti politik mahupun mana mana aktivis politik, samada sesuai dengan mereka (rakyat) ataupun tidak.

Objektif :

- a) Membudayakan pembentukan Sikap berasaskan Prinsip yang jelas terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan
- b) Rakyat menilai sesuatu sikap dan tindakan parti-parti politik mengikut prinsip perjuangan masing-masing, bukan mainan spekulasi semata-mata
- c) Meningkatkan pendidikan politik termasuk;
 - a. Membezakan antara kerajaan Malaysia dan parti Pemerintah
 - b. Menghormati mandat/pilihan rakyat terhadap sesuatu Parti Pemerintah dalam menerajui kerajaan
 - c. Menggunakan istilah Parti Bukan Pemerintah mengganti Parti Pembangkang bagi mengiktiraf peranan kesemua pihak dalam sistem demokrasi negara
 - d. Menukar mentaliti dari Permusuhan Politik kepada Persaingan Politik

Ciri 2 : Politik Dakwah, Amar Ma'ruf Nahi Mungkar

Definisi : Sebuah budaya berpolitik yang mana kesemua tindakan adalah bermatlamatkan membawa manusia kepada keindahan dan kesempurnaan sesuatu cara hidup, dengan mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran

Perincian :

Antara matlamat utama parti-parti politik ialah mengubah kefahaman dan pendirian semua pihak termasuk pesaing politiknya sesuai dengan perjuangan masing-masing. Ini bertentangan dengan budaya politik konvensional yang berobjektifkan memusnahkan musuh politik.

Bagi parti-parti politik, semua pihak lain perlu dijadikan sasaran seruan dan hujjah nya, bukan "musuh" nya. Bahkan bagi PAS, ini adalah lebih diutamakan berbanding melihat orang ramai dalam perspektif pengundi sahaja. Maka objektif PAS bukan hanya menarik mereka sebagai pengundi, tetapi lebih penting lagi ialah menarik mereka kepada cara hidup Islam yang diperjuangkan PAS.

Ciri kedua BPMS ini menekankan budaya mengiktiraf dan menyokong kebaikan oleh mana-mana pihak, dan mencegah serta menentang kemungkaran oleh mana-mana pihak samada ianya dating dari pihak Parti Pemerintah, mahupun daripada Parti Bukan Pemerintah. Budaya politik konvensional yang menolak apa sahaja yang datang daripada pihak lain adalah tidak sesuai diamalkan dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan negara

Objektif :

- a. Menukar persepsi daripada musuh politik kepada sasaran seruan perjuangan masing-masing
- b. Merubah perjuangan pesaing politik, bukan memusnahkan mereka
- c. Membanyakkan penerangan dan mengelakkan serangan peribadi
- d. Mengurangkan pergeseran politik dan ketegangan dalam masyarakat
- e. Menyokong semua kebaikan dan menentang semua keburukan oleh mana-mana pihak

Ciri 3 : Politik Berasaskan Penyelesaian Islam

Definisi : Sebuah budaya berpolitik yang memberi penekanan kepada penyelesaian bukan sekadar menimbulkan isu dan permasalahan

Perincian :

Bertentangan dengan budaya politik konvensional di mana parti pembangkang hanya melontarkan isu dan permasalahan, BPMS menekankan kepada penyelesaian. Parti-parti politik perlu membina budaya berpolitik yang memberi penekanan dan kesungguhan dalam mencari jalan penyelesaian terhadap sebarang permasalahan rakyat.

Mereka sepertutnya memposisikan diri masing-masing sebagai sebuah organisasi politik yang konstruktif. Setiap kelemahan dan kepincangan pihak pentadbiran kerajaan tidak hanya dibantah atau dibangkang semata-mata. Yang baik disokong secara matang, yang batil dibangkang juga secara matang. Masing-masing boleh mengemukakan jalan penyelesaian mereka yang dikira terbaik untuk rakyat.

Parti Pemerintah pula perlu bersifat terbuka memberi pertimbangan sewajarnya secara adil kepada cadangan penyelesaian yang dibawa oleh parti Bukan Pemerintah. Rakyat menjadi penilai dan hakim bagi memilih mana-mana parti yang terbaik dalam membawa penyelesaian kepada mereka.

Objektif :

- a. Mengubah cara pemikiran konvensional kalangan parti bukan pemerintah yang lebih menumpukan kepada permasalahan tanpa alternatif penyelesaian, begitu juga budaya parti Pemerintah yang sentiasa menolak inisiatif pihak parti Bukan Pemerintah
- b. Meyakinkan masyarakat bahawa perjuangan masing-masing membawa penyelesaian terbaik kepada rakyat
- c. Mendidik rakyat memfokuskan kpd penyelesaian bukan permasalahan, serta menilai parti politik mengikut kesungguhan dan keupayaan mereka membawa penyelesaian

Ciri 4 : Politik Utamakan Rakyat

Definisi : Sebuah budaya berpolitik yang menjadikan kepentingan rakyat sebagai keutamaan dalam sebarang keputusan dan tindakan, mengatasi kepentingan individu mahupun kumpulan sekaligus mengelakkan budaya “politiking”.

Perincian :

Amalan ‘politiking’ telah menjadi budaya berpolitik konvensional di mana yang diutamakan ialah kepentingan peribadi dan kelompok masing-masing dengan membela kepentingan rakyat. Sesuatu tindakan hanya diambil apabila ia menguntungkan agenda politik mereka sekalipun bercanggah dengan kepentingan rakyat. Dengan kata lain, kepentingan rakyat tidak dibela sekiranya tidak membawa kepentingan peribadi dan kelompok mereka.

Melalui BPMS, budaya meletakkan kepentingan rakyat mengatasi kepentingan individu dan kelompok masing-masing adalah lebih diperkasakan lagi. Parti-parti politik perlu membina budaya berlapang dada dalam segala hal walaupun sesuatu tindakan tersebut mungkin memberi impak politik yang minima kepada mereka.

Objektif :

- a) Mengurangkan dan membasmi budaya politiking yang mengutamakan kepentingan peribadi dan kelompok mengatasi kepentingan rakyat
- b) Membina budaya berpolitik di mana semua pihak berlumba-lumba untuk membawa kebaikan kepada rakyat (prinsip “fastabiqul khairat” anjuran Al Quran), bukan bermusuhan dan saling memusnahkan yang membawa kepada kesengsaraan rakyat

Ciri 5 : Politik Damai Dan Diplomasi

Definisi : Sebuah budaya berpolitik yang mengambil pendekatan aman dan berdiplomasi dalam menangani sesuatu isu di dalam masyarakat, serta mengelakkan sebarang bentuk konflik secara fizikal.

Perincian :

BPMS menekankan agar budaya politik konvensional yang banyak mengambil pendekatan konfrontasi dapat dihentikan. Parti-parti politik mestilah membina budaya yang mengambil pendekatan aman, berhubung secara diplomasi, saling menghormati serta mengelakkan konflik fizikal dalam berurusan dengan semua pihak lain sekalipun mempunyai sikap yang bertentangan terhadap sesuatu

isu. Prinsip pendekatan ini bermakna parti-parti politik dan pendokong mereka tidak memusuhi sosok tubuh dan warna kulit seseorang. Malah nama dan latar belakang kaum, bangsa dan bahasa juga bukan menjadi persoalannya kerana itu semua adalah ciptaan dan anugerah Allah swt.

Objektif :

- a. Mengelakkan budaya politik konfrontasi dan fitnah memfitnah
- b. Membentuk suasana masyarakat yang lebih damai dengan masyarakat yang aktif berpolitik
- c. Meningkatkan budaya menghormati pihak lain melalui hubungan yang berdiplomasi serta berperaturan
- d. Mendidik masyarakat agar memulakan dengan pendekatan damai, dan hanya menjadikan pendekatan yang lebih agresif sebagai tindakan terakhir jika benar-benar perlu
- e. Pertentangan politik tidak membawa kepada pertentangan fizikal

Ciri 6 : Politik Benar Bukan Sekadar Persepsi

Definisi : Sebuah budaya berpolitik yang menekankan kebenaran dan mengelakkan tipudaya pembinaan persepsi semata-mata dalam menarik sokongan rakyat.

Perincian :

“Politik adalah Persepsi” merupakan sebuah mantra hasilan budaya politik konvensional yang seringkali digunakan parti-parti politik dalam menarik sokongan orang ramai. Yang diutamakan di sini ialah persepsi, bukan realiti. Samada ianya benar atau tidak, yang menjadi kepentingan kepada budaya politik konvensional ini ialah membina persepsi orang ramai sesuai dengan kepentingan politik mereka.

Melalui persepsi, perasaan dan pertimbangan rakyat cuba dimanipulasi. BPMS meletakkan parti-parti politik agar mengamalkan budaya politik yang berasaskan kebenaran. Persepsi orang ramai mestilah dibentuk berasaskan fakta dan hakikat. Ianya tidak boleh disandarkan dengan rekaan, atau mainan istilah mahupun manipulasi angka dan media bagi mengelirukan orang ramai, menimbulkan sentimen secara negatif.

Rakyat menjadi pendidik politik yang utma dengan menggunakan hak dan kuasa politik mereka dalam menolak mana-mana pihak yang memanipulasi sentiment rakyat secara negative tanpa berasaskan kepada kebenaran.

Objektif :

- a) Membina budaya membuat tindakan berasaskan kebenaran bukan sekadar persepsi
- b) Menyedarkan masyarakat bahawa persepsi amat mudah dimanipulasi dalam dunia teknologi ICT sekarang dan akan datang
- c) Mengajak masyarakat menolak mana-mana pihak yang cuba memainkan persepsi rakyat secara negatif, dan tidak berasaskan kebenaran

Ciri 7 : Politik Rasional Dan Profesional

Definisi : Sebuah budaya berpolitik yang berasaskan kepada hujah yang rasional yang dibina, diolah dan disampaikan secara profesional mengutamakan ciri keadilan, ketepatan, kecekapan dan berkualiti.

Perincian :

Pandangan, sikap dan tindakan yang diambil oleh parti-parti politik mestilah sentiasa disertakan dengan hujah dan penjelasan yang

rasional sesuai dengan keadaannya. Masyarakat perlulah diberi kefahaman dengan penjelasan tersebut yang disampaikan dengan kaedah serta media yang cepat dan tepat.

BPMS membina budaya bahawa masyarakat tidak boleh dipaksakan ke atas mereka, sebarang pendirian dan tindakan tanpa penjelasan yang menasabah. Budaya ini menggambarkan kematangan berpolitik yang menghormati keperluan intelek orang ramai. Pandangan dan tindakan yang diambil mestilah berdasarkan kepada maklumat yang betul, dan bukan berasaskan emosi semata-mata.

Objektif :

- a) Membina budaya yang memberi penekanan kepada penjelasan yang rasional kepada ahli masyarakat khususnya, bagi setiap sikap dan tindakan politik yang diambil
- b) Membentuk sikap, pemikiran, dan tindakan yang lebih rasional oleh semua pihak dalam menangani isu-isu masyarakat dan provokasi pihak lawan.
- c) Membina budaya profesionalisme dalam tindakan yang diambil yang mementingkan kecekapan, ketelusan, ketepatan dan kualiti-kualiti lain seperti yang dituntut oleh Islam
- d) Mendidik rakyat dalam menilai sesuatu tindakan politik berasaskan kepada penjelasan dan hujjah serta profesionalisme pihak pihak berkenaan

Impak BPMS

Antara impak yang dijangka dapat dicapai melalui penghayatan BPMS dalam kalangan rakyat ialah;

- Menggalakkan budaya politik berasaskan ilmu, fakta dan kebenaran
- Mengelakkan perselisihan dalam kalangan rakyat dan anarki
- Mengelakkan ketidak-stabilan politik, sosial dan ekonomi negara
- Meningkatkan persaingan negara dalam ekonomi dan lain-lain dengan rakyat yang berharmoni
- Memperkasakan kuasa politik rakyat dalam membawa negara ke arah yang lebih progresif dan sejahtera
- Membendung mana-mana samada parti pemerintah, mahupun parti bukan pemerintah dari memperkotak-katikkan rakyat melalui pelbagai bentuk manipulasi
- Menutup ruang bagi campur tangan pihak luar dalam politik negara

BPMS menerusi MBI Kelantan

Kelantan merupakan negeri yang di tadbir oleh PAS bermula dari 20 Oktober 1990 sehingga sekarang (2018) yang meletakkan dasar Membangun Bersama Islam (MBI). MBI dengan maksud pembangunan yang dijalankan mestilah selari dengan landasan yang ditentukan oleh Allah SWT. Asas MBI dibangunkan dengan tiga teras utama iaitu 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqa (UMI).

UMI merupakan konsep yang bertujuan untuk melahirkan tenaga-tenaga kerja yang berkualiti bagi melaksanakan amanah rakyat, perubahan dalam bentuk taqwa hati ke dalam jiwa kerana dari sinilah tumbuhnya sifat amanah, jujur, sanggup berkorban, bekerja keras, setiakawan serta lain-lain yang menjadi rempah ratus pentadbiran kerajaan. Konsep ini juga sebagai motivasi ke arah pegangan hidup yang kuat terhadap Islam sebagai Ad-Deen.

Falsafah ini didokong oleh tiga perkataan yang diperincikan maksudnya dengan petikan berikut. :

1. **'Ubudiyyah** : Manusia sebagai hamba Allah yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepadaNya. Ia memberi signifikan dari sudut sifat diri, tujuan hidup dan jug acara menjalani kehidupan yang lahir dari pancaran iman dan akidah yang jelas
2. **Mas'uliyyah** : Keber tanggungjawaban (akauntabiliti), iaitu segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan di dunia ini akan dipersoalkan oleh Allah di hari pengadilan kelak. Suatu proses khilafah yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amalan yang berlandaskan syariat.
3. **Itqan** : Kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja, membentuk peribadi yang berakhlik dan bermoral serta modal insan yang cemerlang melaksanakan tugas.

Menerusi UMI, pelbagai dasar dan program yang diperkenalkan seperti dasar Bertani Satu Ibadah, Dasar Perundungan dan kehakiman, Dasar Kebudayaan dan Kesenian, Dasar Pembangunan Pendidikan, Dasar Pembangunan Ekonomi, dan Dasar Pembangunan Sosial.

Bermula era YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Haji Yakob, dasar MBI dikembangkan dengan Merakyatkan Membangunkan Bersama Islam menerusi tiga teras iaitu keberkatan, kemakmuran dan kebaikan. Merakyatkan MBI ini berteraskan kepada 6 paksi utama iaitu :

1. Memperkasakan pembangunan rohani demi keberkatan dan keredhaan Allah SWT
2. Memperjuangkan hak rakyat atas prinsip federalism (perlembagaan)
3. Melaksanakan keadilan untuk semua rakyat
4. Pembangunan wanita dan anak muda Kelantan
5. Memakmurkan kehidupan yang harmoni dan berkebajikan
6. Prasarana media dan perhubungan

Misi Keberkatan, kemakmuran dan kebajikan meletakan tujuh fokus nilai teras iaitu :

1. Amalan Kebersihan
2. Menyempurnakan Solat
3. Pembangunan Pendidikan
4. Menyuburkan Kebudayaan dan Kesenian
5. Menangangi Gejala Sosial
6. Menerajui Pembangunan Ekonomi; dan
7. Penyelidikan dan Penilaian

Setiap paksi dan fokus ini mempunyai perincian yang tersendiri dan menjadi agenda kerajaan negeri untuk membuat penambahbaikan dalam menjalankan amanah pentadbiran negeri.

Konsep UMI yang diamalkan oleh negeri Kelantan begitu selari dengan konsep BPMS dalam konteks politik Islam. Penekanan kepada prinsip dan penyelesaian Islam telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri bermula daripada tahun 1990 lagi. Antara perubahan yang dilakukan ialah :

1. Memindahkan simpanan wang kerajaan dari bank riba ke bank Islam
2. Memperkenalkan konsep gadaian Islam menerusi Ar-rahn
3. Memperkenalkan konsep rumah mampu milik dengan 3 bilik tidur

4. Meluluskan Kanun Jenayah Syariah II (Hudud) pada 1993
5. Menghapuskan premis-premis judi
6. Memperkenalkan konsep Taawun bagi melaksanakan projek kesejahteraan rakyat dan penjimatan perbelanjaan
7. Melaksanakan sistem perundangan dan peraturan Islam semaksimum mungkin sebagaimana tuntutan syariah dan mengikut bidang kuasa kerajaan negeri dalam konteks federalisme.

Melalui BPMS juga, konsep federalisme diperkasakan dengan membina hubungan yang baik antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat berjalan dengan lebih baik menerusi ciri BPMS yang mengamalkan politik utamakan rakyat. Antara kerjasama yang berlaku seperti kerjasama dalam pemerkasaan mahkamah syariah menerusi pindaan akta 355 yang berjaya dibentangkan ke parlimen. Pembangunan infrastruktur seperti pembesaran lapangan terbang Sultan Ismail Petra dan pembinaan Hospital Bachok. Begitu juga dengan pembinaan lebuhraya yang telah mendapat kelulusan daripada kerajaan pusat. Begitu juga bantuan kerajaan pusat untuk perbekalan air Kelantan.

Jika BPMS ini diperkasakan lagi, tidak mustahil royalti minyak Kelantan akan dikembalikan dan ini akan membantu Kelantan untuk melaksanakan agenda MBI dengan lebih baik lagi di masa-masa mendatang.

BPMS adalah pengembangan MBI untuk Tamadun Baru Malaysia

Kelantan adalah negeri yang paling lama di tadbir oleh PAS iaitu sekitar 27 tahun. Perubahan-perubahan di Kelantan semenjak dari tahun 1990 mengikut dasar-dasar PAS yang menekankan dasar Islam. Dalam masa yang sama tekanan daripada kerajaan pusat yang

ditadbir UMNO begitu hebat seperti penafian beberapa hak yang sepatutnya dinikmati oleh kerajaan negeri.

Namun kerajaan negeri tetap bersabar dan meneruskan agenda pembangunan berdasarkan MBI mengikut kemampuan yang sedia ada. Hasil terbesar dalam MBI ialah sifar rasuah. Ini merupakan antara kejayaan yang besar dalam sebuah kerajaan negeri. Dalam masa yang sama indeks pesepsi rasuah (CPI) di peringkat Malaysia merosot daripada tangga 52 ke tangga 66. Menerusi laporan audit negara, jumlah kerugian kerajaan disebabkan ketirisan mencecah RM 28 bilion. Ini merupakan angka yang besar.

Menerusi sifar rasuah inilah kerajaan berjaya menjimatkan perbelanjaan kerajaan berjuta-juta ringgit. Jika Malaysia mengamalkan konsep yang sama, tidak mustahil Malaysia mampu melaksanakan agenda kemajuan dengan lebih baik lagi.

Hasil daripada BPMS, hubungan dengan pusat dapat dipulihkan selepas hampir 20 tahun di anak tirikan dalam pembangunan. Ini antara yang ditegaskan oleh YAB Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar Kelantan. Ini berlaku apabila pertembungan politik tidak dijadikan asas pertembungan dalam hubungan antara kerajaan negeri dan pusat.

BPMS adalah pengembangan daripada MBI dari sudut pelaksanaan prinsip, konsep dan pelaksanaan Islam dalam bentuk yang praktikal. Ini merupakan antara cabaran terbesar PAS dalam menterjemahkan Islam dalam konsep pelaksanaan. MBI telah buktikan kejayaan ini dan akan dikembangkan lagi apabila PAS di beri peluang untuk mentadbir Malaysia. Begitu juga dengan konsep negara Berkebajikan yang meletakkan kerajaan dan rakyat sama-

sama terlibat dalam pembangunan negeri. Konsep ini telah dilaksanakan dalam MBI sekian lama.

BPMS akan menjadi satu budaya baru politik Malaysia yang meletakkan perbezaan antara konsep pertembungan parti dan hubungan kerajaan. Ini akan mengembalikan konsep demokrasi dalam definisi yang lebih jelas. BPMS akan membezakan hubungan kerajaan, parti politik dan individu dengan lebih jelas. BPMS juga akan meletakkan pertimbangkan Islam menjadi aspek utama dan akan menentang segala bentuk anasir yang cuba merosakkan agenda Islam.

Rujukan

Lajnah Pemerksaan Parti PAS, *Budaya Politik Matang dan Sejahtera*, 2015

Mat Rofa Ismail, *Malayonesia, Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayu*, Terbitan Karya Bistari, 2017

Kejayaan Kelantan dengan BPMS <https://www.malaysia-today.net/2018/01/22/kisah-kisah-kejayaan-kelantan-yang-dipendamkan/>

Wan Nik Wan Yusof, *Strategi Baru Kelantan : Merakyatkan Membangun bersama Islam*, <http://pks.kelantan.gov.my/?p=61>

RUJUKAN

- Atjeh, A. B. 1979. *Beberapa Catatan Mengenai Dakwah Islam*. Semarang: Ramadani.
- Ibn al-Taymiyyah, (Taqiuddin Ibn Ahmad). 1988. *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyyah*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ab Rahman Ismail. 1999. *Pembentukan polisi awam dan perkembangan politik di kelantan: Satu kajian terhadap persepsi UMNO dan PAS*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abd. al-Al Atwah. 1993. *al-Madkhal ila al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Riyadh.
- Abd. al-Ghalib Abd al-Kafi Al-Qurasyiy. 1983. *Awwaliyyat al-Faroq al-Siyasiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Haramain.
- Abd. Rahim Anuar dan Azizah Mohd Yusof. 2001. *Dasar Membangun Islam dan Pertumbuhan Ekonomi Kelantan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abd al-Wahab Khallaf. 1987. . *al-Siyasah al-Syar'iyyah wa Nizam al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Syu'un al-Dusturiyyah, wa al-Kharjiyyah wa al-Maliyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abdul Hadi Awang. 1999. *Bersatu dirikan kerajaan baru*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan PAS Pusat.
- Abdul Hadi Awang. 2008. Negara berkebajikan: Tawaran PAS kepada rakyat Malaysia.
http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&danview=article&id=37:negara-berkebajikan--tawaran-pas-kepada-rakyat-malaysiadancatid=14:kenyataan-rasmidanItemid=56.

- Abdul Hadi Awang. 2011a. Konsep negara berkebajikan, istilah 'welfare state' beza. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/presidenpas-konsep-negara-berkebajikan-istilah-welfare-state-beza/Abdul> [8 July 2012].
- Abdul Hadi Awang. 2011b. *Konsep asas negara berkebajikan*. Kuala Lumpur: Lajnah Penerbitan Dewan Ulama PAS Pusat.
- Abdul Hadi Awang. 2012. Tahaluf siyasi bersama pakatan rakyat. <http://bm.harakahdaily.net/index.php/columnist/presiden/13826-tahaluf-siyasipas-bersama-pakatanrakyat>
- Abdul Halim Ahmad. 1998. Pendidikan Islam di Kelantan. *Warisan Kelantan I*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Halim Nasir. 1979. *Panduan ke Tempat-Tempat Bersejarah Kelantan*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium.
- Abdul Rahman Taj. (n.d.). *al-Siyasah al-Syar'iyyah wa al-Fiqh al-Islamiy*. Kaherah.
- Abdul Razak Mahmud. 2002. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdul Razak Mahmud. 2010. *MAIK Perananya dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan di Kelantan Sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah al-Qari bin Hj Salleh. 2002. *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Abdullah Alwi Hassan. 1985. *Administrative of Islamic Law in Kelantan*. Kota Bharu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Alwi Hassan. 1996. *The Administration of Islamic Law In Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Nata. 1994. *Alquran dan al-Hadis*. Jakarta: Raja Grafindo.

- Abdullah Sudin. (n.d.). Pertumbuhan Ekonomi Kelantan 1990 - 2010. *Majalah Qiadah Edisi 1434*, hlm.2013. Kota Bharu: Perbadanan Menteri Besar Kelantan.
- Abu al-Hassan Ali Ibn Khalil Al-Tarabusi. (n.d.). *Mu'in al-Hukkam fima Yataraddad Baina al-Khasmain min al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Bakar Hamzah. 1992. *Parti PAS dengan tahaluf siyasinya*. Kuala Lumpur: Media Cendekiawan.
- Ahmad Fadhli Shaari. 2008a. Tahaluf siyasi dalam konteks perjuangan PAS di malaysia pasca PRU-12 serta pandangan ulama haraki mengenainya.
<http://ahmadfadhlis.wordpress.com/2008/06/19/tahaluf-siyasi-dalam-konteks-perjuangan-pas-di-malaysia-pasca-pru-12-serta-pandangan-golonganulama-haraki-mengenainya-draf-awal/>
- Ahmad Fadhli Shaari. 2008b. Hukum tahaluf siyasi dalam konteks gerakan Islam. *KIAS*.
<http://www.kias.edu.my/tahalufsiasi08.htm>
- Ahmad Fathi al-Fathani. 2001. *Ulama Besar Dari Fathani*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Mawardi Abdullah. 2009. *Kebijakan politik Islam Nik Abdul Aziz Nik Mat di Kelantan tahun 1990-2008*. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Ahmad Yakob. 2016. Ucapan Belanjawan Negeri Kelantan.
<http://www.pkn.kelantan.gov.my/web/index.php/ms/sumber/penerbitan/ucapan-belanjawan/book/9-ucapan-belanjawan-tahun-2017/3-ucapan-belanjawan> [2 July 2017].
- Al-Juwainiy Abd al-Malik bin Abdullah. (n.d.). *Ghiyath al-Umam fi Iltiyath al-Úalam, (edit oleh Dr.Mustafa Hilmi dan Dr. Fuad ÑAbd. al-MuÑim)*. Iskandariah: Dar al-Dakwah.

- Al-Syatibi. (n.d.). *al-Muwafaqat fī Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Alias Haji Mohd Noor. 2000. *Tokoh-tokoh Ulama Kelantan Darul Naim*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Alias Mohamad. 1975. *Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan*. Kuala Lumpur: Utusan Publishers.
- Alias Mohamed. 1994. *Kelantan di Bawah Pemerintahan PAS*. Selangor: Gateway Publishing House.
- Alwi Hasan, A. 1996. *The Administration of Islamic Law In Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Md. Yusof & Nariman Mohd Saad. 2005. *Islam Dan Pertumbuhan Ekonomi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan. 1990. *Program PAS Negeri Kelantan 1990*. Kota Bharu: Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan.
- Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan. 1999. *Program PAS Negeri Kelantan, al-Bujairimi, Sulaiman Ibn Omar Ibn Muhammad, Hasyiah al-Bujairimi ala al- Manhaj al- Musammah al-Tajrid linafi' al-Ibad ala Syarh Minhaj al-Tullab, Kaherah*. Kota Bharu: Matbaah Mustafa al-Babi wa auladih.
- Bernama. 2006. Entertainment: PAS forced to draw people's support. <http://web10.bernama.com/finance/news.php?id=233646&vo=28> [3 July 2017].
- Chandra Muzaffar. 1987. *Islamic Resurgence in Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Press.
- Dahrendorf. 1959. *Class and Class Conflict in Industrial Society*. Standford: Stanford University Press.

- Daniels, T. P. 2012. Economics and Ethics in Kelantan, Malaysia. *Hofstra HORIZONS, Spring 201*, 22–27.
- Dewan Ulama PAS Pusat. 2011. Tahaluf siyasi untuk kejayaan besar PRU-13. http://www.ulamak.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=349:tahaluf-siyasiuntuk-kejayaan-besar-pru-13&catid=17&Itemid=19 [9 July 2012].
- Dinsman. 2000. *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam Kelantan Di Bawah Pimpinan Ulamak*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Djazuli, A. 2010. Penggalian, Perkembangan, dan Penerapan Hukum Islam. *Ilmu Fiqh*. Jakarta: Kencana.
- Dr. Rizq al-Zalbani. (n.d.). *Mudhakkirah fi al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Jami'ah al-Azhar: Matba'ah al-Syarq.
- Geertz, C. 1973. *The Interpretation of Cultures: Selected Essays*. New York: Basic Books Inc. Publishers.
- Hafifuddin. 2014. *Peranan Ulama Dalam Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh*. Yogyakarta: Kaukaba Dipantara.
- Hanapi Dollah. 1989. *Formasi Sosial Melayu Pra Kapitalis: Negeri Kelantan Pada Abad ke-19*. Bangi: Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, UKM.
- Hassan Mahmood. 2006. Kertas Dasar Membangun Bersama Islam. *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*., Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Husam Musa. 2008. Kelantan rintis negara kebajikan PAS. <https://pasdundemit.wordpress.com/2008/01/29/kelantan-rintis-negara-berkebajikan-pas/> [3 July 2017].

- Ibn al-Qayyim (Abu Abdallah Muhammad Ibn Abi Bakr). 1995. *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Farhun (Ibrahim Syamsuddin). (n.d.). *Tab sirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiah wa al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Khaldun. 1968. *Ibnu Khaldun tentang masyarakat dan negara*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Imam Bukhari. (n.d.). *Shahih al-Bukhari*, Juz 22. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ismail Yusoff. 2015. *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran agama dan politik*. Sintok: UUM Press.
- Ismail Yusoff & Shukri Ahmad. 2011. *Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ismail Yusuf. 2000. Nik Aziz: Pemikir Islam dan Penglibatan Politik. *Pemikir*.
- Jamal Mohd. Lokman Sulaiman. 1999. *Biografi Tuan Guru Dato Haji Nik Abdul Aziz, Seorang Ulama serta Ahli Politik Malaysia di Abad ke 20*. Sulfa Human Resources Development.
- Kelantan. 1991. *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1991, Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri Di Bawah Perintah-Perintah Am 25 Dan 26 Bab C*. Kota Bharu: Kelantan.
- Kelantan. 1998. *Kanun Acara Jenayah Syariah II*. Kota Bharu: Kelantan.
- Kelantan. 2003. *Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003*, bertarikh:23 Oktober 2003. Kota Bharu: Kelantan.

- Kelantan Universiti Politik Terbuka. 1995. Nilam Puri: Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah.
- Kessler, C. 1978. *Islam and Malay Politics in a Malay State: Kelantan 1938-1969*. Ithaca: Cornell University Press.
- Lajnah Pemerksaan Parti PAS. 2015. *Budaya Politik Matang dan Sejahtera*. Kuala Lumpur: Parti Islam SeMalaysia (PAS).
- Lotfi Ismail. 1978. *Detik Mula Konfrantasi Nasir-Asri*. Petaling Jaya: Penerbit Karangkraf.
- M. Amiro Safwan M. Kamil. 2015. *Bicara Ini Untuk Murabbi*. Selangor: Ultimate Print.
- M. Natsir. 1989. *Fiqhud Da'wah*. Jakarta: Media Dakwah.
- Mahmud Syaltut. 1996. *Al-Islam Aqidah wa Syari'ah* hlm.III. Kaherah: Darul Kalam.
- Malik Bennabi. 2009. *Asal-usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad.
- Mat Rofa Ismail. 2017. *Malayonesia, Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayu*. Shah Alam: Karya Bistari.
- Mohamad Agus Yusof. 1995. *Perkembangan dan perubahan sosio-politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.
- Mohamad Agus Yusof. 2002. Politik Federalisme Malaysia: Pengalaman Sabah. *Jurnal JATI, Bil 2*.
- Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali. 1990. *Dasar ekonomi baru: Kelemahan dan penyelewengan*. Universiti Teknologi Mara.
- Mohd Aizat Mohd Salleh al-Hafiz. 2015. *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Selangor: Publishing House.

- Mohd Asri Haji Muda. 1993. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Daud & Hj. Wan Jamil Wan Mahmood & Ramli Abdul Halim. 2000. *No Title*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKNK).
- Mohd Fadli Ghani (Ed.). 2010. *Dua Dekad Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Mohd Shukri Hanapi. 2012. *Tasawur pembangunan dalam al-qur'an: kajian tafsir al-mawdu'iy*. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi. 2011. Transisi politik dari negara Islam kepada negara berkebajikan Parti Islam Semalaysia (PAS): Cabaran dan matlamat. Pulau Pinang: The 6th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011).
- Mohd Zain Salleh. 1985. *Sejarah Umno Kelantan*. Kota Bharu: Perhubungan Umno Negeri Kelantan.
- Muhammad Amin Ibn Abidin. 1996. *Hasyiah Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad bin Abdullah (Nakula). 1981. *Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa Bersejarah*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Muhammad Ibn Abi Bakr al-Razi. 1992. *Mukhtar al-Sihhah*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Muhammad Syukri Salleh. 2000. PAS dan Islamisasi di Kelantan. *Pemikir*, 21, 161–185.
- Muhammad Syukri Salleh. 2003. *7 prinsip pembangunan berteraskan Islam*. Universiti Sains Malaysia.
- Mustafa Ali. 2011. Tahaluf siyasi adalah strategi. <http://www.youtube.com/watch?v=jJlOVBrIxJg>

- Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan. 1977. *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*. Kota Bharu: Pakatan Keluarga Tuan Tabal.
- Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan. 1983. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nik Aziz Nik Mat. 1995. *Islam Boleh*. Nilam Puri: Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah.
- Nik Mohamaed bin Nik Mohd. Salleh. 1984. Bandar Kota Bharu Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya. *Warisan Kelantan III*. Kota Bharu: : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Nik Mohamaed bin Nik Mohd. Salleh. 2001. Perkembangan Pendidikan atau pengajian Islam di Negeri Kelantan. *Warisan Kelantan IV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Nurul Syahidah & Adib Ismail. 2013. Pengamalan Ekonomi Islam di Negeri Kelantan. *Prosiding PERKEM VIII*, hlm.371–382.
- Parti Islam SeMalaysia. 2002. *Perlembagaan Parti Islam SeMalaysia (PAS) (Pindaan 2011)*. Taman Melewar: Markaz Tarbiyah PAS Pusat.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. 1990. *Bacaan Sebelum Mesyuarat dan Doa Selepas Mesyuarat*. Kota Bharu: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
- Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan. 2011. *Dua dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Quraish Shihab. 1995. *Membumikan Alquran*. Bandung: Mizan.
- Ramlan Surbakti. 1992. *Memahami Ilmu Politik*. Jakarta: Gramedia Widya Sarana.

- Rokiah Talib. 1994. *Politik dan isu ekonomi di Kelantan: Satu kajian sosio ekonomi*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House.
- Sahawati Harun. 2012. *Islamisasi Pembangunan di Kelantan (1990-2010)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salleh Mohd. Akib. 2003. *Masjid Tua Kampung Laut*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Saripan Rahmat. 1991. *Ulama dan Kehidupan Keagamaan Pada Awal Kurun Ke 20 Dalam Ulama Terengganu: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Shaharir Mohammad Zain. 2011. *Kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz Mengikut Pandangan Sarjana Kepemimpinan Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Kaab Enterprise.
- Shaikh Alam Mohd Noor. 1988. *Federalisme di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shukeri Mohamad. 2009. *Penerimaan Maasyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah yang di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan*. Universiti Malaya.
- Shukri Noor. 2011. Memakmurkan Ekonomi. *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*, hlm.249–270. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Sinar Harian. 2015a. Setuju gabung demi jawatankuasa pasca banjir. <http://www.sinarharian.com.my/politik/setuju-gabung-demijawatankuasa-pasca-banjir-1.348350> [28 February 2015].
- Sinar Harian. 2015b. Pemuda PAS Sambut Baik Kerjasama Kelantan, Pusat. <http://www.sinarharian.com.my/politik/pemuda-pas-sambutbaik-kerjasama-kelantan-pusat-1.349161> [28 February 2015].

- Suhana Saad & Suraiya Ishak. 2010. Pembudayaan etika dan penyelesaian konflik dalam kalangan agen pembangunan di Kelantan. *Jurnal Akademika*, 79, 53–63.
- Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi. (n.d.). Urus tadbir sebuah bandaraya Islam Malaysia: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan. *Geografia Online, Malaysian Journal of Society and Space*, 5(3), 8–25.
- Surtahman Hasan & Norfadzilah Ahmad. 2004. Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 20 (2), 69–88.
- Syahir Sulaiman. 2013. Keunikan Ekonomi Kelantan, Satu Tinjauan. *Majalah Qiadah*, hlm.Vol. Edisi 1434. Kota Bharu: Perbadanan Menteri Besar Kelantan.
- Tarmizi B. Mohd Jam dan Mohd Nadzir B. Jusoh. 1995. *Tuan Guru Nik Abdul Aziz B. Nik Mat, Kelantan Agenda Baru Umat Islam*. Kuala Lumpur: Rangkaian Minda Publishers.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan. 1996. Konsep Membangun Bersama Islam dalam pentadbiran kerajaan negeri. *Majlis Perhimpunan Unit Dakwah Halaqah dan Penghulu Peringkat Negeri Kelantan*, Kota Bharu.
- Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Malaysia. 2011. No Title. Dlm. Mohd Fadli Ghani (pnyt.). *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*, hlm.267–268. Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Unit Perancangan Ekonomi Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. 1996. *Konsep Membangun Bersama Islam Dalam pentadbiran Kerajaan negeri*. Kota Bharu: Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
- UPKNK. 1993. *Buletin Bil 39*. Kota Bharu: UPKNK.

- UPKNK. 1995. *Buletin Keluaran Khas*. Kota Bharu: UPKNK.
- UPKNK. 1998. *Buletin Bil 84*. Kota Bharu: UPKNK.
- Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKNK). 1999. *Perubahan-perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama, Isu-isu Perkembangan Pentadbiran PAS Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKNK).
- Utusan Online. 2011. Lagu Lama Hudud Ala-PAS. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0922&pub=Utusan_Malaysia&sec=Forum&pg=fo_01.htm#ixzz4lpg4gFDU [2 July 2017].
- Utusan Online. 2016. No Title. <http://m.utusan.com.my/rencana/lambang-8232-keagungan-islam-1.423565>
- Wahbah az Zuhaili. 2011. *Fiqih Islam wa Adillatuhu*. (Ter:Abdul Hayyie al-Kattani, Ed.). Jakarta: Gema Insani.
- Wan Ji Wan Husen dan Saifulamri M. Hussin. (n.d.). *Kezuhudan Umar Abdul Aziz Kesederhanaan Nik Abdul Aziz*. Selangor: Kemilau Publiko.
- Wan Nik Wan Yussof. (n.d.). Strategi Baru Kelantan : Merakyatkan Membanguna bersama Islam. <http://pks.kelantan.gov.my/?p=61>
- Wan Nik Wan Yussof. 2011. *Perspektif Tok Guru*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Wan Noor Anis Amaleena W. Ab. Aziz. 2017. *Teras-teras pentadbiran kerajaan negeri Kelantan dari tahun 1990 sehingga 2016*. Universiti sains Malaysia (USM).

- Yahya Ismail. 2001. *Perayaan Jubli Emas 50 Tahun PAS, Tuan Guru Nik Aziz Kepimpinan Ulama Dalam Politik Nasional*. Petaling Jaya: Usaha Teguh.
- YIK. (n.d.). Suara YIK Bil 7/99.
- Zainuddin Awang Hamat. 2000. Sepuluh Tahun Memerintah Minda Manusia. Dlm. Dinsman (pnyt.). *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*,. Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Zainuddin Awang Hamat & Dinsman. 2000a. Kepimpinan dan Pentadbiran Membangun Bersama Islam. Dlm. Dinsman (pnyt.). *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*,. Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Zainuddin Awang Hamat & Dinsman. 2000b. Mengurus Kewangan Negeri Berdana Kecil. Dlm. Dinsman (pnyt.). *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*,. Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Zainuddin Awang Hamat & Saipul Bahrin Mohamed. 2000. Solat Sebagai Instrumen Pentadbiran. Dlm. Dinsman (pnyt.). *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*,. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Zainuddin Ibn Nujaim. (n.d.). *al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiy.
- Zakariah Abdul Rashid. 2003.). Ekonomi Negeri Kelantan Dari Perspektif Analisis Shift-Share Wilayah. *Pertanika Journal Social Science*, 11(1), 19–31.
- Zaleha Embong. 2009. *Pemikiran pembangunan rohani Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Universiti sains Malaysia (USM).
- Zanden, J. W. Vander. 1986. *Sociology: The Core*. Alfred a Knopf.



Islam Dalam Ketamadunan *Kelantan*

Islam merupakan elemen terpenting dalam sejarah dan pembangunan tamadun negeri Kelantan sejak abad ke-14. Ulamak dan umarak telah berganding tangan dalam mengubah kehidupan rakyat dan kemajuan negeri sehingga menjadikan Kelantan sebagai Serambi Mekah. Legasi Kelantan sebagai negeri yang mempunyai tokoh dakwah seperti Syed Hussein Jamadil Kubra, tokoh murabbi ummah seperti Tok Kenali dan tokoh umarak seperti Dato' Perdana Nik Mahmud, kini telah bercantum membina kekuatan baru melalui watak Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, sehingga meletakkan Kelantan sebagai model tamadun Melayu Islam. Dasar Membangun Bersama Islam yang diwujudkan sejak 1990 adalah terjemahan terhadap seluruh kekuatan Islam dalam menjana kesejahteraan umat sama ada dalam bidang politik, ekonomi maupun sosial. Kini, Kelantan sejahtera untuk Islam, menjadi pusat ketamadunan baru abad ke-21 yang mencantumkan kemajuan kemanusiaan dan pembangunan fizikal yang berteraskan pengabdian kepada Allah.



ISBN 978-967-12552-5-4



9 789671 255254



www.iptg.my



www.facebook.com/iptg.my